

MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
2019

**HARI ISNIN : 9 DISEMBER 2019**

**NO SOALAN: 1**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI**  
**MAHAMAD**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datin Rahimah Binti Haji Mahamad** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilangan belia yang tamat pengajian dari IKM, KKTM, UniKL atau Institusi IPTS dan Pusat Latihan Kemahiran Institusi kelolaan KPLB sehingga November 2019 dan berapa ramai dari bilangan ini yang masih menganggur atau memilih untuk menjadi usahawan bimbingan Kerajaan.

## **NO SOALAN: 1**

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Untuk makluman Yang Berhormat, bilangan keseluruhan graduan Institusi Pendidikan TVET di bawah KPLB (dikenali sebagai TVET@KPLB) sebanyak 274 buah yang terdiri daripada 2 buah Akademi Kemahiran KEMAS di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), 14 Institut Kemahiran MARA (IKM), 10 Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTM), 1 MARA Japan Industrial Institute (MJII), 13 UniKL, 1 German-Malaysian Institute (GMI), 231 Pusat GIATMARA di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA), 1 Kolej KEDA di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) dan 1 Institut Kemahiran Tinggi PERDA di bawah Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) adalah seramai 615,094 sejak institusi-institusi tersebut ditubuhkan. Manakala purata kebolehpasaran graduan sama ada bekerja, menjadi usahawan mahupun yang sambung pengajian adalah 90.8%. Daripada jumlah tersebut, mengikut tahun semasa (2019), hanya 2,888 sahaja yang menganggur.

Bilangan usahawan MARA adalah sebanyak 1,808 orang (berdasarkan pelajar tamat tahun 2018), kajian kebolehpasaran selepas enam bulan tamat pengajian. Bilangan usawahan rintis KEMAS bagi tempoh 2016 hingga 2018 adalah sebanyak 2,220 orang usahawan. Daripada jumlah tersebut, 50 orang adalah usahawan TVET.

## **NO SOALAN: 1**

Untuk makluman juga, bilangan pelajar sedia ada di bawah KEMAS, MARA, KEDA dan PERDA pada tahun 2019 adalah 54,621 pelajar. Daripada jumlah tersebut, 43, 898 (80.4%) pelajar adalah daripada keluarga B40.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 2**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Laporan Inkuiri Nasional SUHAKAM tahun 2013 akan dibentangkan di Parlimen seperti yang dijanjikan di dalam Buku Harapan pada pilihan raya umum ke-14.

**NO SOALAN: 2**

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Setakat ini, Kerajaan masih belum membuat apa-apa keputusan muktamad untuk membentangkan Laporan Inkuiri Nasional SUHAKAM Tahun 2013 di Parlimen kerana Kerajaan perlu mengambil kira dan menimbangkan perkara ini dengan lebih teliti.

Kerajaan Pakatan Harapan telah menyatakan komitmen pada 22 April 2019 melalui Konvensyen Orang Asli dimana kerajaan sedang dalam proses menyediakan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional yang menyeluruh untuk menangani isu utama dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini.

Satu kajian sosial juga dicadang akan dilaksanakan bagi menetapkan definisi tanah adat selepas mendapat keputusan terkini daripada Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian mensasarkan nilai eksport minyak sawit Malaysia pada tahun 2020 dijangka akan mencecah RM41 bilion.

**NO SOALAN: 2**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 3**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD**  
**SALLEH**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sejauh mana penggunaan Internet of Thing (IoT) dalam meningkatkan kemampuan kapasiti Lapangan Terbang Sultan Mahmud Terengganu terutamanya untuk menerima lebih ramai pelancong dari luar negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Teras 2 Dasar Pegangkutan Negara 2019-2030 memperuntukkan inisiatif untuk meningkatkan penggunaan teknologi dan pendigitalan dalam pengangkutan. Selaras dengan DPN, inisiatif *Internet of Things* (IoT) merupakan salah satu elemen utama yang dilaksanakan di bawah inisiatif *Airport 4.0* yang kini sedang dalam fasa percubaan di KLIA bermula bulan November 2019 sehingga awal tahun 2020. Melalui fasa percubaan tersebut, MAHB melaksanakan pengecaman muka dan cap jari secara digital bagi melicinkan pengurusan aliran penumpang bermula daripada kaunter daftar masuk sehingga pelepasan. Penggunaan IoT adalah sejajar dengan Tahun Melawat Malaysia 2020 yang mana Malaysia dijangka akan menerima kedatangan pelancong-pelancong dari luar negara dalam skala yang besar.

2. Pada masa ini, pelaksanaan sistem tersebut di Lapangan Terbang Sultan Mahmud Terengganu serta lapangan-lapangan terbang lain masih di peringkat perancangan. Kaji selidik mendalam perlu dilakukan dari segi justifikasi komersial, model kewangan termasuk kapasiti semasa lapangan terbang tersebut sebelum ianya dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

3. Dalam hubungan ini, Lapangan Terbang Sultan Mahmud Kuala Terengganu direka untuk menampung kapasiti penumpang berjumlah 1.5

### **NO SOALAN: 3**

juta setahun (MPPA). Rekod pencapaian tertinggi setakat ini berkaitan kapasiti di Lapangan Terbang Sultan Mahmud berjumlah 943,660 orang penumpang pada tahun 2017. Manakala pada tahun 2018 pula, jumlah penumpang adalah seramai 894,277 orang.

4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Lapangan terbang ini turut dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan yang diperlukan bagi penerbangan antarabangsa seperti Balai Perlepasan & Ketibaan Antarabangsa, Kaunter Pemeriksaan Imigresen, Kastam serta landasan yang panjangnya 3,480 meter yang boleh menerima pesawat bersaiz besar.

5. Bagi meningkatkan jumlah penumpang di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, pihak Malaysia Airports dan Kerajaan Negeri Terengganu telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan rundingan yang berterusan untuk membawa masuk penerbangan *charter* terutama dari negara China ke lapangan terbang ini.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 4**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO'**  
**SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah kemudahan yang disediakan dari segi modal, geran atau pinjaman daripada Kerajaan untuk penggiat pertanian terutamanya kepada wanita dan anak-anak muda.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah merangka dan mengetengahkan lapan (8) teras utama di dalam **Dasar Agromakanan Negara (DAN)** bagi membangunkan sektor agromakanan. Salah satu teras utama tersebut adalah pembangunan modal insan pertanian bestari dan berinformasi. Pembangunan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran serta produktiviti berintensifkan teknologi dan inovasi akan diberikan tumpuan supaya dapat menyokong serta menggalakkan penglibatan golongan muda di dalam sektor agromakanan seluruh negara.
2. Dalam usaha memperkukuhkan bidang agromakanan negara, MOA juga mengambil langkah proaktif melancarkan **Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019 – 2020**. Dokumen Hala Tuju ini mengandungi lima (5) Hala Tuju yang dibangunkan bersama 18 strategi dan 51 inisiatif untuk dilaksana sepanjang tempoh 2019 hingga 2020.
3. Pembangunan agropreneur muda telah diberikan keutamaan di dalam **Hala Tuju ke 3** iaitu **Menjadikan Pertanian sebagai Satu Sumber Pendapatan yang Mampan dan Kukuh** serta

## NO SOALAN: 4

**Menguntungkan untuk Petani, Penternak, Nelayan dan Agropreneur Muda.** Melalui Strategi 3, inisiatif pembangunan Agropreneur Muda dalam Bidang Agromakanan telah ditetapkan iaitu **Program Agropreneur Muda (PAM)**, yang dilancarkan bagi tujuan menarik minat agropreneur muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun untuk menceburi sektor agromakanan.

4. PAM menawarkan bantuan geran berbentuk barangan dan pembiayaan dengan kadar faedah serendah 2% kepada golongan muda. Bantuan khidmat nasihat teknikal, rundingan serta latihan bagi membangunkan projek-projek pertanian yang akan dilaksana turut disediakan. Secara keseluruhannya, dari tahun 2016 sehingga Oktober 2019, seramai **5,449 agropreneur muda** seluruh negara yang **berjumlah RM 95.14 juta** telah mendapat manfaat daripada PAM.
5. Bagi pembangunan penggiat pertanian khusus untuk wanita, Kementerian juga ada menawarkan kemudahan **pembiayaan mikro Agro Nisaa'i melalui Agrobank** kepada usahawan tani untuk menjalankan perniagaan berasaskan pertanian dan industri asas tani. Program pembiayaan ini menawarkan pembiayaan sehingga RM30,000.00 dengan margin pembiayaan sehingga 100%. Program pembiayaan ini disediakan khusus untuk usahawan wanita tanpa memerlukan cagaran dengan kadar pinjaman yang dikenakan **serendah 3%**.

## NO SOALAN: 4

6. Selain itu, Kementerian juga giat membantu pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) mengeluarkan produk-produk berasaskan industri asas tani untuk dipasarkan ke peringkat domestik dan antarabangsa. Beberapa bantuan pembiayaan modal telah disediakan bagi aktiviti-aktiviti menambah nilai bagi produk berdasarkan pertanian, penternakan dan perikanan seperti berikut:
  - a. **Geran Pemadanan:**
    - i. ***High Impact Product (HIP)***
    - ii. ***Change Upgrade Product (CUP)***
  - b. **Projek Pemacu Pertanian (EPP 8)**
7. MOA telah memperuntukkan sebanyak **RM46.41 juta** di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) bagi pembiayaan melalui Geran Pemadanan untuk meningkatkan lagi keupayaan usahawan ke peringkat yang lebih tinggi. Sebanyak **RM14.41 juta** telah diperuntukkan bagi pembiayaan **geran pemadanan *High Impact Product (HIP)*** yang melibatkan 99 usahawan tani. Manakala sebanyak **RM13.19 juta** bagi pembiayaan **geran pemadanan *Change Upgrade Product (CUP)*** yang melibatkan sebanyak 574 usahawan tani. Sehingga kini, seramai 318 orang merupakan usahawan wanita yang telah menerima geran pemadanan dimana seramai 40 orang penerima HIP manakalan 278 orang penerima CUP.

## NO SOALAN: 4

8. **Projek Pemacu Pertanian (PPP)** pula merupakan inisiatif yang diperkenalkan oleh Kerajaan untuk memberi tumpuan terhadap 14 sub-sektor yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi seperti akuakultur, rumpai laut, sarang burung walit, produk herba, buah-buahan serta sayuran premium dan sebagainya. Pendekatan pembangunan program ini juga berbeza dimana **diterajui oleh sektor swasta** serta disokong oleh **pihak Kerajaan yang bertindak sebagai pemudah cara dan fasilitator**.
  
9. Melalui program ini, sebanyak **sepuluh (10) buah syarikat peneraju** (*anchor*) telah diberi kemudahan pembiayaan bagi perbelanjaan modal dan perbelanjaan operasi di bawah program ini yang melibatkan peruntukan sebanyak **RM62.8 juta** bagi tujuan pengeluaran berskala besar. Program ini mensasarkan sumbangan kepada Pendapatan Negara Kasar (GNI) sebanyak RM884.3 juta menjelang 2020 dan mewujudkan sebanyak 4,928 peluang pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 5**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Puan Lim Hui Ying** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan perancangan untuk menaik taraf perkhidmatan dan pengisian program televisyen di bawah Radio Televisyen Malaysia (RTM).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) sebagai penyiar utama kerajaan Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha transformasi dan naik taraf perkhidmatannya demi memberikan yang terbaik kepada khalayak, selain memastikan maklumat kerajaan dapat disampaikan kepada rakyat secara efektif dan efisien.
2. Menerusi Projek Pendigitalan Nasional di bawah RMK-11, RTM telah beralih daripada siaran analog kepada digital sepenuhnya pada 31 Oktober 2019. Justeru itu, rakyat kini dapat menonton siaran berdefinisi tinggi (HD) yang jelas dan cantik.
3. Menerusi projek Media City yang sedang dilaksanakan pula, RTM akan menaik taraf peralatannya agar ia selari dengan taraf antarabangsa. RTM juga akan memperoleh kemudahan tambahan seperti auditorium, studiomusik, studio TV, sistem grafik, sistem lampu, sistem arkib, van *Outside Broadcasting* (OB) dan kelengkapan yang diperlukan. Naiktaraf mengikut keperluan turut dilaksanakan di stesen-stesen negeri dan kawasan di seluruh Malaysia sebagai sebahagian daripada pelan Induk bagi melengkapkan Sistem Penerbitan Penyiaran TV Digital berdefinisi tinggi (HD) untuk

## **NO SOALAN: 5**

keseluruhan RTM. Usaha ini akan meningkatkan kapabiliti dan kualiti penerbitan dan penyiaran secara digital setanding dengan standard industri terkini.

4. Daripada aspek pengisian pula, RTM sememangnya berusaha menyajikan program yang diminati dan memenuhi permintaan penonton. Dengan peruntukan yang diterima, RTM ada menerbitkan sendiri selain membeli kandungan rancangan yang bermutu tinggi keluaran tempatan dan juga luar negara.
5. Bagi perancangan sedia ada dan menuju ke hadapan, perolehan kandungan juga akan dipastikan agar menepati rencana perkhidmatan TV digital seperti yang disasarkan. RTM merupakan satu-satunya stesen digital percuma yang membawakan siaran langsung peristiwa penting, siaran langsung sukan, siaran hiburan secara langsung seperti konsert dan pertandingan nyanyian peringkat kebangsaan yang diminati khalayak. Sejak Januari lalu sehingga penghujung tahun ini, RTM membawakan secara anggaran 200 jam siaran konsert sama ada secara siaran langsung dan secara rakaman.
6. Kandungan penyiaran sebegini akan diteruskan dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Penghasilan kandungan bermutu telah membawa kepada pencapaian amat membanggakan iaitu RTM telah menerima sebanyak 102 anugerah pelbagai kategori pada tahun 2019. Sebagai contoh, RTM merangkul 5 kategori utama Anugerah Skrin 2019 menerusi hasil penerbitannya. RTM juga telah dinobatkan

## **NO SOALAN: 5**

sebagai media yang paling dipercayai rakyat. Terima Kasih kepada Penonton RTM.

7. RTM akan menambah lebih banyak waktu siaran, kandungan menarik, siaran langsung sukan antarabangsa, dan membawakan artis-artis; veteran dan yang baharu dalam setiap penerbitannya bagi menarik minat ramai. Menuju ke hadapan, RTM juga akan membawakan saluran khusus TV yang akan menyalurkan maklumat terkini serta berita sahih dan tepat untuk memakmurkan kehidupan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 6**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK LEE TIAN SING  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Lee Tian Sing** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kepentingan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) sedangkan Malaysia sedang menuju ke arah sebuah negara maju dan berjanji ia tidak akan disalah gunakan oleh pihak berkuasa untuk kepentingan politik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab soalan ini secara bersekali dengan 3 soalan lain yang turut membincangkan perkara yang sama oleh Yang Berhormat Senator :-

1. Puan Raj Murni binti Sabu bertarikh 10 Disember 2019;
2. Datuk Mohan a/l Thangarasu bertarikh 17 Disember 2019; dan
3. Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee bertarikh 18 Disember 2019.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan berpandangan bahawa Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) masih relevan dan penting bagi memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) masih DN 9.12.2019 23 memerlukan undang-undang sedemikian bagi membanteras dan membendung ancamanancaman keselamatan seperti penganas dan juga sindiket jenayah terancang.

Sebagaimana kita maklum complexity gerakan terrorisme contohnya yang merupakan satu gerakan merentasi sempadan dan pihak PDRM khususnya memerlukan kerjasama daripada negara-negara ini. Jika pihak PDRM memerlukan maklumat-maklumat tambahan dalam menyelesaikan sesuatu kes bila ianya melibatkan gerakan terrorisme. Malahan hari ini kita pun tahu ada negara-negara luar yang mengandaikan bahawa Malaysia boleh

## **NO SOALAN: 6**

menjadi transit kepada gerakan penganas yang mana telah disebut di dalam media-media sebagaimana apa yang kita nampak sebelum ini. Maka dengan itu, kita merasakan undangundang seperti SOSMA ini masih diperlukan di negara kita.

Namun demikian, Kerajaan juga mengambil maklum akan kekusaran masyarakat bahawa SOSMA ataupun undang-undang yang lain boleh disalahgunakan bagi tujuan politik. Selaras dengan komitmen kerajaan di dalam manifestonya, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 ataupun dikenali sebagai SOSMA dan undangundang keselamatan yang lain sedang dikaji untuk ditambah baik.

Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri telah menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk melaksanakan kajian terhadap undang-undang berkenaan. Selain jabatan kerajaan seperti Jabatan Peguam Negara, Polis Diraja Malaysia, jawatankuasa berkenaan turut dianggotai oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ataupun SUHAKAM dan badan-badan hak asasi manusia yang lain, Badan Peguam Malaysia, pengamal undang-undang dan ahli akademik bagi mendapatkan pandangan yang menyeluruh dan seimbang terhadap akta-akta berkenaan.

Jawatankuasa tersebut juga telah memperhalusi setiap peruntukan di dalam undangundang berkenaan dan telah memberikan pandangan terhadap peruntukan akta-akta tersebut terutamanya dalam aspek perundangan dan hak asasi manusia. Jawatankuasa juga telah memberikan pandangan dari segi implikasi keselamatan yang akan timbul sekiranya akta-akta tersebut dipinda atau dimansuhkan.

## **NO SOALAN: 6**

Buat masa ini, Kementerian Dalam Negeri sedang dalam proses untuk memuktamadkan rang undang-undang bagi pindaan SOSMA. Proses ini memerlukan penelitian dan kajian lanjut kerana dikhuatiri terhadap kelompangan perundangan di dalam akta sedia ada yang lain terutamanya di bawah Perkara 149, Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan SOSMA ini digubal dan memberi kuasa kepada Parlimen untuk membuat undang-undang bagi menentang perbuatan subversif, tindakan yang memudaratkan ketenteraman awam dan sebagainya walaupun undang-undang ini berlawanan dengan mana-mana peruntukan di bawah Perkara 5-Kebebasan Diri; Perkara 9-Larangan Buang Negeri dan Kebebasan Bergerak; Perkara 10-Kebebasan Berhimpun, Bercakap dan Menubuhkan Persatuan; dan Perkara 13-Hak Terhadap Harta. Rang Undang-undang SOSMA (Pindaan) 2019 ini dijangka akan dibentangkan pada sesi Parlimen akan datang tertakluk kepada persetujuan Jemaah Menteri.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 7**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. ANANTHAN A/L**  
**SOMASUNDARAM**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status pembinaan dua buah sekolah SJKT Taman Keladi dan SJKT Ladang Kuala Muda, Kedah dan bilakah penyerahan SJKT Taman Keladi akan dibuat sepenuhnya kepada pihak sekolah.

## NO SOALAN: 7

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Projek pembinaan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Taman Keladi, Sungai Petani, Kedah telah diluluskan dalam RMKe-10 dengan kos berjumlah RM18 juta. Skop projek ini meliputi pembinaan bangunan baru yang mengandungi 18 bilik darjah dan lain-lain kemudahan. Untuk makluman, projek SJKT Taman Keladi telah siap pembinaan sepenuhnya. *Certificate of Practical Completion (CPC)* telah dikeluarkan pada 29 Julai 2019 manakala *Certificate of Completion and Compliance (CCC)* telah diperolehi 21 November 2019. Pihak Kementerian telah menyerahkan projek ini kepada pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) pada 26 November 2019.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SJKT Ladang Kuala Muda, Kedah adalah Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK). Oleh yang demikian, sebarang peruntukan projek pembangunan sekolah adalah menjadi tanggungjawab pemilik sekolah atau Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) untuk mendapatkan sumber peruntukan sendiri bagi tujuan pembangunan dan pembiayaan penyelenggaraan bagi sekolah tersebut. Pemberian bantuan daripada Kerajaan adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa negara.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 8**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' CHAI KIM SEN  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dato' Chai Kim Sen** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh mana pemohon kerja (job seekers) akan dilindungi daripada diskriminasi dalam pindaan Akta Kerja 1955 yang akan datang.

## NO SOALAN: 8

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Tidak ada undang-undang yang khusus untuk melindungi diskriminasi kepada pemohon kerja (*job seekers*) kerana Akta Kerja 1955 hanya meliputi pekerja yang telah memasuki atau menjalin hubungan pekerjaan (*employment relationship*) dengan seorang majikan.
2. Kementerian ini sedang membuat kajian bagi menangani isu diskriminasi ke atas pencari kerja. Pencari kerja boleh membuat aduan kepada pejabat Tenaga Kerja yang berdekatan untuk siasatan sekiranya mendapati berlaku diskriminasi.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 9**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. YAAKOB BIN SAPARI  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dr. Yaakob bin Sapari** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan siapakah pemaju yang bertanggungjawab untuk memajukan Kampung Baru Kuala Lumpur. Apakah jaminan Kerajaan untuk memastikan projek ini berjaya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan mengambil perhatian isu-isu di kawasan tanah 'Malay Agricultural Settlement' (M.A.S.) Kampong Bharu seperti jumlah pemilik yang meningkat bagi setiap lot, persekitaran yang kurang kondusif dengan bangunan-bangunan yang usang dan infrastruktur yang sub-standard. Jika dibiarkan berterusan akan menyukarkan lagi usaha pembangunan semula Kampong Bharu di masa akan datang.

Dengan mengambil kira keadaan ini, Kerajaan berpendapat telah sampai masanya untuk Kerajaan terlibat secara langsung dengan menawarkan pembelian tanah dalam usaha membangunkan semula Kampong Bharu khususnya di kawasan tanah M.A.S. Kampong Bharu.

Bagi melaksanakan hasrat ini, Kerajaan akan mewujudkan Syarikat Tujuan Khas (SPV) yang merupakan entiti yang ditubuhkan bagi tujuan melaksanakan pembangunan semula Kampong Bharu berdasarkan prinsip-prinsip pembangunan semula Kampong Bharu yang telah ditetapkan. SPV ini akan mendapatkan dana untuk membeli tanah dalam kawasan yang ingin dibangunkan sambil menjadikan pemilik asal sebagai pemegang sebahagian dari sahamnya.

## NO SOALAN: 9

SPV sebagai pemilik tanah akan seterusnya mengawal selia pembangunan Kampong Bharu dengan membahagikan pembangunan itu kepada beberapa '*package*' atau bahagian dan fasa untuk dibangunkan secara usaha sama dengan pemaju-pemaju yang dipilih melalui tawaran sebutharga terbuka. Dengan itu SPV ini akan bertindak sebagai pemaju utama (*master developer*) untuk membangunkan keseluruhan kawasan '*Malay Agriculture Settlement*' (M.A.S) Kampong Bharu seluas 219.91 ekar.

Bagi memastikan kepentingan Kerajaan dan pemilik tanah terjaga, SPV ini akan diterajui oleh Kerajaan dan mana-mana pihak yang diputuskan oleh Kerajaan. Kerajaan juga akan memastikan SPV ini diuruskan oleh tenaga pakar yang berpengalaman di samping menawarkan penglibatan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Swasta Terkemuka yang memenuhi syarat pemilikan Melayu dan mempunyai pengalaman luas dalam pembangunan hartanah sebagai pemegang saham sekiranya perlu.

Pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu (PKB) sedang mengadakan perbincangan dengan beberapa agensi dan syarikat Kerajaan yang berpengalaman bagi membangunkan model terbaik dalam merangka pelan pembangunan Kampong Bharu. Kerajaan akan memastikan struktur SPV yang dibentuk adalah berdaya maju dan dapat mencapai matlamat Kampong Bharu sebagai pusat hartanah utama di Kuala Lumpur.

Bagi mencapai matlamat tersebut, pelan konsep yang dirancang akan menyediakan kemudahan awam dan infrastruktur yang lengkap serta menyeluruh bagi menampung keperluan masa hadapan di samping untuk

## **NO SOALAN: 9**

memastikan elemen warisan Melayu Kampong Bharu terpelihara. Kerajaan juga akan memastikan bentuk pembangunan semula yang dilaksanakan nanti mampu dibeli oleh orang Melayu dengan menyediakan 'Kediaman Mampu Milik' dan 'Komersil Mampu Milik' yang mencukupi selain memastikan pembangunan tersebut berkualiti dan menarik minat pembeli dari masyarakat Melayu.

Perlaksanaan projek pembangunan Kampong Bharu akan diuruskan oleh SPV yang dimiliki oleh Kerajaan, oleh itu Kerajaan pasti akan memberi jaminan projek pembangunan ini boleh berjaya dan tidak akan merugikan Kerajaan, pemilik tanah dan pemegang saham. Di samping itu, dengan adanya komponen pembangunan kediaman dan komersil di lokasi yang strategik, ini akan dapat menarik minat ramai pembeli dan seterusnya akan memberi pulangan yang terbaik kepada pemegang saham SPV. Sepertimana diketahui umum, faktor utama kejayaan projek hartanah adalah "lokasi, lokasi dan lokasi". Sambil itu corak pemilikan yang tidak terhad dari sudut tempoh masa pemilikan iaitu pegangan bebas akan juga menjadikannya satu projek hartanah yang berdaya maju.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 10**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA (B) HAJI**  
**MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Laksamana Pertama (B) Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada sebuah RCI perlu diwujudkan bagi meneliti dan mengkaji perkara berkenaan seperti perbezaan pencen veteran, pembayaran pencen untuk veteran yang tidak berpencen, pengampunan kepada veteran yang diberhentikan kerana disiplin, dan kadar elaun veteran kurang upaya seperti yang termaktub dalam Artikel 187 Akta Angkatan Tentera 1972 yang dipertikaikan oleh Kumpulan Suara Veteran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Mesyuarat Majlis Angkatan Tentera (MAT) Ke-579 yang bersidang pada 26 November 2019 telah bersetuju untuk menubuhkan pasukan kajian bagi memperincikan isu-isu yang dibangkitkan termasuklah kajian daripada aspek dasar, perundangan dan aspek-aspek lain yang berkaitan.

Pasukan kajian ini akan dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan dan dianggotai oleh wakil Angkatan Tentera Malaysia (ATM), wakil Kementerian Kewangan, wakil Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), wakil Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV), Ketua Hakim Peguam (KHP) Kementerian Pertahanan, ahli Majlis Veteran Kebangsaan (MVK) dan pihak-pihak lain yang berkepentingan (sekiranya perlu). Sekretariat kepada pasukan kajian ini ialah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM).

Sehubungan itu, RCI tidak perlu diwujudkan buat masa ini.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 11**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ZAIEDI SUHAILI  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Zaiedi Suhaili** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah organisasi Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dan Balai Polis Bergerak (BPB) yang telah ditubuhkan oleh Polis Diraja Malaysia komponen Sarawak pada masa ini dan apakah ada perancangan untuk menambah lagi organisasi seperti ini bagi tempoh 3 tahun akan datang di Sarawak.

## NO SOALAN: 11

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pada masa ini, jumlah perjawatan bagi Unit Rondaan Bermotosikal (URB) untuk Kontinjen Sarawak adalah berjumlah 102 orang dan perjawatan tersebut telah diisi sepenuhnya. Walau bagaimanapun, jumlah perjawatan keseluruhan tersebut adalah tidak setara dengan jumlah motosikal URB di seluruh kontinjen Sarawak yang berjumlah 255 buah.

Selepas kajian dibuat lebih 153 buah motosikal URB tersebut telah diagihkan sehingga ke peringkat balai-balai polis dengan menggunakan kekuatan keanggotaan pencegahan sedia di peringkat balai. Langkah penstrukturan agihan motosikal ini amat perlu sehingga ke akar umbi kepolisan supaya URB berperanan sebagai salah satu elemen *frontliners* yang dominan di samping penugasan oleh unit-unit lain.

PDRM sememangnya mempunyai perancangan ke atas penambahan perjawatan mengikut perkadaran jumlah motosikal URB yang telah dibekalkan kepada Kontinjen Sarawak.

Setakat ini, PDRM tidak berhasrat untuk menambah balai polis bergerak dalam pasukan Polis Diraja Malaysia bagi RMKe-11. Ini kerana jumlah balai polis bergerak sedia ada adalah mencukupi untuk menampung penugasan. Bagi Balai Polis Bergerak untuk Kontinjen Sarawak, terdapat 10 buah

## **NO SOALAN: 11**

kenderaan balai polis bergerak jenis van yang meliputi enam daerah iaitu, IPD Bintulu (1 buah kenderaan), IPD Kuching (3 buah kenderaan), IPD Limbang (1 buah kenderaan), IPD Miri (2 buah kenderaan), IPD Sibul (2 buah kenderaan) dan IPD Sri Aman (1 buah kenderaan).

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 12**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK HAJI HUSAM BIN MUSA  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Haji Husam Bin Musa** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil pihak Kerajaan untuk mengatasi kekurangan tempat letak kereta di hospital-hospital di seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang melaksanakan inisiatif bagi mengatasi isu kekurangan tempat letak kenderaan di hospital-hospital KKM, antaranya adalah melaksanakan projek pembinaan Tempat Letak Kenderaan (TLK) secara bertingkat menerusi Kerjasama Awam-Swasta (Public-Private Partnership atau PPP). Pelaksanaan projek ini dibuat menerusi kaedah *Build-Operate-Transfer* atau BOT).

Pada masa ini, KKM sedang dalam proses untuk melaksanakan projek secara rintis terlebih dahulu melibatkan dua (2) buah hospital yang mengalami isu kesesakan dan kekurangan tempat letak kenderaan yang kritikal. Sekiranya projek tersebut berjaya dilaksanakan dan didapati berdaya maju, maka pelaksanaan projek sedemikian bolehlah diperluaskan ke fasiliti kesihatan lain yang mana turut mengalami masalah kesesakan dan kekurangan tempat letak kenderaan.

Selain daripada melaksanakan inisiatif tersebut, KKM juga memberi kebenaran kepada pengendali swasta untuk menguruskan kawasan tempat letak kenderaan di hospital-hospital KKM agar pengoperasiannya lebih teratur dan memberi keselesaan kepada pengunjung dengan caj bayaran yang minimum. Penyerahan fungsi mengurus tempat letak kenderaan

## NO SOALAN: 12

kepada pengendali swasta juga berupaya memastikan aliran trafik yang lebih licin di sekitar kawasan hospital.

Namun demikian, di dalam usaha untuk mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta ini, orang ramai yang mengunjungi fasiliti kesihatan KKM turut dinasihati agar dapat sama-sama memberikan kerjasama contohnya seperti mengoptimumkan penggunaan pengangkutan awam seperti bas, teksi dan perkhidmatan *e-hailing* yang mana langkah sebegini akan dapat membantu dalam mengurangkan perbelanjaan Kerajaan untuk mewujudkan lebih banyak tempat letak kenderaan di persekitaran fasiliti kesihatan sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 13**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan dasar dan ketetapan oleh Majlis Sukan Negara mengenai etika pakaian sukan Gimnastik agar sebarang ketetapan oleh Kerajaan Negeri mengenai etika pakaian islamik tidak menjadi kekangan perkembangan sukan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pihak Kementerian berpandangan, pendekatan memperkenalkan pakaian patuh syariah di kalangan atlet bukanlah satu paksaan malah lebih menjurus kepada usaha peningkatan kesedaran di kalangan atlet Muslim untuk melakukannya secara rela hati.
2. Kementerian berpendapat amalan pemakaian patuh syariah tidak terhenti di saat bergelar atlet sahaja bahkan perlulah dijadikan sebagai amalan hariannya. Pemakaian yang sesuai dalam sukan seperti sukan Gimnastik juga perlu diberikan keutamaan bagi mengelakkan sebarang risiko kecederaan ketika melakukan sebarang pergerakan. Persatuan Sukan Kebangsaan dan atlet itu sendiri lebih arif akan kesesuaian pemakaian mereka bagi memastikan prestasi mereka tidak terganggu.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian menyambut baik sebarang ketetapan Kerajaan Negeri mengenai etika pemakaian sukan di kalangan atlet Muslim selagi ianya bersesuaian dan tidak membantutkan perkembangan sukan negara. Malah, langkah ini perlu dirai kerana dapat mencipta ekosistem yang baik dalam persada sukan negara. Malahan, industri sukan bagi produk-produk mesra Muslim juga

## **NO SOALAN: 13**

dapat dibangunkan seperti yang telah dilakukan oleh jenama-jenama antarabangsa.

4. Walau bagaimanapun, langkah ini perlu selari dengan peraturan pemakaian atlet semasa pertandingan yang tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh Persatuan Sukan Antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 14**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK PAUL IGAI  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Paul Igai** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional akan menjadi kenyataan memandangkan agak perlunya ditubuhkan masa kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019 telah memutuskan supaya cadangan tiga (3) draf Rang Undang-Undang (RUU) yang pernah disediakan oleh Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) disemak semula. Berdasarkan hasil semakan dan penelitian yang telah dibuat kemudiannya, Kerajaan telah memutuskan agar beberapa peruntukan yang dicadangkan di bawah Akta Kebencian Agama dan Kaum akan diperkukuhkan di bawah Kanun Keseksaan dan Akta Hasutan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah bersetuju untuk mempertimbangkan cadangan penubuhan Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional iaitu suatu suruhanjaya bebas melalui RUU Suruhanjaya Keharmonian dan Rekonsiliasi Nasional (*National Harmony and Reconciliation Commission Bill*) dengan membuat beberapa pindaan terhadap draf sedia ada dengan mengambil kira kewujudan lain-lain suruhanjaya serta skop bidang kuasanya seperti yang terdapat di negara luar.

Jabatan PERPADUAN sedang mengadakan sesi libat urus bersama pemegang taruh kerajaan, badan bukan kerajaan dan masyarakat sivil bagi mengenal pasti skop, fungsi dan kuasa-kuasa Suruhanjaya agar tiada pertindihan dengan suruhanjaya sedia ada seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia yang ditubuhkan melalui Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia

## **NO SOALAN: 14**

1999 [ Akta 597]. Berdasarkan hasil maklum balas dari sesi libat urus tersebut, satu Kertas Memorandum Jemaah Menteri berhubung cadangan penubuhan Suruhanjaya akan diangkat untuk kelulusan Kerajaan pada awal tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan usaha Kementerian memperluaskan prestasi sektor industri pertahanan Malaysia dengan memfokuskan kepada rangkaian bekalan perkakas pertahanan dan pengaplikasian teknologi pintar keselamatan siber.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pertahanan sentiasa komited dalam usaha untuk mempertingkatkan prestasi pemain industri pertahanan negara. Ini adalah selaras dengan prinsip pertahanan berdikari yang digariskan melalui Kertas Putih Pertahanan Negara (KPP).

Kementerian Pertahanan juga amat peka akan perkembangan pesat teknologi pertahanan antarabangsa, terutamanya dalam bidang keselamatan siber dan ICT, selaras dengan Revolusi Industri 4.0. Bagi memangkin perkembangan industri pertahanan negara, pihak Kementerian konsisten dalam menyediakan platform yang sewajarnya seperti keutamaan kepada pemain industri tempatan dalam perolehan Kementerian. Ini membawa kepada penyertaan aktif pemain industri tempatan di dalam program *offset* dan kolaborasi industri dengan pemain-pemain industri antarabangsa yang merupakan gerbang kepada pemindahan teknologi dan kepakaran, khasnya berkaitan teknologi siber terkini.

Selain itu, ATM juga giat melaksanakan pemodenan baik dari aspek aset strategik, sistem pengurusan, mahupun anggota-anggota ATM itu sendiri. Hal ini telah membuka ruang kepada syarikat tempatan untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat antarabangsa bagi membangunkan sistem yang berteknologi tinggi seperti sistem pengurusan platform bersepadu

## NO SOALAN: 15

(intergrated platform management system) untuk aset ATM yang dinaik taraf atau dipanjangkan tempoh servis seperti *Service Life Extension Programme* (SLEP) KD Kasturi dan KD Lekir milik TLDM. Pihak ATM juga banyak menggunakan sistem pengurusan berpusat yang dibangunkan dan diselenggara sendiri oleh pemain industri tempatan; dan antara yang terkini adalah Program Pembangunan *Network Centric Operations* (NCO) FASA 1A untuk ATM. Fokus perancangan kesiagaan ATM bagi tahun mendatang juga menjurus kepada keperluan *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) dan dron dengan penekanan yang serius diberikan terhadap keterlibatan pemain industri tempatan terutamanya bagi mewujudkan peluang pelaksanaan inisiatif R&D serta pemindahan teknologi dan kepakaran dari syarikat luar negara.

Melalui inisiatif Kertas Putih Pertahanan (KPP) negara yang julung kalinya diterbitkan, turut menyatakan kerangka pembangunan industri pertahanan negara secara menyeluruh melangkaui aspek perkakasan pertahanan dan ICT semata-mata. Cadangan pembangunan Dasar Industri Pertahanan Negara (DIPN) melalui KPP ini juga bakal menjadi punca kuasa penting bagi semua kementerian dan agensi Kerajaan untuk memberikan sokongan yang sewajarnya kepada agenda pembangunan industri pertahanan tempatan demi untuk menyokong prinsip pertahanan berdikari ATM dan juga menjamin pertahanan dan kedaulatan negara.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 16**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L  
A.ACHYUTHAN NAIR  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI  
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- a) adakah Malaysia tidak meliberalisasikan dan mempermudah dasar FDI untuk merencanakan perniagaan di negara ini; dan
- b) adakah terdapat sebab-sebab lain mengapa pelabur tidak menjadikan Malaysia sebagai pilihan pertama untuk melabur di rantau ASEAN.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan komited dan dari semasa ke semasa sentiasa memperkenalkan pelbagai strategi bagi menarik pelaburan berkualiti tinggi ke dalam negara. Justeru itu jika terdapat pandangan bahawa Malaysia tidak meliberalisasi dan mempermudah dasar pelaburan langsung asing (FDI) untuk merancakkan perniagaan di negara ini, ianya adalah tidak benar sama sekali.

2. Sejak tahun 2003 lagi, sektor perkilangan telah pun diliberalisasikan di mana pelabur asing dibenarkan memegang 100% ekuiti dalam projek baharu, projek pembesaran atau pelbagaian tanpa mengira tahap eksport. Seterusnya pada tahun 2009 dan 2012, dasar liberalisasi ini telah diperluaskan kepada 45 subsektor perkhidmatan. Antara subsektor yang telah diliberalisasikan adalah perkhidmatan pelancongan dan kesihatan, pengangkutan, teknologi hijau, lojistik serta perkhidmatan perniagaan dan lain-lain. Untuk rekod, sektor perkhidmatan merupakan penyumbang terbesar kepada ekonomi negara pada tahun 2018 iaitu sebanyak 57.8% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

3. Malah, bagi meningkatkan kecekapan serta mewujudkan sistem eko-pelaburan yang kondusif kepada pelabur-pelabur, Jemaah Menteri juga telah bersetuju supaya Jawatankuasa Nasional Mengenai Pelaburan

## **NO SOALAN: 16**

(*National Committee on Investment* - NCI) diperkasakan sebagai Jawatankuasa Pelulus Insentif Tunggal Negara. NCI baharu ini membolehkan proses membuat keputusan bagi projek-projek pelaburan dibuat dengan lebih cepat.

4. Di samping itu, Kerajaan juga telah mengaktifkan semula Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) untuk memudahkan proses menjalankan perniagaan dengan mempromosi kecekapan pengawalseliaan, produktiviti dan tadbir urus yang baik di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Berhubung persoalan bahawa Malaysia bukan menjadi destinasi pertama pelabur di rantau ASEAN, ia adalah kenyataan yang boleh dibahaskan. Sehingga kini, Malaysia masih menjadi destinasi pelaburan utama yang berdaya saing kepada pelabur asing di rantau ini. Dasar Kerajaan adalah untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi ke dalam negara selari dengan matlamat untuk menjadi negara pendapatan tinggi, di mana Malaysia tidak lagi menggalakkan industri berintensifkan buruh sebaliknya tertumpu kepada FDI berteraskan inovasi serta berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan bernilai tinggi dari ekosistem yang disasarkan dan boleh memberi kesan positif ke seluruh ekonomi domestik.

6. Beberapa laporan antarabangsa juga mengiktiraf kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan para pelabur. Antaranya, CEOWORLD 2019, yang melaporkan bahawa Malaysia berada di kedudukan teratas sebagai negara terbaik di dunia untuk melabur berdasarkan beberapa faktor seperti

## NO SOALAN: 16

perlindungan kepada pelabur, infrastruktur, percukaian, kualiti hidup, kebebasan (kehidupan, perdagangan dan kewangan), kesediaan teknologi, tahap rasuah dan halangan birokrasi, mengatasi negara-negara seperti Singapura, Thailand, United Kingdom dan juga Jepun.

7. Selain daripada itu, berdasarkan Laporan Bloomberg 2018, Malaysia berada di kedudukan pertama di Asia dan kelima teratas sebagai negara paling menarik di kalangan pasaran baharu dunia. Ia turut disokong oleh Laporan Bank Dunia 2020 berhubung, dengan izin, "*Ease of Doing Business*" yang baru diumumkan di mana kedudukan Malaysia telah meningkat ke tangga 12 dari tangga 15 sebagai negara menarik di kalangan 190 buah negara. Laporan tersebut meletakkan Malaysia mendahului Australia (14), Finland (20), Thailand (21), Jepun (ke-29), China (31), dan India (63).

8. Walaupun begitu, pihak Kementerian dan agensinya termasuk Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) akan terus mempertingkatkan usaha bagi memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pilihan pertama untuk melabur di rantau ASEAN. Ini termasuklah memperkenalkan strategi dan pendekatan baharu bagi menarik pelaburan berkualiti tinggi, melaksanakan program-program seperti misi-misi penggalakan pelaburan ke luar negara, lawatan kerja rasmi serta menghadiri persidangan antarabangsa bagi mempromosi dan menarik pelaburan baharu ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 17**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN**  
**MUSTAFA**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan  
:-

- a) apakah keputusan akhir Jabatan perkhidmatan Awam (JPA) terhadap permohonan Kementerian Kesihatan Malaysia bagi menambah jumlah jawatan pegawai perubatan di KKM; dan
- b) adakah jumlah pegawai perubatan di Malaysia meningkat selari dengan peningkatan jumlah pesakit di Malaysia dan apakah statistik terkini mengenai peningkatan tersebut.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

**Bagi menjawab pertanyaan (a);**

1. Kerajaan Persekutuan telah mempertimbang dan meluluskan permohonan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi mewujudkan 10,675 bilangan jawatan berdasarkan keperluan fasiliti kesihatan KKM yang telah siap dan bakal beroperasi mulai 2019 hingga 2020.
2. Keperluan pertambahan tersebut melibatkan perjawatan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi, Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan dan lain-lain jawatan di fasiliti baharu KKM melalui kaedah penjajaran jawatan kosong dari semua kementerian.
3. Sebagai permulaan, waran perjawatan yang mengandungi 385 perjawatan untuk Hospital Rembau, Negeri Sembilan telah diserahkan kepada KKM pada 2 Disember 2019. Jawatan ini merupakan sebahagian daripada 10,675 yang akan diagihkan secara berfasa.
4. Kelulusan permohonan KKM ini mengambil kira untuk menambah baik kualiti perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Namun begitu, sektor perkhidmatan lain juga penting dan turut menyumbang kepada pembangunan negara. Justeru, penyelesaian isu perjawatan ini perlu

## **NO SOALAN: 17**

dilihat secara menyeluruh dan tidak hanya tertumpu kepada satu kementerian sahaja.

5. Walaupun permohonan KKM ini telah diluluskan, Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam tetap dilaksanakan bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan sumber manusia serta meningkatkan kecekapan produktiviti dalam perkhidmatan awam.

### **Manakala bagi menjawab pertanyaan (b);**

6. Berdasarkan rekod KKM, terdapat peningkatan sebanyak 57 peratus bagi bilangan Pakar Perubatan iaitu daripada 2,281 orang Pakar Perubatan pada tahun 2009 kepada 5,322 orang Pakar Perubatan pada tahun 2018. Manakala, terdapat peningkatan bilangan Pegawai Perubatan sebanyak 54 peratus daripada 15,011 orang Pegawai Perubatan pada tahun 2009 kepada 32,565 orang Pegawai Perubatan pada tahun 2018.

Jumlah kemasukan pesakit pula telah meningkat sejak tahun 2008 iaitu 2,062,925 jumlah kemasukan pesakit (hospital admission) kepada 3,890,984 pada tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak 47 peratus. Manakala kedatangan pesakit luar (outpatients) adalah 15,273,036 pada tahun 2008 dan telah meningkat kepada 73,236,324 pada tahun 2018, iaitu peningkatan sebanyak 79 peratus.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan langkah proaktif Kementerian bagi mengusahakan tanah terbiar sekian lama selain daripada cadangan mengusahakannya dengan projek-projek pertanian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pertahanan mempunyai perancangan di setiap tanah yang belum dibangunkan seperti pembinaan kem tentera, Pangkalan TLDM dan Pangkalan TUDM, projek perumahan Angkatan Tentera Malaysia (ATM), lapang sasaran tentera dan sebagainya. Pelaksanaan projek ini memerlukan peruntukan yang besar dan Kementerian perlu menyusun keutamaan terhadap perancangan pembangunan mengikut perancangan strategik ATM. Disebabkan faktor kekangan kewangan tidak semua perancangan projek dapat dilaksanakan.

Bagi menjaga tanah yang belum dibangunkan daripada terbiar, Kementerian ini melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) akan melaksanakan sewaan bagi tempoh masa tertentu sehingga perancangan pembangunan dapat dilaksanakan. Usaha ini dapat memberi pulangan dan hasil kepada Kerajaan. Disamping itu, dapat mengelakkan daripada pencerobohan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Adrian Banie Lasimbang** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk memastikan orang asal di luar bandar Sabah dan Sarawak khasnya bermasalah dengan pendaftaran kelahiran lewat dan masalah dokumen tidak lengkap, mendapat kad pengenalan sah supaya kejadian orang asal dianggap pendatang asing tanpa izin tidak berulang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) sentiasa mengambil langkah proaktif dalam memastikan pendaftaran Sijil Kelahiran serta dokumen pengenalan diri bagi individu yang berkelayakan dapat dilaksanakan dengan mudah di seluruh negara termasuklah di kawasan luar bandar melalui inisiatif berterusan iaitu Program Menyemai Kasih Rakyat (MEKAR) yang merangkumi Program Pendaftaran Bergerak (*Unit Mobile*), *Bus Mobile*, Program Turun Padang (Program *Outreach*), dan pembukaan kaunter-kaunter di Ibu Pejabat JPN, JPN Negeri, Cawangan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Komuniti Desa (PKD). Inisiatif-inisiatif berkenaan yang menyediakan pelbagai perkhidmatan termasuklah khidmat nasihat berkaitan pendaftaran Kad Pengenalan, Kelahiran dan Kematian diwujudkan oleh Kerajaan bagi memudahkan urusan rakyat terutamanya masyarakat di luar bandar yang menghadapi kesukaran untuk hadir ke pejabat JPN atas sebab faktor geografi, kos, masalah kesihatan mahupun masalah keluarga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif tambahan dalam usaha untuk menangani masalah orang asal negeri Sabah dan negeri Sarawak yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri seperti mana berikut:-

## **NO SOALAN: 19**

- i. Mengadakan kerjasama strategik bersama Jabatan Pendidikan Negeri dan Kerajaan Negeri melalui Ketua Kaum/Ketua Masyarakat bagi mengenal pasti murid-murid sekolah serta penduduk pribumi Sabah dan Sarawak yang masih belum memiliki dokumen pengenalan diri; dan
- ii. Mengadakan taklimat kepentingan dokumen pengenalan diri kepada semua Ketua Kaum/Ketua Masyarakat serta orang ramai secara berkala.

Berdasarkan rekod JPN sehingga 31 Oktober 2019, jumlah Program MEKAR yang berjaya dilaksanakan adalah sebanyak 1,419 program yang telah merekodkan penerimaan sebanyak 14,699 permohonan dan 13,082 khidmat nasihat dalam pelbagai perkara.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Aknan Ehtook** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk memastikan perintah/hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah tentang penyediaan nafkah kepada isteri dan anak dilaksanakan dengan berkesan. Adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu badan yang bertanggungjawab menguatkuasakan perintah-perintah mahkamah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Isu utama yang sering dihadapi oleh ibu atau bapa tunggal selepas penceraian adalah penguatkuasaan nafkah, hak penjagaan anak-anak dan pengagihan harta perkahwinan. Oleh itu, antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi menambah baik mekanisme penguatkuasaan perintah mahkamah pasca penceraian dalam kalangan orang Islam adalah seperti berikut:

- i. Menubuhkan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada tahun 2008 yang bertanggungjawab bagi membantu mahkamah Syariah menguatkuasakan dan melaksanakan perintah nafkah terutamanya nafkah anak yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah, menambah baik sistem pengurusan kes berkaitan nafkah di setiap negeri serta menyalurkan bantuan wang pendahuluan nafkah kepada pemohon yang layak untuk meringankan beban sementara menunggu kes selesai sepenuhnya;
- ii. Mewujudkan sistem e-nafkah di JKSM pada tahun 2012 supaya BSK dapat memantau pelaksanaan perintah nafkah yang diputuskan oleh Mahkamah Syariah. Sistem ini diintegrasikan dengan sistem e-syariah yang membolehkan pelanggaran perintah nafkah diambil

## **NO SOALAN: 20**

tindakan serta-merta. Melalui integrasi sistem tersebut, BSK dapat memantau mana-mana perintah nafkah yang tidak dipatuhi; dan

- iii. Melaksanakan projek rintis bagi pengendalian kes hadhanah dan nafkah di Mahkamah Tinggi Syariah dan pengendalian kes nafkah di Mahkamah Rendah Syariah serta pewujudan Bahagian Penguatkuasaan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP). Pengkhususan pengendalian kes hadhanah dan nafkah ini dijangka akan membantu Mahkamah Syariah sedia ada untuk membuat dan melaksanakan keputusan berhubung isu hadhanah dan nafkah dengan lebih cekap dan berkesan. Cadangan ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 8 Mei 2019 telah dibentangkan di dalam Majlis Sosial Negara Bil. Tahun 2019 pada 22 Ogos 2019.

Tuan Yang di-Pertua,

Isu selepas penceraian bukan sahaja melibatkan orang Islam, malah orang bukan Islam turut terkesan. Berhubung dengan perkara ini, Kementerian akan memanjangkan cadangan penubuhan satu badan yang bertanggungjawab menguatkuasakan perintah-perintah mahkamah bagi orang bukan Islam kepada agensi Kerajaan yang berkaitan untuk penelitian lanjut

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 21**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan menyenaraikan penerima dan nilai peruntukan pembangunan sosio ekonomi masyarakat India yang diterima melalui "Malaysian Indian Transformation Agency" (MITRA) untuk tahun 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pihak MITRA telah menerima 413 permohonan untuk mengendalikan program-program peningkatan sosioekonomi masyarakat India bagi tahun 2019 yang bernilai sebanyak RM375,464,658.00. Daripada 413 permohonan tersebut, MITRA telah meluluskan 206 permohonan dengan nilai kelulusan sebanyak RM99,375,199.20. Kesemua 206 permohonan ini telah dikemukakan kepada Jabatan Perdana Menteri bagi tujuan penyaluran peruntukan.

Pecahan peruntukan mengikut bidang keutamaan yang dikenal pasti oleh MITRA adalah seperti berikut:

- (i) 29 program di bawah bidang Ekonomi dan Kerjaya yang bernilai RM15,011,570.00;
- (ii) 87 program di bawah bidang Pendidikan dan Latihan yang bernilai RM52,598,835.60;
- (iii) 43 program di bawah bidang Identiti dan Keterangkuman yang bernilai RM14,537,838.60; dan
- (iv) 47 program di bawah bidang Kebajikan dan Pembangunan Sosial

**NO SOALAN: 21**

yang bernilai RM17,226,955.00.

Senarai nama-nama penerima geran MITRA dan nilai peruntukan yang telah diluluskan oleh MITRA bagi tahun 2019 adalah di seperti di Lampiran.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 21****SENARAI ORGANISASI YANG TELAH DILULUSKAN OLEH MITRA  
BAGI TAHUN 2019**

<b>BIL</b>	<b>NAMA ORGANISASI</b>	<b>JUMLAH YANG DILULUS (RM)</b>
1	ATC ACADEMY SDN BHD	RM 840,000.00
2	AUTO PRIMA TECHNOLOGY TRAINING SDN. BHD.	RM 700,000.00
3	DAYATECH ACADEMY SDN BHD	RM 999,750.00
4	KMM SAFETY SUCCESS SERVICES	RM 640,000.00
5	MALAYSIAN ALLIED HEALTH SCIENCES ACADEMY SDN BHD	RM 395,800.00
6	PERSATUAN KEBAJIKAN BERSATU JAYA JOHOR BAHRU,JOHOR	RM 487,440.00
7	PERSATUAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN DAN SOSIAL DINAMIK INDIA SELANGOR	RM 120,000.00
8	PERSATUAN PENDIDIKAN INOVASI NEGERI SELANGOR	RM 680,000.00
9	PERSATUAN PERGUDANGAN DAN PENGANGKUTAN SELANGOR	RM 120,250.00
10	PERSATUAN SISWAZAH INDIA NEGERI SEMBILAN	RM 300,000.00
11	PRASEKOLAH	RM 2,086,362.00
12	SANJULAA ANGEL BRIDAL	RM 106,000.00
13	SELANGOR RETAIL AND SUPPLY CHAIN INDUSTRY ASSOCIATION	RM 120,250.00
14	SILICON TECHNOLOGY CENTRE SDN. BHD.	RM 433,000.00
15	SKILLNET TRAINING CENTRE SDN.BHD	RM 215,000.00
16	UNIVERSITY OF MALAYA CENTRE FOR CONTINUING EDUCATION	RM 951,250.00
17	YRF TRAINING & CONSULTANCY	RM 140,000.00
18	YWCA KUALA LUMPUR	RM 176,400.00
19	ASIA DRONE IOT TECHNOLOGIES SDN. BHD	RM 330,000.00
20	ASIA PACIFIC UNIVERSITY SDN BHD	RM 93,450.00
21	PERTUBUHAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	RM 258,400.00
22	BESTSKILL ACADEMY (M) SDN BHD	RM 262,000.00
23	CATC TRAINING CENTRE	RM 108,000.00

**NO SOALAN: 21**

24	EFFINGHAM CENTRE OF TECHNOLOGY SDN BHD	RM	690,000.00
25	FLYWAYS TRAINERS AND CONSULTANTS	RM	535,000.00
26	HUMMINGSOFT SDN BHD	RM	589,000.00
27	PUSAT TEKNIKAL SPECTRUM SDN BHD	RM	620,000.00
28	KOLEJ WIT SDN BHD	RM	750,000.00
29	MEDALLION SKILL ACADEMY (M) SDN BHD	RM	362,500.00
30	NEURO NETWORK	RM	102,000.00
31	ORIGIN SKILLS DEVELOPMENT SDN BHD	RM	290,000.00
32	PERSATUAN PEMBANGGUNAN MASYARAKAT SABAI BENTUNG PAHANG (PPMS)	RM	101,800.00
33	PERSATUAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN MASYARAKAT INDIA SELANGOR	RM	150,000.00
34	PERTUBUHAN BELIA HINDU CAWANGAN TELUK KEMANG	RM	214,700.00
35	PERTUBUHAN KEBAJIKAN DINAMIK KOTA DAMANSARA SELANGOR	RM	80,000.00
36	PERTUBUHAN MAGIK MATEMATIK	RM	202,200.00
37	PUBLIC REJUVENATION SOCIETY	RM	183,060.00
38	PUSAT KEMAHIRAN MASTURA (M) SDN. BHD	RM	750,000.00
39	PUSAT TUISYEN BERLIAN BAKTI	RM	86,300.00
40	RDVN ENGINEERING SERVICES	RM	311,500.00
41	SELANGOR HUMAN RESOURCES DEVELOPMENT CENTRE	RM	132,750.00
42	SENTUL ACHIEVERS LEARNING CENTRE	RM	117,750.00
43	THE TUN HUSSEIN ONN NATIONAL EYE HOSPITAL	RM	435,000.00
44	TRIMATRA EASY TRAINING	RM	154,600.00
45	SUNRISE TRAINING AND RETRAINING CENTRE SDN BHD	RM	863,250.00
46	ROYAL INSTITUTION ACADEMY	RM	570,000.00
47	CREW SKILLS INTERNATIONAL (M) SDN BHD	RM	701,850.00
48	GLM HOSPITALITY & TOURISM ACADEMY	RM	360,000.00
49	MALAYSIAN MARITIME ACADEMY SDN BHD	RM	2,250,000.00
50	EB TALENTS (M) SDN BHD	RM	660,000.00
51	JOTAC ACADEMY SDN BHD	RM	600,000.00
52	KOLEJ IVC (INTELLECT VAST CONSULTANTS SDN BHD)	RM	500,000.00

**NO SOALAN: 21**

53	PERTUBUHAN KEBAJIKAN PELAJAR INDIA SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN TAMIL NEGERI MELAKA	RM	218,100.00
54	PERTUBUHAN KOMUNITI INDIA MELAKA	RM	111,000.00
55	PERTUBUHAN IMPACT MALAYSIA	RM	647,000.00
56	PROFESSIONAL IT ACADEMIC SDN BHD	RM	154,695.00
57	PERSATUAN GURU TADIKA ZON UTARA, SEMENANJUNG MALAYSIA (PGT)	RM	1,785,050.90
58	CHILD INFORMATION, LEARNING & DEVELOPMENT CENTRE (CHILD)	RM	1,578,521.70
59	PERTUBUHAN PUSAT PEMBANGUNAN KANAK-KANAK CEMERLANG (PPKKC)	RM	1,140,697.90
60	THE DIVINE LIFE SOCIETY	RM	402,685.50
61	MALAYSIA HINDU SANGAM	RM	391,990.60
62	PERTUBUHAN INOVASI PENDIDIKAN	RM	288,000.00
63	VR GAMING HUB	RM	289,400.00
64	VICTORY ADVERTISING & MARKETING SDN BHD	RM	92,600.00
65	SAI ANANDA FOUNDATION MALAYSIA (IPTA)	RM	3,264,000.00
66	MYKASIH FOUNDATION (PRE-SECONDARY)	RM	4,122,990.00
67	SOLID HEAT (M) SDN BHD	RM	671,426.00
68	PEUG AUTO (M) SDN BHD	RM	903,902.00
69	CERADANA CONSTRUCTION & TRADING	RM	735,913.00
70	MM MATRIX INTEGRITY (M) SDN BHD	RM	992,000.00
71	SHANKER CRANE TRADING	RM	771,326.00
72	PERNIAGAAN ARRAFIQ SDN BHD	RM	662,266.00
73	BENGGEL STEBEN MOTOR	RM	662,094.00
74	EDU ASSIST SDN BHD	RM	814,000.00
75	MUC ACADEMY SDN BHD	RM	477,200.00
76	VAHTIQA RESOURCES SDN BHD	RM	787,500.00
77	QCDMS ERAMINDA CONSULTANTS (M) SDN BHD	RM	950,160.00
78	INSIGHT NETWORK SDN BHD	RM	535,200.00
79	MAJESTIC INTERNATIONAL SDN BHD	RM	530,200.00
80	MANAVAR KALVI SOLUTION SDN BHD	RM	535,200.00
81	PRESTIGE VISA SDN BHD	RM	527,700.00
82	JSJ CONSULTANCY SDN.BHD.	RM	813,100.00
83	AMS ACADEMY	RM	980,500.00
84	ADROIT TRAINING SDN. BHD.	RM	450,000.00

**NO SOALAN: 21**

85	PERTUBUHAN INTELEKTUAL DAN INOVASI MALAYSIA	RM	429,960.00
86	PERSATUAN PESARA INDIA KERAJAAN MALAYSIA	RM	69,970.00
87	ASPAC ACADEMY SDN BHD	RM	255,000.00
88	HANDAL ASIA PACIFIC SDN BHD	RM	237,750.00
89	PERSATUAN BRAHMA KUMARIS MALAYSIA	RM	556,490.00
90	PERSATUAN KEMAJUAN INDIA MUSLIM MALAYSIA	RM	24,080.00
91	PERTUBUHAN GINOVASI MASYARAKAT SELANGOR	RM	226,175.00
92	PERTUBUHAN ILAYA THALAIMURAI KL & SELANGOR	RM	234,563.00
93	PERTUBUHAN KEBAJIKAN SNEHAM MALAYSIA	RM	40,745.00
94	PERTUBUHAN SEMPURNA (SAMPURNA) MALAYSIA	RM	302,148.00
95	PERTUBUHAN SENI KEHIDUPAN UTARA	RM	246,853.00
96	SEGI COLLEGE SUBANG JAYA	RM	50,000.00
97	YAYASAN KOREKSIONAL MALAYSIA	RM	896,260.00
98	INDEPENDENT LIVING & TRAINING CENTRE MALAYSIA	RM	432,087.00
99	KELAB PEMINAT SIVAJI RAO MALAYSIA (MSRFC)	RM	117,130.00
100	PERSATUAN EZHUVOAM MALAYSIA	RM	165,135.00
101	PERSATUAN KEBAJIKAN SIVA SAKTHI SAMAJ 2017	RM	281,166.00
102	PERSATUAN KOMUNITI INDIA SERENDAH 2016	RM	121,644.00
103	PERSATUAN MASYARAKAT PUJIAN MALAYSIA	RM	75,733.00
104	PERSATUAN PENCINTA SENI GEMAS	RM	108,172.00
105	PERSATUAN PERLINDUNGAN KELUARGA NADIR NEGERI SEMBILAN	RM	37,878.00
106	PERSATUAN SINGHS DAN KAURS MALAYSIA	RM	84,802.00
107	PERTUBUHAN ANTI JENAYAH BERSATU MALAYSIA	RM	468,700.00
108	PERTUBUHAN ATHMA SAKTHI INDIA MALAYSIA	RM	619,774.00
109	PERTUBUHAN KEBAJIKAN & TRANSFORMASI SOSIAL SELANGOR DARUL EHSAN	RM	237,075.00
110	PERTUBUHAN TAMILAVEL KO SARANGBANI PULAU PINANG	RM	34,575.00

**NO SOALAN: 21**

111	PERTUBUHAN WARISAN AMARA	RM	391,353.00
112	SOLIS INTERNATIONAL ACADEMY	RM	396,485.00
113	UNITED MALAYSIAN HINDU VOICE	RM	106,711.00
114	PERTUBUHAN GENERASI INTELEK MALAYSIA	RM	365,200.00
115	GURPURI FOUNDATION	RM	299,260.00
116	PERSATUAN KEBAJIKAN SHAN MATTHA	RM	282,240.00
117	PETAL FLORIST SDN BHD	RM	214,403.00
118	DIVINE ARTS CREATIONS	RM	163,275.00
119	MIND NETWORK ACADEMY	RM	460,800.00
120	PERSATUAN GAYA HIDUP LESTARI BIJI-BIJI KUALA LUMPUR DAN SELANGOR	RM	479,380.00
121	KAHLAKKS SOLUTIONS & SERVICES	RM	97,511.00
122	PERTUBUHAN KESIHATAN DAN KEBAJIKAN UMUM MALAYSIA (PKKUM)	RM	95,222.00
123	PERTUBUHAN KEBAJIKAN HATI NURANI MALAYSIA	RM	309,750.00
124	TEGAS WIBAWA SDN BHD	RM	122,100.00
125	YAYASAN ST JOHN AMBULANS MALAYSIA (DIALYSIS)	RM	978,120.00
126	BUDDHIST TZU-CHI MERITS SOCIETY MALAYSIA (DIALYSIS)	RM	978,120.00
127	SAI ANANDA FOUNDATION (DIALYSIS)	RM	978,120.00
128	SKILLS ACADEMY	RM	932,200.00
129	MAKE IT RIGHT MOVEMENT (MIRM)	RM	988,650.00
130	NATIONAL ASSOCIATION OF WOMEN ENTREPRENEURS OF MALAYSIA (NAWEM)	RM	995,990.00
131	WOMEN'S AID ORGANISATION	RM	974,500.00
132	WOMEN OF WILL	RM	743,700.00
133	MYKASIH FOUNDATION (AKSHAYA PATRA)	RM	5,616,000.00
134	PERSATUAN PRIHATIN RATU MALAYSIA INDIA KUALA LUMPUR (MISS MALAYSIA INDIA CARE ASSOCIATION KUALA LUMPUR)	RM	20,020.00
135	PERSATUAN KEBAJIKAN ANGKATAN GEMILANG NASIONAL INDIA (AGNI)	RM	341,460.00
136	PERTUBUHAN KRISTIAN PAROUSIA SEMINARI ANTARABANGSA MALAYSIA	RM	20,000.00
137	PERTUBUHAN PENGANUT VETHATHIRI SKY MANAVALAKALAI MALAYSIA	RM	136,700.00
138	PERTUBUHAN SHRI SAI VIDYALAYA MALAYSIA	RM	141,660.00

**NO SOALAN: 21**

139	THE TRUSTEES OF SANATHANA DHARMA FOUNDATION REGISTERED	RM	168,250.00
140	GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGANUT AGAMA SAIVA MALAYSIA	RM	302,750.00
141	KUIL SRI SUBRAMANIAN TANGKAK, JOHOR	RM	49,375.00
142	NEGERI SEMBILAN SIKH UNION	RM	26,860.00
143	OTPAM IT HUB	RM	366,440.00
144	PERSATUAN PEMUZIK URUMEE MELAM MALAYSIA	RM	161,600.00
145	PERSATUAN PENGANUT AGAMA SRI MAHA MARIAMMAN LADANG SEROM, TANGKAK, JOHOR	RM	14,025.00
146	PERSATUAN PENGANUT HINDU SUGAM SAMSKHAARAA MALAYSIA	RM	53,250.00
147	PERSATUAN PENJAWAT AWAM KAUM INDIA PUTRAJAYA CYBERJAYA	RM	50,000.00
148	PERTUBUHAN PENGANUT PARAMPORUL MALAYSIA	RM	32,500.00
149	PERSATUAN TELUGU MALAYSIA	RM	471,300.00
150	PERSATUAN SINERGI MALAYSIA	RM	116,600.00
151	PERSATUAN THIRUVARUL THAVANERI, WILAYAH PERSEKUTUAN DAN SELANGOR	RM	145,890.00
152	ALUMNI KELAB BELL BELIA TAMIL MALAYSIA	RM	220,600.00
153	PERSATUAN PENGAJIAN PANNIRU THIRUMURAI VALARCHI MAIYAM SELANGOR DAN WILAYAH PERSATUAN	RM	104,000.00
154	PERSATUAN KEBAJIKAN SWAMY VIVEKANANDA NEGERI JOHOR	RM	34,710.00
155	PERSATUAN YOGA DHARMA	RM	96,440.00
156	KELAB BELIA INDIA TAMAN RAHANG	RM	366,592.60
157	KELAB OLAHRAGA GARUDA IPOH	RM	126,560.00
158	RAJA HEALTH HERBAL CENTRE	RM	58,980.00
159	TARA FOUNDATION	RM	502,000.00
160	KHALSA DIWAN MALAYSIA	RM	1,251,600.00
161	PSMA MANAGEMENT AND CONSULTANCY	RM	260,000.00
162	PERSATUAN AJARAN TOKOH AUM SRI RAMAKRISHNA PARAMMAHAMSAR PEEDAM, KULAIJAYA, JOHOR	RM	500,000.00
163	PERTUBUHAN DHARMA SHAKTI MALAYSIA	RM	317,550.00

**NO SOALAN: 21**

164	PERSATUAN KEBAJIKAN SRI SARADHA DEVI ILLAM MALAYSIA	RM	498,450.00
165	PERTUBUHAN KEBAJIKAN BHAGAWAN SRI RAMAKRISHNA MALAYSIA	RM	541,396.00
166	KUIL SREE BALA THANDAYUTHAPANI, PADANG SERAI, KEDAH	RM	187,300.00
167	KUIL SRI MARIAMMAN KUANTAN (KUANTAN SRI MARIAMMAN TEMPLE)	RM	187,300.00
168	PERSATUAN PENGURUSAN KUIL SRI SITHI VINAYAGAR SRI BALASUBAMANIAR ALAYA PARIPALANA SABAI, PENKALAN, ALOR GAJAH, MELAKA	RM	187,300.00
169	SRI MAHAMARIAMMAN TEMPLE PARIPALANA SABAH, MENTAKAB	RM	187,300.00
170	JAWANTANKUASA PEMBINAAN KUIL SRI MAHA MARIAMMAN TAMAN SRI MUDA, SHAH ALAM SELANGOR	RM	187,300.00
171	PERSATUAN KEBUDAYAAN DAN KEBAJIKAN MASYARAKAT, TAMPIN, NSDK	RM	187,300.00
172	PERSATUAN KEBAJIKAN KAUM HINDU TAMAN SENTOSA KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN	RM	187,300.00
173	PERSATUAN PENGANUT SRI RUTHRA VEERAMUTHU MAHA MARIAMMAN DEVASTHANAM JALAN CINTA SAYANG, SUNGAI PETANI, KEDAH	RM	187,300.00
174	PERSATUAN PENGANUT SRI MAHA MARIAMMAN BATU 13 HUTAN MELINTANG	RM	187,300.00
175	SRI PARASAKTHY AMMAN KOVIL PARIBALANA SABA	RM	187,300.00
176	PERSATUAN PENGURUSAN KUIL SRI SUBRAMANIAR, BANDAR SUNWAY, PETALING JAYA, SELANGOR	RM	187,300.00
177	AMAZING ASIA TRAVEL AGENCY SDN BHD	RM	130,000.00
178	ASAASCOM ENGINEERING SDN BHD	RM	806,500.00
179	INTELLIZE TECH SERVICES SDN BHD	RM	700,000.00
180	KOPERASI PELANCONGAN KUALA LUMPUR BERHAD	RM	102,250.00
181	PERSATUAN MASYARAKAT SETIA JUJUR SKUDAI, JOHOR BAHRU, JOHOR	RM	138,600.00
182	SUKSES DINAMIK ENTERPRISE	RM	445,000.00

**NO SOALAN: 21**

183	DRONE SIFU PRODUCTIONS SDN. BHD.	RM	212,500.00
184	GLOBAL STRATEGIC PARTNERS SDN. BHD.	RM	300,000.00
185	KOPERASI PEMBANGUNAN PENDIDIKAN BERHAD	RM	438,000.00
186	LUMINOUS SYSTEMS SDN. BHD.	RM	613,000.00
187	OPENPATH EDUCATION SDN. BHD.	RM	256,400.00
188	PERTUBUHAN RANGKAIAN PERNIAGAAN INDIA MALAYSIA	RM	519,000.00
189	SHAH EDUCATIONAL SYSTEMS SDN. BHD.	RM	600,000.00
190	SPA VOLUNTEER (SPAVOL)	RM	200,000.00
191	ARKWORLD ASIA PLT	RM	375,000.00
192	C & G ANALYTICA SDN. BHD.	RM	375,000.00
193	PERSATUAN BELIA INDIA PPR BERINGIN	RM	112,200.00
194	DEWAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DIGITAL	RM	459,900.00
195	TVS DYNAMIC SKILLS SOLUTIONS SDN. BHD.	RM	834,800.00
196	PERSATUAN PENDUDUK TAMAN PD UTAMA PORT DICKSON NEGERI SEMBILAN (BARU)	RM	116,400.00
197	SHEQ MANAGEMENT CONSULTANT SDN. BHD.	RM	450,000.00
198	R K ACADEMY SDN BHD	RM	184,000.00
199	ZEENUGAA BEAUTY STUDIO	RM	138,120.00
200	MALAYSIAN ACADEMY OF SUPPLY CHAIN & LOGISTICS MANAGEMENT SDN. BHD.	RM	292,000.00
201	R8 SOLUTION	RM	165,000.00
202	PERTUBUHAN KOMUNITI KAUM INDIA SELANGOR	RM	528,050.00
203	PERSATUAN KEBAJIKAN PENJUAL-PENJUAL KACANG PUTIH NEGERI PERAK	RM	88,250.00
204	HAVI ENGINEERING & TRAINING CONSULTANTS SDN BHD	RM	431,600.00
205	INDIAN ATHMA SAKTHI ASSOCIATION	RM	885,875.70
206	PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD	RM	5,000,000.00
Jumlah Keseluruhan		RM	99,375,199.20

**NO SOALAN: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Theodore Douglas Lind** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk menggalakkan petani-petani kecil dan besar menggunakan teknologi terkini khususnya teknologi baru yang menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam memastikan cara dan amalan sektor pertanian lebih efisien sekali gus dapat meningkatkan produktiviti dan meningkat mutu hasil pertanian ke peringkat antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian ini sentiasa memberi galakan kepada kumpulan sasaran khususnya petani-petani kecil untuk mengusahakan aktiviti pertanian secara moden dengan aplikasi teknologi terkini seperti teknologi kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence* (AI). Penggunaan teknologi terkini adalah lebih efisien dengan kos operasi yang lebih efektif serta peningkatan hasil yang lebih tinggi dan berkualiti. Ini sekaligus dapat meningkatkan produktiviti dan meningkat mutu hasil pertanian ke peringkat antarabangsa.
2. Usaha ke arah galakan ini akan dipertingkatkan melalui antara lain penyebaran penggunaan teknologi mekanisasi dan automasi dan pembangunan model pertanian moden seperti yang telah digariskan dalam Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) di bawah Prioriti dan Strategi bagi tempoh 2019-2020.
3. Kementerian juga telah mengambil pelbagai langkah dari masa ke semasa untuk menggalakkan pertanian secara moden seperti berikut:
  - a) **memperkenalkan inovasi terkini seperti teknologi benih bermutu tinggi, teknologi cantuman dewasa tanaman buah-buahan, penggunaan dron bagi tujuan pembajaan dan**

## NO SOALAN: 22

**penyemburan racun serta kaedah penanaman hidroponik bertingkat (*vertical farming*)** bagi meningkatkan kepadatan tanaman pada ruang yang terhad;

- b) **melaksanakan kajian dan prototaip kejuruteraan** seperti pembangunan pakej teknologi pertanian tepat, agro robotik, aplikasi berasaskan *Internet of Things* (IoT), model kilang tanaman, pencahayaan menggunakan LED, sistem pengairan secara automasi, pengenalpastian perosak dan penyakit tanaman melalui kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence*) serta pembangunan analitis data raya pertanian (*big analytical data*);
- c) **membangunkan aplikasi mudah alih yang boleh diakses menggunakan telefon pintar dan peranti mudah alih** yang lain;
- d) **memberi pelbagai bantuan berbentuk insentif amalan pakej teknologi** kepada para petani seperti pembangunan infrastruktur ladang, pemberian input pertanian dan peralatan kecil pertanian mengikut keperluan;
- e) **menganjurkan program-program penemusiaan antara petani dan pihak industri dan syarikat-syarikat teknologi** bagi mempercepatkan pemindahan teknologi moden;
- f) **menyediakan kursus dan latihan khas dalam bidang *Internet of Things* atau IoT** seperti Program Latihan Flagship Agropreneur

## NO SOALAN: 22

Muda MARDI (AGORA). Program ini dilaksanakan secara bersiri di seluruh negara sejak tahun 2016; serta

- g) **menggalakkan aktiviti pengembangan dan latihan berkaitan teknologi pertanian moden dan inovasi terkini** kepada petani selain memperkasa petani melalui persatuan dan koperasi bagi membolehkan akses kepada penggunaan teknologi pertanian moden secara kelompok.
4. MOA melalui MARDI sedang menjalankan beberapa penyelidikan berkaitan AI melalui projek-projek berikut:
- a) **Sistem IoT bagi kawalan dan pemantauan persekitaran pintar kilang tanaman** yang akan memudahkan kawalan dan pemantauan persekitaran tanpa perlu berada di premis dan data yang diterima akan di simpan di dalam "*cloud*" atau pelayan tempatan (*local server*). Penderia sedia ada akan dihubungkan dengan sistem IoT yang akan dibangunkan;
  - b) **Sistem IoT untuk kawalan pintar rumah cendawan persekitaran terkawal (CEMH)** bagi mengawal dan memantau secara maya dan data akan tersimpan secara awan (*cloud*);
  - c) **Sistem "VRT On The Go" bagi aplikasi pembajaan** untuk menganggarkan peratusan nitrogen dalam kanopi padi dan model "Green Area Index" (GAI) untuk tanaman padi bagi menghitung

## NO SOALAN: 22

kandungan nitrogen tanaman yang ditanam berbanding dengan tanaman rujukan;

- d) **Aplikasi Mudah Alih Pemantauan Pegerakan Jentuai Bagi Mengawal Kehilangan Lepas Tuai** untuk mengawal kelajuan *combine harvester* bagi mengurangkan kehilangan lepas tuai padi. Aplikasi ini telah diuji dan dinilai untuk memantau kelajuan jentuai kombain bagi penuaian padi di kawasan KADA dan MADA; dan
  - e) **Sistem robotik semaian biji benih bagi nurseri kilang tanaman** bagi membolehkan semaian biji benih dilakukan dengan cepat pada *peat block*. Sistem robotik ini dianggarkan mampu untuk melakukan semaian biji benih sebanyak 3,000/jam.
5. Teknologi yang telah dijana juga disampaikan kepada petani atau golongan sasaran bagi mengembangkan teknologi baharu yang telah dihasilkan. Kerjasama bersama petani juga dijalankan melalui kajian penilaian peringkat akhir produk secara berskala besar di peringkat petani dan usahawan, seperti program Agropreneur Muda, kursus, bengkel dan seminar serta kerjasama bersama industri/*stakeholders* bagi memastikan R&D yang dijalankan adalah berdasarkan isu yang dihadapi oleh petani dan industri sayur-sayuran negara.
6. Dalam memastikan cara dan amalan sektor pertanian lebih efisien sekali gus dapat meningkatkan produktiviti dan meningkatkan mutu hasil pertanian ke peringkat antarabangsa, MOA melalui MARDI dari masa ke semasa akan membangunkan sistem pengeluaran pertanian

## **NO SOALAN: 22**

moden dan pintar yang bersepadu berasaskan teknologi Industri 4.0 (IR4.0) bagi tanaman lapangan terpilih, tanaman bernilai tinggi dan ternakan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Kamarudin bin Abdun** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan Pakatan Harapan (PH) mendukung manifesto kebebasan bersuara namun pada masa yang sama bertanggungjawab menjaga sensitiviti dan keharmonian masyarakat majmuk memandangkan kes salah guna media sosial sehingga ke tahap menghina agama kian meningkat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan mendukung prinsip kebebasan bersuara sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Perkara 10(1), Perlembagaan Persekutuan sebagai salah satu asas kepada kewujudan dan amalan demokrasi di Malaysia. Komitmen pelaksanaan manifesto Kerajaan Pakatan Harapan bagi memastikan dukungan ke atas pelaksanaan prinsip kebebasan bersuara tersebut disemarakkan lagi dengan pindaan undang-undang seperti Akta Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019.

Selain itu, pihak Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri juga sedang mengkaji beberapa undang-undang seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan Akta Hasutan 1948 agar prinsip kebebasan bersuara kekal subur di dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi ini.

Namun begitu, haruslah kita ingati bahawa kebebasan ini bukanlah diberikan secara mutlak dan perlu ada batasan bagi menjaga keselamatan dan keharmonian rakyat dengan tidak menyatakan perkara-perkara yang melibatkan sensitiviti agama, bangsa dan lain-lain yang boleh menimbulkan keadaan yang tidak tenteram dalam masyarakat.

## **NO SOALAN: 23**

Dalam hal ini, Kementerian Dalam Negeri melalui penguatkuasaan polis akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak-pihak yang cuba mencetuskan huru-hara atau menimbulkan sebarang bentuk provokasi sama ada dalam bentuk penulisan, ucapan atau penyebaran berita termasuk di sosial media yang boleh menyebabkan keresahan di dalam masyarakat. Tindakan tangkapan dan pendakwaan terhadap sesiapa yang melakukan perbuatan-perbuatan sedemikian akan dilakukan berdasarkan peruntukan undang-undang yang sedia ada yang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Puan Hajah Sabani binti Mat** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah Syarikat Great Eastern daripada Singapura telah mendapat pengecualian daripada syarat-syarat Bank Negara Malaysia bagi mengehendkan pemilikan asing di negara ini dan adakah pelepasan yang diberi kepada Syarikat Great Eastern ini ialah untuk selama-lamanya ataupun untuk tempoh tertentu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Syarat pelupusan pegangan saham kepada tahap tidak melebihi 70 peratus oleh pemegang saham asing bertujuan untuk mencapai manfaat jangka panjang untuk Malaysia, termasuk menggalakkan perkongsian kekayaan dalam kalangan warganegara Malaysia dan meningkatkan penembusan insurans dan takaful di Malaysia melalui pembangunan produk yang inklusif.

Pihak Kementerian Kewangan telah menawarkan pilihan alternatif kepada semua pemegang saham asing yang terlibat untuk menyumbang kepada skim mySalam bagi memenuhi komitmen pelupusan pegangan saham lebihan mereka. Pilihan ini adalah selaras dengan matlamat syarat pelupusan pegangan saham dan dijangka dapat mencapai hasil yang serupa.

Syarat pelupusan pegangan saham tersebut tidak lagi terpakai berikutan penyempurnaan syarat-syarat yang dipersetujui, termasuk pemindahan sumbangan penuh kepada Dana Perlindungan Nasional B40.

Namun begitu, pemegang saham yang terlibat masih tertakluk kepada peruntukan undang-undang Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan keperluan pengawalseliaan yang ditentukan oleh pihak Bank Negara Malaysia secara berterusan.

**NO SOALAN: 24**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. NUIING JELUING  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah mekanisma subsidi bagi perkhidmatan udara luar bandar Mas Wing di Sarawak. Baru-baru ini diumumkan kenaikan harga tambang luar bandar secara drastik untuk beberapa laluan dari tiga hingga empat kali kadar semasa (yang kemudian ditarik balik selepas protes). Apakah peranan Kementerian dalam menentukan tambang penerbangan untuk penerbangan Mas Wing.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan telah menandatangani perjanjian *Public Service Obligation Agreement for Rural Air Services (PSO for RAS)* dengan MASwings Sdn. Bhd. (MASwings) pada 4 Januari 2019 bagi meneruskan penyediaan operasi Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS) di Sabah dan Sarawak untuk tempoh 6 tahun iaitu bermula 2019 hingga 2024.
2. Di bawah Perjanjian ini, mekanisme pemberian subsidi diubah daripada mekanisme yang berdasarkan kerugian operasi RAS dan insentif kewangan kepada mekanisme yang terikat dengan prestasi operasi dan kewangan. Insentif diberikan dalam bentuk pembayaran yuran pengurusan (*management fee*) tertakluk kepada prestasi operasi dan kewangan. Manakala, pengenaan bayaran penalti akan dikenakan kepada MASwings bagi perkhidmatan yang tidak memuaskan dan tidak mencapai tahap KPI yang ditetapkan.
3. Kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat MASwings ke kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Julai 2011. Harga siling yang ditetapkan ini adalah tidak termasuk dengan bayaran lain seperti cukai, yuran dan caj.

## NO SOALAN: 25

4. Sehingga kini, tiada kenaikan harga siling yang telah dilaksanakan atau diumumkan oleh Kerajaan sejak 2011. Pihak operator iaitu MASwings yang melaksanakan perkhidmatan RAS tidak akan menaikkan tambang dengan sewenang-wenangnya kerana tertakluk kepada harga siling yang telah ditetapkan di bawah perjanjian *Public Service Obligation for Rural Air Service (PSO for RAS)*.

5. Kenaikan harga tambang luar bandar yang diumumkan oleh MASwings pada bulan September 2019 ialah hanya tambang kepada pelancong atau penumpang yang merupakan bukan warganegara Malaysia. Walau bagaimanapun, pelaksanaan tersebut telah ditarik balik bagi menyokong industri pelancongan sempena Tahun Melawat Malaysia 2020.

6. Pihak MAVCOM selaku penasihat, pentadbir dan pengurus RAS di bawah Obligasi Perkhidmatan Awam (*Public Service Obligation – PSO*) sentiasa melaksanakan kajian semula siling kadar tambang dan ia ditetapkan berdasarkan persetujuan bersama di antara Kementerian Pengangkutan, MAVCOM dan operator mengikut keperluan semasa. Kerajaan juga akan sentiasa memantau dan menetapkan siling kepada harga tambang ini agar kemudahan ini dapat dinikmati oleh penduduk di kawasan luar bandar pada kadar harga yang munasabah.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan polisi dan perancangan khusus yang dirangka Kementerian dalam memantapkan hubungan diplomatik dengan negara India susulan kenyataan YAB Perdana Menteri mengenai isu Jammu dan Kashmir di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNGA).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

2. Saya ingin menekankan bahawa Malaysia mempunyai hubungan dan kerjasama dua hala yang rapat dan strategik dengan India dan Pakistan, kerana hubungan kita dengan kedua-dua negara tersebut mendatangkan banyak manfaat bersama. Lebih dari itu, Malaysia dan kedua-dua negara tersebut sentiasa bekerjasama rapat di forum-forum antarabangsa. Sebagaimana semua sedia maklum, ketiga-tiga negara ini bukan sahaja merupakan negara-negara PBB, tetapi juga NAM dan Komanwel.

3. Untuk makluman Dewan, program-program kerjasama antara Malaysia dan India masih diteruskan. Pertukaran lawatan di pelbagai peringkat terus berjalan seperti yang dirancangkan, di samping pertemuan dan perbincangan dalam usaha mengeratkan lagi hubungan kerjasama sedia ada.

4. Sebagai Menteri Luar Negeri, saya telah mengadakan pertemuan dengan rakan sejawat saya, Dr. S. Jaishankar, Menteri Hal Ehwal Luar India semasa di sela-sela Sidang Kemuncak NAM di Baku, Azerbaijan pada 21-26 Oktober 2019 dan juga di sela-sela Sidang Kemuncak ASEAN di Bangkok, Thailand pada 31 Oktober 2019 - 5 November 2019. Pertemuan-pertemuan tersebut telah memberi peluang untuk kedua-dua pihak

## **NO SOALAN: 26**

menjelaskan pendirian masing-masing dan membincangkan isu-isu hubungan dan kerjasama dua hala dan serantau demi kepentingan bersama.

5. Sebagai kesinambungan hubungan Malaysia-India, Kementerian Luar Negeri juga terus mengadakan perbincangan dengan pihak India, termasuk Suruhanjaya Tinggi India di Kuala Lumpur bagi mengatur program-program kerjasama dua hala antara kedua-dua negara, serta program-program lain dalam konteks kerjasama serantau seperti ASEAN-India dan inisiatif Indo-Pasifik.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 27**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan langkah ke hadapan untuk memastikan program IPG (Intensif Pengeluaran Getah) kepada penoreh getah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan khususnya insentif yang diberikan juga dimanfaatkan oleh penoreh getah yang tidak mempunyai kebun dan hanya mengambil upah menoreh di kebun milik orang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan amat prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pekebun kecil terutamanya di luar bandar dalam membuat tuntutan Insentif Pengeluaran Getah (IPG). Antara langkah yang diambil untuk memastikan IPG dilaksanakan dengan berkesan adalah seperti berikut:

- (a) Mendapatkan kerjasama dan bantuan daripada pelesen (peraih getah) dan ketua kampung untuk mengumpul dan menghantar borang tuntutan IPG pekebun kecil ke pejabat Lembaga Getah Malaysia (LGM) yang berdekatan. Oleh itu, pekebun kecil boleh mengemukakan borang tuntutan kepada pelesen atau ketua kampung masing-masing;
- (b) Pegawai LGM juga turut turun padang ke lokasi tumpuan seperti yang dicadangkan oleh ketua kampung bagi mengutip borang tuntutan IPG daripada pekebun kecil. Di antara lokasi tumpuan adalah balai Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), masjid atau surau, Pejabat Daerah dan Pejabat RISDA yang berdekatan. Oleh itu, pekebun kecil boleh menghantar borang ke lokasi tersebut pada tarikh dan masa yang ditetapkan; dan

## NO SOALAN: 27

- (c) Mewujudkan koordinasi IPG antara Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan LGM di mana RISDA berperanan sebagai pemudahcara dalam membantu mengumpul borang tuntutan IPG daripada pekebun kecil sebelum diserahkan kepada pihak LGM.

Pendekatan-pendekatan ini diharap dapat memudahkan proses tuntutan IPG di kalangan pekebun kecil sekali gus memastikan pekebun kecil dapat menikmati insentif yang telah diperkenal oleh pihak Kerajaan bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh pekebun kecil semasa harga getah di paras rendah.

Bagi penoreh getah yang menjalankan aktiviti penorehan di kebun milik orang lain pula, tuntutan IPG masih boleh dinikmati melalui kebenaran daripada pemilik kebun menerusi pemilihan nisbah tuntutan IPG yang telah dipersetujui secara bersama (*mutual agreement*).

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Puan Asmak Binti Husin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk membangunkan pendidikan Islam dalam kalangan orang Islam bukan warga yang menetap di Malaysia seperti pemegang kad UNHCR.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan mengambil maklum akan cadangan tersebut dan akan diteliti sewajarnya oleh Jawatankuasa di bawah Arahan MKN No 23: Mekanisme Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin yang Memegang Kad UNHCR. Perkara ini adalah di bawah perhatian Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Pihak Berkuasa Agama Negeri.
2. Walaubagaimanapun, Kerajaan tidak menghalang untuk mana-mana pertubuhan dakwah dan kebajikan Islam untuk melaksanakan inisiatif tersebut kepada warganegara asing yang menetap di Malaysia seperti pemegang kad UNHCR selagi mana tidak bertentangan dengan garis panduan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, Majlis Agama Islam negeri-negeri, Ahli Sunnah Wal Jama'ah dan amalan majoriti Umat Islam di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-

- a) tahun 2020 yang diuar-uarkan sebagai tahun melawat Malaysia, tetapi tiada promosi yang sewajarnya untuk menarik pelancong datang; dan
- b) berapa ramai sasaran pelancong dalam kempen ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Persediaan kempen Visit Malaysia 2020 (VM2020) telah dilaksanakan sejak Januari 2018 oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Tourism Malaysia di ASEAN Tourism Forum (ATF) di Chiang Mai, Thailand dan di International Tourismus Borse (ITB) di Berlin, Jerman. Tourism Malaysia sentiasa aktif mempromosikan Malaysia di peringkat antarabangsa dan juga domestik. Antara usaha promosi yang dilaksanakan bagi menarik pelancong ke Malaysia sempena Visit Malaysia 2020 (VM2020) adalah:-

1. Menyertai di dalam pameran-pameran pelancongan utama peringkat antarabangsa seperti ASEAN Tourism Forum (ATF) di Viet Nam, South Asia Travel and Tourism Exchange (SATTE) di India, International Tourism Fair (FITUR) di Sepanyol, Thailand International Travel Fair (TITF) di Thailand, International Tourism Exchange (BIT) di Itali, Moscow International Tourism Travel (MITT), International Tourismus Borse (ITB) di Jerman, Arabian Travel Market (ATM) di UAE, Hana Tour International Travel Show dan Mode Tour Travel Mart di Korea Selatan, China International Tourism Expo (CITIE) dan 16th China ASEAN Expo (CAEXPO) di China, Tourism Expo Japan (TEJ) di Jepun dan World Travel Market (WTM) di United Kingdom.

## NO SOALAN: 29

2. Membuat hebahan publisiti melalui penganjuran Program Lawatan Suaikenal untuk agensi-agensi pelancongan antarabangsa ke Malaysia. Sebanyak 8 program suaikenal telah dilaksanakan dari Januari hingga November 2019 dengan nilai publisiti melebihi RM6 juta yang melibatkan pengamal media dan agensi pelancongan dari Amerika Syarikat, Australia, Austria, Brunei, China, Hong Kong, India, Indonesia, Itali, Jepun, Jerman, Kazakhstan, Korea, Kemboja, Laos, Netherland, New Zealand, Rusia, Saudi Arabia, Singapura, Taiwan, Thailand, Turki, Ukraine dan Viet Nam. Sehingga November 2019, sebanyak 59 program utama telah dijalankan dengan penglibatan media antarabangsa dan tempatan bagi mempromosikan Kempen VM2020.
  
3. Tourism Malaysia juga bekerjasama dengan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan syarikat penerbangan antarabangsa seperti Air Arabia, Air Busan, China Airlines, China Southern Airlines, Condor Airlines dan Royal Brunei Airlines melalui Program *Joint International Development Tourism Programme* (JITDP) bagi meningkatkan kemudahan pengangkutan udara dan kapasiti tempat duduk ke Malaysia sempena VM2020. Selain itu, Tourism Malaysia juga menjalinkan kerjasama pintar bersama penggiat industri menerusi Program Promosi dan Pemasaran (NKEA) untuk membangunkan pakej-pakej pelancongan, mempromosikan aktiviti membeli-belah, menggalakkan operasi penerbangan sewa khas dan pelancongan minat khas seperti eko pelancongan, pelayaran, menyelam, *wellness* dan *birding* untuk melonjakkan kehadiran pelancong antarabangsa ke Malaysia.

## NO SOALAN: 29

4. Kempen pengiklanan VM2020 secara digital bersama Expedia bagi pasaran Amerika Syarikat, Australia dan Jepun untuk meningkatkan tempahan pakej percutian ke Malaysia dengan mensasarkan kedatangan pelancong seramai 220,500 orang dari pasaran tersebut. Selain itu, Tourism Malaysia telah melaksanakan pengiklanan sempena VM2020 melalui media cetak, elektronik, billboard serta pemasangan digital di pasaran-pasaran terpilih di luar negara seperti Out of Home (OOH) di United Kingdom pada panel keretapi, badan teksi, badan bas dan cross track panels. Pemasangan logo VM2020 pada billboard di stesen keretapi Shinagawa, Jepun dan sebanyak enam panel billboard VM2020 turut dipasang di Lapangan Terbang Sabiha Gokcen di Istanbul.
5. Tourism Malaysia telah menjalinkan kerjasama strategik dengan Air Asia, Firefly, Malaysia Airlines, Malindo Air, MasWings. Selain itu juga, kerjasama dengan Sharp (M) Elektronik melalui teknologi 8K dengan tayangan video promosi Malaysia di 10,000 panel TV 8K di Malaysia dan 200,000 panel TV 8K di Taiwan, China, Jepun, India, Singapura bagi meningkatkan *visibility* kempen VM2020.
6. Merencanakan pelancongan domestik melalui penyertaan di beberapa acara dan pameran pelancongan domestik seperti MATTA Fair, Cuti-Cuti Malaysia Travel Fair dan sesi libat urus serta seminar bersama penggiat industri pelancongan di peringkat negeri. Corporate Travel Bazaar (CTB) juga telah dilaksanakan yang bertujuan untuk menjalinkan jaringan pemasaran antara pengusaha pelancongan dengan syarikat korporat, agensi kerajaan dan pihak swasta. Pada November 2019, program ASEANMEET 2019 yang telah diadakan di Melaka yang melibatkan

## **NO SOALAN: 29**

seramai 53 pengusaha pelancongan dan 6 media dari 9 buah negara ASEAN telah memberi peluang kepada para pengusaha pelancongan dari Malaysia (*sellers*) menjalinkan jaringan pemasaran (*networking*) bersama-sama dengan agensi-agensi pelancongan dari negara-negara Asia Tenggara menerusi sesi B2B dimana mereka berpeluang untuk berbincang secara terus berkaitan produk, maklumat terkini berkaitan pelancongan dan juga perkhidmatan pelancongan yang ditawarkan seperti pakej-pakej pelancongan yang kompetitif.

7. Sempena VM2020, Tourism Malaysia akan mengadakan Majlis Sambutan di pintu-pintu masuk utama negara di KLIA, KLIA2, Terminal Skypark Subang, LTAB Kota Kinabalu, Sabah, LTAB Bayan Lepas, Pulau Pinang, LTAB Langkawi, Kedah, LTAB Kuching, Sarawak, Padang Besar, Perlis, Bukit Kayu Hitam Kedah dan KL Sentral Kuala Lumpur bagi menyambut ketibaan pelancong pada 1 Januari 2020.
8. Mengadakan kempen Malaysia Year End Sale (MYES) dengan kerjasama daripada pelbagai pusat membeli belah utama di Malaysia dengan menawarkan diskaun-diskaun yang menarik dan pelbagai aktiviti yang telah bermula dari 1 Oktober sehingga 31 Disember 2019. Kempen MYES 2019 merupakan platform untuk mempromosikan VM2020 kepada pelancong domestik dan juga antarabangsa.

Kempen VM2020 merupakan satu misi nasional yang melibatkan pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri, kementerian, agensi, jabatan, badan-badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan penggiat-penggiat industri agar ia memberi impak yang optimum kepada industri pelancongan

## **NO SOALAN: 29**

negara bagi mencapai sasaran 30 juta pelancong dan menjana pendapatan sebanyak RM100 bilion pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN SITI FATIMAH BINTI YAHAYA**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Puan Siti Fatimah binti Yahaya** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi yang telah dilaksanakan untuk memperkasakan bidang Pendidikan Khas selari dengan matlamat untuk mewujudkan sistem pendidikan yang inklusif dan mencapai visi 'pendidikan untuk semua'.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha dan komited untuk menyediakan pendidikan yang terbaik kepada semua murid di negara ini tanpa menafikan hak Murid Berkeperluan Khas (MBK). KPM telah melaksanakan Dasar Sifar Penolakan bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) untuk memastikan MBK menerima pendidikan yang relevan dengan keupayaan mereka selaras dengan Peraturan-Peraturan Pendidikan (Pendidikan Wajib) 2002. Berdasarkan data MBK sehingga 31 Oktober 2019, peratus pendaftaran MBK dalam sistem KPM telah meningkat sebanyak 5.77 peratus (88,419) berbanding 4.7 peratus (83,598) pada tahun 2018.

Bagi memastikan MBK mendapat akses dan kualiti pendidikan sama seperti murid arus perdana, KPM telah memastikan penambahbaikan aksesibiliti dan mobiliti dilaksanakan. Peningkatan bilangan sekolah yang dilengkapi dengan empat kemudahan mesra orang kurang upaya (OKU) (susur landai, susur tangan, parkir dan tandas OKU) telah meningkat dari 189 buah sekolah pada tahun 2018 ke 287 buah sekolah pada tahun 2019. Selain itu, sebanyak 15 buah projek bagi Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan tiga buah projek bagi Sekolah Pendidikan Khas telah diluluskan dan dalam pelaksanaan Jabatan Kerja Raya (JKR). Secara keseluruhannya sebanyak 18 buah sekolah telah terlibat dalam proses ubah suai dan naik

## **NO SOALAN: 30**

taraf sepanjang tahun 2019. KPM juga telah melaksanakan penyelenggaraan di PPKI dan di Sekolah Pendidikan Khas. Sehingga 31 Oktober 2019, sebanyak 835 buah PPKI dan 34 Sekolah Pendidikan Khas telah terlibat dalam proses penyelenggaraan dengan kos peruntukan sebanyak RM2,903,777.00

Berhubung dengan fokus dan gerak kerja KPM bagi tujuan melangkah ke hadapan, KPM telah menyediakan Pelan Pembangunan Pendidikan Inklusif Bagi Orang Kurang Upaya (2020 hingga 2025): Pelan Tindakan. Melalui pelan ini sebanyak enam (6) teras strategik telah ditetapkan, iaitu:

1. Teras strategik 1: Pemantapan Sumber Manusia;
2. Teras strategik 2: Penambahbaikan Sistem Sokongan;
3. Teras strategik 3: Pemantapan Pengajaran dan Pembelajaran, Kokurikulum dan Pengembangan Potensi;
4. Teras strategik 4: Penambahbaikan Aksesibiliti dan Mobiliti; dan
5. Teras strategik 5: Pemantapan Tadbir Urus.
6. Teras strategik 6: Penambahbaikan Pengurusan data

Di peringkat pendidikan tinggi pula, KPM dengan kerjasama Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK) telah melancarkan Garis Panduan Pelaksanaan Dasar Inklusif Orang Kurang Upaya di Institusi Pendidikan Tinggi pada 5 September 2019. Garis Panduan ini dibangunkan bagi memastikan sistem pendidikan yang berterusan diberikan kepada pelajar-pelajar OKU yang berjaya mendapat tempat di universiti awam (UA) dan swasta. Semua UA adalah diwajibkan melaksanakan Dasar Inklusif OKU dan menubuhkan Unit Perkhidmatan OKU. Sehingga kini, lima (5) buah

## **NO SOALAN: 30**

UA telah menubuhkan Unit OKU masing-masing dan akan disusuli dengan UA lain dalam masa yang terdekat ini.

Selain itu, kementerian telah membangunkan sistem penarafan bagi meningkatkan kualiti pengajaran, pembelajaran dan aksesibiliti berdasarkan indikator holistik (*MyU-OKU*) ke arah mewujudkan persekitaran inklusif OKU seterusnya pelaksanaan penarafan persekitaran inklusif OKU di universiti awam. Sistem penarafan *MyU-OKU* ini akan dilaksanakan pada awal tahun 2020.

Di peringkat pendidikan tinggi juga, KPM telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan mekanisme mod kemasukan secara laluan khas bagi golongan OKU bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/ Setaraf dalam pemprosesan pemilihan pelajar untuk kemasukan ke institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) dan institut latihan kemahiran awam (ILKA). Calon OKU tidak perlu bersaing dalam sistem meritokrasi bagi mendapat tempat untuk meneruskan pengajian di IPTA dan ILKA. Walau bagaimana pun permohonan masih tertakluk kepada syarat minima, syarat am dan syarat khas kemasukan bagi program pengajian yang dipohon.

Secara keseluruhannya, matlamat untuk mewujudkan sistem pendidikan yang inklusif dan mencapai visi 'pendidikan untuk semua' hanya boleh dicapai melalui pengagihan sumber yang terancang dan teliti, dan seterusnya memastikan setiap ringgit dibelanjakan untuk meningkatkan keberhasilan dan kemenjadian OKU.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 31**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Ir. Yong Wui Chung** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapakah tidak disebutkan berkenaan langkah-langkah untuk meningkatkan kembali nilai ringgit Malaysia di dalam belanjawan 2020 dan adakah tempoh 3 tahun untuk mengembalikan nilai ringgit kembali kepada potensinya seperti yang terdapat di dalam Buku Harapan dapat dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga 27 November 2019, nilai ringgit telah menyusut sebanyak 0.9 peratus. Prestasi ringgit adalah sejajar dengan pergerakan kebanyakan mata wang serantau lain yang telah berubah nilai dalam lingkungan -5.6 peratus dan 6.9 peratus berbanding dolar Amerika Syarikat (AS). Penyusutan nilai ringgit disebabkan oleh ketidaktentuan berkaitan perkembangan geopolitik, kemerosotan sentimen pelabur dalam pasaran kewangan dunia berikutan kelemahan unjuran pertumbuhan global serta kebimbangan bon Kerajaan Malaysia dikeluarkan daripada *World Government Bond Index* (WGBI) oleh FTSE Russell yang menyebabkan aliran keluar dana asing.

Dalam keadaan pasaran kewangan global yang tidak menentu, kadar pertukaran ringgit yang fleksibel memainkan peranan penting sebagai penyerap kejutan luaran tanpa menjejaskan aktiviti ekonomi domestik. Namun begitu, volatiliti ringgit yang ketara boleh menjejaskan aktiviti ekonomi berikutan kesukaran sektor perniagaan dan perindustrian merancang strategi dan mengambil keputusan yang wajar. Sehubungan itu, Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa memastikan keadaan pasaran kewangan lebih lancar dan mengambil langkah proaktif dengan memperkenalkan langkah untuk memastikan kecairan mencukupi,

## NO SOALAN: 31

pasaran yang berdaya tahan dan mengurangkan aktiviti spekulasi dalam pasaran.

Langkah ini termasuk menetapkan syarat supaya sebahagian besar daripada hasil eksport dalam mata wang asing ditukarkan kepada ringgit bagi meningkatkan mudah tunai wang asing dalam pasaran dalam negeri dan meningkatkan penguatkuasaan ke atas peraturan tukaran asing sedia ada bagi mencegah aktiviti spekulasi mata wang ringgit diniagakan di luar pesisir. Pada masa sama, BNM telah memperkenalkan instrumen pelindung nilai (*hedging instruments*) dan menyediakan fleksibiliti agar peserta pasaran kewangan dan sektor perniagaan boleh melaksanakan pengurusan risiko pendedahan mata wang asing dengan lebih baik.

Dalam jangka masa panjang, nilai ringgit akan didorong terutamanya oleh kekuatan asas ekonomi negara. Oleh yang demikian, Kerajaan akan terus menumpukan usaha bagi meningkatkan daya tahan ekonomi dengan mempelbagaikan sumber pertumbuhan, memperkukuh daya saing dan kedudukan fiskal negara.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 32**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK**  
**CHEE**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah permohonan yang telah berjaya mendapatkan rumah mampu milik dan yang masih dalam senarai menunggu mengikut negeri bagi tahun 2018 dan 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Antara inisiatif Rumah Mampu Milik (RMM) yang diselaraskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) adalah seperti berikut:
  - a) Program Perumahan Rakyat (PPR);
  - b) Skim Pinjaman Perumahan (SPP);
  - c) Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (*MyHome*);
  - d) Perumahan Penjawat Awam;
  - e) Perumahan PR1MA; dan
  - f) Rumah Mesra Rakyat.
  
2. Bagi PPR, sehingga 31 Oktober 2019, seramai **82,133** keluarga daripada golongan B40 telah menerima manfaat daripada program ini sama ada PPR Disewa atau PPR Dimiliki di bawah seliaan KPKT. Perincian pengisian PPR mengikut negeri adalah seperti jadual berikut:

**Maklumat Pengisian Program Perumahan Rakyat (PPR) Dimiliki**

**Sehingga 31 Oktober 2019**

**NO SOALAN: 32**

<b>BIL.</b>	<b>NEGERI</b>	<b>JUMLAH UNIT RUMAH</b>	<b>JUMLAH UNIT DIISI</b>	<b>%</b>	<b>JUMLAH BELUM DIISI</b>	<b>%</b>
1	PAHANG	3,668	3,271	89.2	397	10.8
2	KELANTAN	2,000	1,108	55.4	892	44.6
3	SELANGOR	1,880	1,822	96.9	58	3.1
4	KUALA LUMPUR	1,690	1,446	85.6	244	14.4
5	SARAWAK	1,124	1,124	100.0	0	0.0
6	KEDAH	1,100	312	28.4	788	71.6
7	MELAKA	336	336	100.0	0	0.0
8	PULAU PINANG	231	50	21.6	181	78.4
9	NEGERI SEMBILAN	150	143	95.3	7	4.7
10	PERAK	99	99	100.0	0	0.0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>12,278</b>	<b>9,711</b>	<b>79.1</b>	<b>2,567</b>	<b>20.9</b>

\* Termasuk unit-unit yang ditawarkan melalui Skim Sewa Untuk Milik (RTO)

**Maklumat Pengisian Program Perumahan Rakyat (PPR) Disewa****Sehingga 31 Oktober 2019**

**NO SOALAN: 32**

<b>BIL.</b>	<b>NEGERI</b>	<b>JUMLAH UNIT RUMAH</b>	<b>JUMLAH UNIT DIISI</b>	<b>%</b>	<b>JUMLAH BELUM DIISI</b>	<b>%</b>
1	KUALA LUMPUR	32,540	32,308	99.3	232	0.7
2	SABAH	20,784	19,389	93.3	1,395	6.7
3	JOHOR	8,913	8,308	93.2	605	6.8
4	SELANGOR	3,304	2,928	88.6	376	11.4
5	SARAWAK	3,016	2,681	88.9	335	11.1
6	KEDAH	1,894	1,529	80.7	365	19.3
7	PERLIS	1,428	1,308	91.6	120	8.4
8	MELAKA	1,100	1,053	95.7	47	4.3
9	TERENGGANU	1,002	992	99.0	10	1.0
10	PERAK	915	838	91.6	77	8.4
11	PULAU PINANG	768	676	88.0	92	12.0
12	NEGERI SEMBILAN	420	412	98.1	8	1.9
13	KELANTAN	150	0	0.0	150	100.0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>76,234</b>	<b>72,422</b>	<b>95.0</b>	<b>3,812</b>	<b>5.0</b>

3. Skim Pinjaman Perumahan (SPP) pula dilaksanakan untuk golongan berpendapatan rendah sejak tahun 1976 dengan memberikan pinjaman untuk membina rumah di atas tanah sendiri atau tanah dimiliki waris terdekat. Sehingga tahun 2018, KPKT telah meluluskan sebanyak 11,222 permohonan SPP. Bagi tahun 2018 (Januari – Ogos), sebanyak 293 permohonan yang berjumlah RM17.5 juta telah diluluskan. Buat masa ini, permohonan bagi skim ini telah dibekukan mulai September 2018.

## NO SOALAN: 32

4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) merupakan salah satu langkah kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah mampu milik. Skim ini menawarkan insentif sehingga RM30,000 seunit yang memberi faedah kepada pembeli-pembeli rumah dan pemaju-pemaju swasta. Daripada April 2014 hingga Oktober 2019, seramai 5,185 pembeli rumah pertama telah menerima manfaat di bawah skim ini. Pecahan mengikut negeri adalah seperti jadual berikut:

### Maklumat Penerima Insentif MyHome

NEGERI	BILANGAN PENERIMA INSENTIF MYHOME
JOHOR	2,143
SABAH	893
PERAK	580
W.P. KL	467
KEDAH	372
PAHANG	294
MELAKA	238
SELANGOR	179
KELANTAN	19
NEGERI SEMBILAN	0
PERLIS	0
PULAU PINANG	0
SARAWAK	0
TERENGGANU	0
W.P. PUTRAJAYA	0
<b>JUMLAH</b>	<b>5,185</b>

5. Secara keseluruhannya, terdapat 80 projek perumahan swasta yang berdaftar di bawah Skim MyHome di seluruh negara dengan jumlah 8,822 unit. Buat masa ini, tiada permohonan yang masih dalam senarai

## NO SOALAN: 32

menunggu memandangkan Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Pembeli MyHome diadakan pada setiap bulan.

6. Manakala bagi Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM), dari tahun 2016 hingga 2019, sebanyak 28,028 telah berjaya mendapatkan rumah PPAM dan 10,835 masih dalam senarai menunggu. Pecahan maklumat mengikut negeri seperti jadual berikut:

### Maklumat Penerima Program PPAM

BIL.	NEGERI MAJIKAN	JUMLAH TELAH BERJAYA MENDAPATKAN RUMAH PPAM	JUMLAH SENARAI MENUNGGU
1.	Johor	1,498	564
2.	Kedah	1,632	638
3.	Kelantan	593	141
4.	Melaka	557	156
5.	Negeri Sembilan	492	220
6.	Pahang	1,250	433
7.	Pulau Pinang	1,217	435
8.	Perak	1,120	363
9.	Perlis	273	105
10.	Selangor	2,383	1,880
11.	Terengganu	377	151
12.	Sabah	1,659	256
13.	Sarawak	1,263	1,131
14.	W.P Kuala Lumpur	5,326	3,660
15.	W.P Labuan	84	26
16.	W.P Putrajaya	8,304	676
<b>Jumlah</b>		<b>28,028</b>	<b>10,835</b>

7. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi perumahan PR1MA, jumlah keseluruhan permohonan pada tahun 2018 ialah 4,284 pemohon. Jumlah ini merangkumi 3,206 pembeli yang telah berjaya

## **NO SOALAN: 32**

menandatangani perjanjian jual beli dan 1,078 pemohon masih dalam proses tempahan setakat 31 Disember 2018.

8. Bagi tahun 2019 pula, jumlah keseluruhan permohonan ialah 18,849 pemohon. Jumlah ini merangkumi 8,577 pembeli yang telah berjaya menandatangani perjanjian jual beli dan 10,272 pemohon masih dalam proses tempahan setakat 6 Disember 2019.
9. Sehingga kini tiada pembeli yang disenaraikan dalam senarai menunggu. Malahan PR1MA komited memenuhi mandat Kerajaan dalam menyediakan lebih banyak rumah mampu milik yang berkualiti khususnya golongan berpendapatan sederhana (M40). Senarai terperinci status permohonan perumahan PR1MA mengikut negeri adalah seperti berikut:

### **Maklumat Permohonan Rumah PR1MA**

**NO SOALAN: 32**

Negeri	Tempahan		Telah Menandatangani Perjanjian Jual Beli		Jumlah keseluruhan	
	2018	2019	2018	2019	2018	2019
JOHOR	148	1138	347	374	495	1512
KEDAH	52	1329	738	1603	790	2932
KELANTAN	34	266	73	89	107	355
KUALA LUMPUR	53	749	567	1106	620	1855
MELAKA	170	1445	167	811	337	2256
NEGERI SEMBILAN	173	436	233	277	406	713
PAHANG	61	553	235	228	296	781
PENANG	102	280	114	117	216	397
PERAK	101	1523	204	1468	305	2991
PERLIS	20	68	11	24	31	92
SABAH	79	1404	139	653	218	2057
SARAWAK	73	581	345	1489	418	2070
SELANGOR	9	445	32	332	41	777
TERENGGANU	3	55	1	6	4	61
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,078</b>	<b>10,272</b>	<b>3,206</b>	<b>8,577</b>	<b>4,284</b>	<b>18,849</b>

10. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, program perumahan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang melibatkan proses permohonan adalah Program Rumah Mesra Rakyat (RMR). Sebanyak 3,497 unit RMR telah berjaya disiapkan pada tahun 2018 dan sebanyak 1,427 unit RMR Jadual di bawah menunjukkan jumlah unit RMR yang berjaya disiapkan pada tahun 2018 dan 2019 serta jumlah senarai menunggu mengikut negeri:

**Maklumat Permohonan Rumah Mesra Rakyat, SPNB**

**NO SOALAN: 32**

NEGERI	JUMLAH PERMOHONAN RMR YANG BERJAYA TAHUN 2018	JUMLAH PERMOHONAN RMR YANG BERJAYA TAHUN 2019		SENARAI MENUNGGU SEHINGGA 30 NOVEMBER 2019
	SIAP	SIAP	BINA	
TERENGGANU	495	149	185	1227
KELANTAN	707	217	114	1220
PAHANG	308	175	328	632
PERAK	426	145	166	543
PULAU PINANG	43	20	86	52
KEDAH	202	86	160	441
PERLIS	166	80	55	333
SELANGOR	86	63	146	505
NEGERI SEMBILAN	211	76	275	669
MELAKA	64	43	159	620
JOHOR	582	240	247	704
WP KL / PUTRAJAYA	1	0	0	0
SABAH	28	50	26	131
SARAWAK	176	83	521	415
WP LABUAN	2	0	1	17
<b>JUMLAH</b>	<b>3,497</b>	<b>1,427</b>	<b>2,649</b>	<b>7,509</b>

11. Bagi permohonan RMR yang di dalam senarai menunggu, kelulusan permohonan baru dan pelaksanaannya akan menggunakan peruntukan yang diluluskan dalam Belanjawan Tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK ABDUL GHANI BIN**  
**MOHAMED YASSIN**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kementerian telah bersiap sedia dalam menghadapi serangan siber terhadap Malaysia, kerana pada era sekarang, keganasan siber boleh memberikan kesan yang buruk kepada imej dan pembangunan negara jika tiada persediaan menghadapinya. Apakah usaha-usaha Kementerian dalam memberi keyakinan kepada rakyat dalam kesiapsiagaan negara terhadap apa-apa bentuk serangan siber sekalipun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan telah mengambil langkah proaktif dan perlindungan kepada agensi-agensi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (*Critical National Information Infrastructure* (CNII)) daripada ancaman dan serangan siber melalui inisiatif di bawah Dasar Keselamatan Siber Negara (*National Cyber Security Policy* (NCSP)) dan Pelan Pengurusan Keselamatan Siber Negara (*National Cyber Crisis Management Plan* (NCCMP)). Pelan ini dibangunkan berdasarkan rangka kerja pengurusan risiko dan telah diterjemahkan ke dalam dua (2) dokumen iaitu **Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 24 : Dasar dan Mekanisme Pengurusan Siber Negara dan Prosedur Tindakbalas Komunikasi dan Penyelarasan Krisis Siber Negara.**

2. Antara program kesiapsiagaan yang dilaksanakan sejak tahun 2008 adalah Latih Amal Krisis Siber Negara (X-Maya) yang bertujuan untuk menguji dan membiasakan agensi CNII dengan mekanisme pengendalian insiden siber dan meningkatkan tahap keupayaan serta kesediaan agensi bagi menghadapi sebarang ancaman siber. Pada tahun ini, Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) dengan kerjasama pihak *International Telecommunication Union* (ITU) dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah menganjurkan Latih Amal Siber di peringkat Asia Pacific dan CIS untuk menguji tahap kemampuan pengendali-pengendali insiden keselamatan siber di rantau ini.

## NO SOALAN: 33

3. Bagi melaksanakan pemantauan tahap keselamatan siber negara, Kerajaan telah membangunkan *National Cyber Coordination and Command Centre* (NC4) yang menghubungkan agensi-agensi kritikal negara dan pusat-pusat pemantauan siber yang dikenalpasti.
  
4. Selain itu, Kerajaan juga telah menetapkan keperluan dan *baseline* keselamatan siber yang perlu kepada agensi-agensi CNII melalui pelaksanaan Pensijilan MS ISO/IEC 27001 Pengurusan Keselamatan Maklumat (*Information Security Management System* (ISMS)) untuk agensi-agensi CNII melalui keputusan Jemaah Menteri pada 24 Februari 2010. Pensijilan ini menetapkan keperluan pematuhan melalui satu pendekatan yang sistematik dalam pengurusan maklumat bagi menjamin keselamatan maklumat termasuk polisi, proses, prosedur dan fungsi perkakasan serta perisian berkaitan.
  
5. Kerajaan juga akan melaksanakan usaha agresif memantau dan mengambil tindakan proaktif bagi mengukuhkan infrastruktur ICT negara berdasarkan pelan tindakan Strategi Keselamatan Siber Negara yang akan dilancarkan kelak. Strategi ini akan menggariskan pelbagai inisiatif keselamatan siber selaras dengan pendekatan amalan terbaik di peringkat global dan *trend* ancaman siber terkini. Inisiatif-inisiatif ini adalah untuk pelaksanaan bagi tempoh lima (5) tahun (2020-2024). Dokumen strategi ini menggariskan 5 tonggak dengan 12 strategi utama merangkumi 35 Pelan Tindakan dan 113 program yang akan dilaksanakan dari tahun 2020 hingga 2024.

## **NO SOALAN: 33**

6. Selain itu, kerajaan melalui Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) telah dan sedang mengambil inisiatif meningkatkan sesi libat urus bersama rakyat untuk meningkatkan kesedaran rakyat terhadap ancaman keselamatan siber. Dalam sesi ini, NACSA berkongsi dengan masyarakat terhadap inisiatif-inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan sebagai usaha untuk meningkatkan keyakinan kepada rakyat dalam kesiapsiagaan negara terhadap apa-apa bentuk serangan siber.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' ZAHARI BIN SARIP  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dato' Zahari bin Sarip** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan nilai eksport minyak sawit Malaysia sepanjang tahun 2017, 2018 dan 2019 mengikut negara serta sasaran pasaran dunia untuk tahun 2020 bagi komoditi tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi tahun 2017, nilai eksport minyak sawit Malaysia adalah berjumlah RM46.09 bilion. Negara India merupakan pengimport terbesar dengan nilai eksport sebanyak RM5.65 bilion. Ini diikuti oleh negara-negara Kesatuan Eropah sebanyak RM5.44 bilion, Negara China sebanyak RM4.58 bilion dan Pakistan sebanyak RM2.36 bilion.

Bagi tahun 2018, nilai eksport minyak sawit Malaysia adalah sebanyak RM38.66 bilion. Negara India masih merupakan negara pengimport terbesar iaitu sebanyak RM5.10 bilion, diikuti oleh negara-negara Kesatuan Eropah sebanyak RM4.72 bilion, Negara China sebanyak RM3.93 bilion dan Pakistan sebanyak RM2.47 bilion.

Bagi tempoh dari Januari hingga September 2019, nilai eksport minyak sawit Malaysia adalah sebanyak RM28.02 bilion dengan Negara India mencatatkan nilai import sebanyak RM7.14 bilion, diikuti oleh negara-negara Kesatuan Eropah sebanyak RM3.43 bilion, Negara China sebanyak RM3.02 bilion dan Pakistan sebanyak RM1.32 bilion. Nilai eksport minyak sawit sehingga hujung tahun 2019 dianggarkan mencapai sekitar RM36.5 billion hingga RM38 billion.

Tuan Yang Di-Pertua,

## **NO SOALAN: 34**

Kementerian mensasarkan nilai eksport minyak sawit Malaysia pada tahun 2020 dijangka akan mencecah RM41 bilion.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN**  
**ABDULLAH**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah Kerajaan Persekutuan dapat membantu (Syarikat Air Darul Aman - SADA) dalam menyelesaikan masalah air yang sering melanda rakyat di negeri Kedah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan Persekutuan komited dalam membantu menyelesaikan masalah bekalan air di Negeri Kedah. Sehubungan ini, di bawah Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11), Kerajaan Persekutuan telah meluluskan projek bekalan air di Kedah yang melibatkan peruntukan berjumlah RM1.64 bilion. Projek-projek ini memfokus kepada peningkatan reka bentuk dan kapasiti loji rawatan air serta program pengurangan kadar air tidak berhasil (*non revenue water* – NRW).

Tuan Yang di-Pertua,

Kedudukan kewangan Syarikat Air Darul Aman (SADA) yang kurang memberangsangkan juga turut menjejaskan perkhidmatan SADA kepada pengguna air di Kedah. Oleh itu pada tahun 2020, Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan penyeragaman struktur tarif dan pelarasan kadar tarif sedia ada melalui *Tariff Setting Mechanism* (TSM). Ia merupakan langkah penting bagi memandu industri perkhidmatan bekalan air di Negeri Kedah ke arah mencapai aspirasi kemapanan jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. ANANTHAN A/L**  
**SOMASUNDARAM**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan yang diambil terhadap aktiviti penjualan rokok seludup yang semakin aktif di negara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan sentiasa memandang serius kegiatan penjualan rokok seludup yang telah menyebabkan ketirisan hasil duti dan cukai yang tinggi. Bagi menangani aktiviti penyeludupan rokok, Kerajaan melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sentiasa meningkatkan aktiviti penguatkuasaan dan melaksanakan operasi berterusan seperti Operasi Outlet Rokok yang telah diadakan sejak tahun 2010, bertujuan untuk menyekat penyeludupan dan penjualan rokok di outlet dan premis yang menjual rokok tidak sah. Selain itu, Operasi Ops Pacak turut dilaksanakan bertujuan untuk membanteras pengedaran rokok tidak sah dan mengawal rangkaian bekalan rokok seludup di tempat-tempat yang dikenalpasti sebagai *hot spot*.

Selain itu, penubuhan pasukan *task force* khas dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan lain seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Jabatan Imigresen dan Jabatan Laut turut dilaksanakan bagi mengawal pintu keluar dan masuk utama sempadan Malaysia termasuklah pemantauan rapi melalui mesin pengimbas, melakukan aktiviti rondaan darat, rondaan laut, pemeriksaan rapi kenderaan, premis dan outlet terutamanya yang disyaki menyimpan barangan belum lulus kastam.

## **NO SOALAN: 36**

Kerajaan juga telah meminda perundangan sedia ada di bawah Akta Kastam 1967, Akta Eksais 1976 dan Akta Zon Bebas 1990 yang bertujuan untuk memperkasa tindakan penguatkuasaan JKDM dan menaikkan penalti bagi kesalahan di bawah Akta. Pendekatan lebih punitif ini merupakan antara langkah Kerajaan dalam menangani kewujudan produk alternatif haram atau produk yang mempunyai label duti Kastam palsu yang semakin berleluasa dan mengakibatkan ketirisan hasil duti/cukai.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 37**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN**  
**MUSTAFA**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah 600 ribu peluang pekerjaan baru yang dinyatakan oleh Menteri Sumber Manusia dalam akhbar Sinar Harian dapat mengatasi masalah 140 ribu graduan yang sedang menganggur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Visi dan misi Kerajaan adalah selaras dengan hasrat dalam Manifesto Pakatan Harapan iaitu untuk menyediakan 1 juta peluang pekerjaan dalam masa 5 tahun pertama pentadbiran serta meningkatkan kualiti pekerjaan dan kadar guna tenaga mahir. Bagi mencapai hasrat ini, beberapa inisiatif sedang dan akan dilaksanakan oleh Kerajaan. Antaranya adalah:

- (i) meningkatkan pelaburan nilai tinggi melalui *foreign direct investment* (FDI) dan *domestic direct investment* (DDI) bagi meningkatkan penghasilan pekerjaan yang bersifat *high value jobs* dan *knowledge worker* (k-worker) agar kadar upah yang tinggi dapat dinikmati oleh golongan ini;
- (ii) melaksanakan latihan-latihan kemahiran yang bersifat *internship* seperti latihan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar;
- (iii) menyediakan insentif-insentif untuk syarikat bagi memperbanyakkan elemen-elemen berteknologi tinggi yang dijangka akan meningkatkan jumlah peluang pekerjaan berkemahiran tinggi; dan

## NO SOALAN: 37

- (iv) mengadakan sesi libat urus bersama industri bagi membincangkan isu sekaligus mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

2. Sebagai usaha bagi mengatasi kadar pengangguran, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah berikut:

- (i) menyediakan perkhidmatan pekerjaan *JobsMalaysia* yang memberi kemudahan kepada pencari kerja untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian melalui pendekatan pepadanan kerja. Bagi memenuhi keperluan semasa dan menambahbaik kecekapan pasaran buruh, Portal *JobsMalaysia* telah dirombak serta dinaik taraf dan dikenali sebagai Portal JM2.0 yang telah dilancarkan pada September 2018;
- (ii) menganjurkan Program Penempatan Pekerjaan yang merangkumi Karnival Kerjaya, penempatan melalui *Client Account*, Temuduga Terbuka, Program Kerjasama Antara Agensi, *Holiday Placement For Students* (HOPS), Penempatan Dengan Kerjasama APS, Program Penempatan Golongan Khas serta Program Penyesuaian Kerjaya (2PK). Program-program ini telah diadakan dari semasa ke semasa bagi menemukan pencari kerja dengan majikan yang sepadan. Bagi tempoh Januari-Jun 2019, seramai 22,563 orang pencari kerja telah berjaya mendapat penempatan;

## NO SOALAN: 37

- (iii) mewujudkan pusat sehenti menggabungkan agensi seperti *JobsMalaysia*, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) di UTC bagi menyediakan khidmat nasihat profesional untuk mendapatkan pekerjaan dan latihan;
- (iv) melaksanakan program *Graduates Enhancement Programme For Employability* (GENERATE 2.0) bertujuan membantu golongan muda di kalangan graduan menganggur untuk mengikuti latihan dalam bidang berimpak tinggi bersesuaian dengan keperluan industri dan seterusnya diberikan jaminan penempatan pekerjaan di syarikat yang berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB). Semenjak diperkenalkan pada tahun 2016 sehingga tahun 2018, seramai 4,030 graduan telah dilatih dengan bantuan kewangan diluluskan berjumlah RM76.95 juta. Daripada jumlah tersebut, seramai 2,991 pelatih telah berjaya mendapat pekerjaan di mana gaji permulaan bagi pemegang diploma ialah minimum RM2,000 sebulan manakala bagi pemegang ijazah RM3,000 sebulan;
- (v) mengukuhkan dan memperkasakan Program Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) melalui pelbagai program dan kerjasama bagi mengurangkan jurang ketidakpadanan kemahiran dengan keperluan industri. Program SLDN menawarkan latihan berasaskan industri dengan 70% latihan praktikal di syarikat dan 30% teori di institusi latihan;

## NO SOALAN: 37

- (vi) melaksanakan program *Structured Internship Programme* (SIP) yang diterajui Talent Corp dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Di bawah SIP, graduan akan mendapat pendedahan awal kepada dunia pekerjaan sebelum menamatkan pengajian supaya mereka lebih berdaya saing dan memiliki kemahiran yang memenuhi keperluan industri. Seramai 76,000 belia di kalangan pelajar universiti dan pelatih TVET telah menerima manfaat di bawah program ini;
- (vii) memperluas akses kepada warga negara untuk mendapat Latihan dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional (TVET). Sehingga kini, terdapat 567 buah Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) yang telah ditubuhkan di seluruh negara dengan pelbagai kursus kemahiran ditawarkan mengikut keperluan industri; dan
- (viii) menyediakan program *upskilling* dan *reskilling* kepada golongan pelajar kemahiran dan pekerja bagi mempertingkatkan kemajuan sendiri dalam menyesuaikan diri dengan perubahan keperluan kerja masa hadapan (*future jobs*) serta persekitaran yang semakin kompetitif dan dinamik.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' ISA BIN AB. HAMID  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dato' Isa Bin Ab. Hamid** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berdasarkan Konvensyen Orang Asli Kebangsaan 2019 apakah resolusi yang telah dilaksanakan setakat ini dan bajet yang disediakan bagi pelaksanaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Konvensyen Orang Asli Kebangsaan (KOAK) 2019 yang diadakan pada 22 April yang lalu telah menghasilkan 137 resolusi awal namun selepas proses pemurnian dilaksanakan 136 resolusi telah dimuktamadkan. Resolusi ini adalah merupakan isu dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Orang Asli dan telah dibahagikan kepada tujuh (7) fokus utama iaitu tanah, pendidikan, kesihatan, ekonomi, kepimpinan, infrastruktur dan kebudayaan bagi rancangan dan hala tuju masa depan masyarakat Orang Asli. KOAK 2019 adalah merupakan sebahagian dari *roadmap* Pelan Pembangunan Nasional Orang Asli (PPNOA).

Pelan Pembangunan Nasional Orang Asli (PPNOA) ini merujuk kepada hala tuju, pernyataan dasar, Pelan Tindakan Bersama dan Pelan Strategik JAKOA bagi tempoh dari 2021 hingga 2030 dengan pelaksanaannya melibatkan peruntukan dua (2) Rancangan Malaysia.

Sebahagian dari tindakan bagi resolusi ini adalah merupakan program dan aktiviti yang sedang dilaksanakan oleh JAKOA pada masa kini dalam tujuh (7) fokus tersebut. Sebagai contohnya bagi fokus utama kebudayaan, program berkaitan mendokumentasikan bahasa Orang Asli dan pengetahuan tradisional masyarakat Orang Asli terhadap herba sedang

## NO SOALAN: 38

dilaksanakan melalui kerjasama dengan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) juga pihak *The Forest Research Institute Malaysia* (FRIM).

Di bawah fokus ekonomi, resolusi KOAK supaya penyertaan Orang Asli dalam bidang keusahawanan melalui perniagaan atas talian telah dijadikan sebagai Perancangan JAKOA, walaupun begitu beberapa perniagaan atas talian telah pun dilaksanakan sebagai salah satu bentuk pendedahan kepada usahawan Orang Asli dalam pasaran digital.

JAKOA dan KPM sentiasa bekerjasama dalam membincangkankan dan menambahbaik sistem penyampaian dan bantuan pendidikan kepada Pelajar Orang Asli di setiap peringkat agar tahap pencapaian pendidikan setaraf dengan pelajar arus perdana.

Pelan Pembangunan Nasional Orang Asli (PPNOA) ini merujuk kepada hala tuju, pernyataan dasar, Pelan Tindakan Bersama dan Pelan Strategik JAKOA bagi tempoh dari 2021 hingga 2030. Penzahiran dasar ini akan melibatkan pelan tindakan atau Pelan Strategik JAKOA melalui peruntukan dua (2) Rancangan Malaysia bagi tujuan pelaksanaannya iaitu Rancangan Malaysia Ke-12 dan ke-13.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 39**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK LEE TIAN SING**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Lee Tian Sing** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kerelevanan pemberian insentif sebanyak RM500 kepada graduan menganggur lebih dari satu tahun yang seolah-olah menggalakkan graduan tidak mencari kerja dengan segera.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Walaupun kadar pengangguran secara keseluruhannya hanya 3.3% pada 2018, kadar pengangguran antara golongan graduan berumur 24 tahun dan ke bawah adalah pada tahap 18%. Memandangkan tahap pengangguran yang tinggi ini, Kerajaan telah merangka inisiatif #MalaysiaKerja (Malaysians@Work) bertujuan mewujudkan peluang pekerjaan dengan tumpuan khusus kepada belia graduan.

Insentif yang dirangka untuk komponen #GraduanKerja bertujuan terutamanya bagi menggalakkan majikan mewujudkan peluang pekerjaan dengan graduan menerima pendapatan yang setimpal.

Secara amnya, kebolehan seseorang graduan atau kebolehpasarannya mendapat pekerjaan akan terjejas lebih lama individu tersebut menganggur. Dengan itu, Kerajaan berpendapat seseorang individu tidak akan dengan sengaja melambatkan usaha mencari kerja.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dato' Haji Husain Bin Awang** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan status terkini garisan persempadanan maritim antara Negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penentuan sempadan maritim hanya dapat dimulakan apabila sempadan darat antara negeri hingga ke garis pantai/kuala sungai dimuktamadkan terlebih dahulu. Persempadanan darat antara Negeri Kelantan dan Negeri Terengganu telah dimuktamadkan pada 20 Jun 2019. Kedua-dua Kerajaan Negeri boleh memulakan inisiatif bagi menjalankan proses lanjut untuk memuktamadkan persempadanan maritim antara negeri.

Penentuan sempadan darat bagi Kerajaan Negeri Terengganu dan Pahang masih dalam proses rundingan iaitu bagi memuktamadkan ke titik akhir garis pantai/kuala sungai. Justeru itu, setelah sempadan darat kedua negeri dimuktamadkan barulah proses merundingi dan memuktamadkan sempadan maritim boleh dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ADRIAN BANIE LASIMBANG  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Adrian Banie Lasimbang** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kanak-kanak bawah umur 18 tahun yang ditahan tanpa ibu bapa di pusat tahanan imigresen seluruh negara dari Januari 2018 mengikut umur, jantina, depot tahanan, negara asal dan sebab tahanan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penahanan kanak-kanak melalui operasi penguatkuasaan seterusnya akan dibawa ke Depot Tahanan Imigresen dan diasingkan mengikut jantina dan umur selaras Akta Kanak-Kanak 2001 [Akta 611]. Bagi kanak-kanak yang berusia kurang daripada 12 tahun, mereka akan ditempatkan bersama ibu, bapa atau penjaga mengikut jantina.

Terdapat dua (2) kategori kanak-kanak yang ditempatkan di Depot Tahanan Imigresen iaitu:

- i. **Kanak-kanak dengan penjaga** yang ditahan bersama ibu bapa yang telah melakukan kesalahan imigresen; dan
- ii. **Kanak-kanak tanpa penjaga** yang ditahan atas dasar kemanusiaan setelah dikenalpasti sebagai warganegara asing. Kanak-kanak ini seterusnya akan dirujuk kepada Perwakilan Asing untuk tujuan verifikasi dan dokumentasi sebelum dihantar pulang ke negara asal.

Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), statistik kemasukan terkumpul kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang berada di Depot Tahanan Imigresen pada tahun 2018 adalah seramai 1,763 orang manakala

## NO SOALAN: 41

seramai 1,947 orang direkodkan pada tahun 2019 iaitu bagi tempoh 1 Januari sehingga 25 November 2019.

Setelah melalui proses verifikasi dan dokumentasi, pecahan baki jumlah kanak-kanak di bawah umur 18 tahun yang masih berada di Depot Tahanan Imigresen pada 25 November 2019 adalah seperti pada Jadual 1 yang berikut:

DEPOT TAHANAN IMIGRESEN	BAWAH 12 TAHUN		13 TAHUN KE ATAS		JUMLAH
	LELAKI	PEREMPUAN	LELAKI	PEREMPUAN	
AJIL	6	7	13	1	27
BEKENU	14	3	4	1	22
BELANTIK	12	8	11	2	33
BUKIT JALIL	6	9	45	4	64
JURU	1	6	5	2	14
KLIA	3	4	9	4	20
LANGKAP	5	8	3	2	18
LENGGENG	1	7	11	2	21
MACHAP UMBOO	0	2	5	0	7
PEKAN NENAS	1	2	4	2	9
SEMENYIH	20	13	13	2	48
SEMUJA	0	0	4	3	7
TANAH MERAH	3	1	11	1	16
<b>JUMLAH</b>	<b>72</b>	<b>70</b>	<b>138</b>	<b>26</b>	<b>306</b>

Jadual 1 : Statistik Semasa Tahanan Kanak-Kanak di bawah 18 Tahun  
Mengikut Depot bagi Tahun 2019 (Pada 25 November 2019)

Daripada jumlah keseluruhan 306 orang tahanan kanak-kanak tersebut, majoriti berjumlah 120 orang merupakan warganegara Myanmar, diikuti oleh warganegara Indonesia seramai 109 orang dan warganegara Filipina dengan jumlah 19 orang.

## **NO SOALAN: 41**

Proses pengesahan dan penyediaan dokumen perjalanan oleh Perwakilan Asing dilaksanakan semasa tempoh menunggu sebelum penghantaran pulang seseorang warganegara asing ke negara asal yang mengambil masa secara puratanya selama tiga (3) bulan. Kanak-kanak ini akan dihantar pulang bersama ibu, bapa atau penjaga setelah mempunyai tiket perjalanan pulang, dokumen perjalanan dan mendapat keputusan kes dari Timbalan Pendakwa Raya untuk diusir pulang ke negara asal.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATIN RAHIMAH BINTI HAJI  
MAHAMAD  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datin Rahimah Binti Haji Mahamad** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah inisiatif yang direncanakan dalam Buku Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (Prioriti dan Strategi 2019-2020) mencapai tetapan sasaran Kerajaan dan memberi impak kepada petani dan sektor agro makanan negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. **Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019-2020** telah dibangunkan bagi menterjemah perancangan strategik dan inisiatif kearah merealisasikan sasaran Dasar Agromakanan Negara 2011-2020. Lima hala tuju telah digariskan sebagai keutamaan pelaksanaan dalam tempoh dua tahun terakhir 2019-2020 berasaskan tiga dimensi iaitu sektor agromakanan membabitkan keselamatan makanan negara, pembangunan ekonomi luar bandar dan pelaburan swasta serta perdagangan antarabangsa.
2. Penekanan dan perhatian telah diberikan bagi meningkatkan daya saing kumpulan sasar dengan melaksanakan transformasi sektor agromakanan melalui penggunaan teknologi moden seperti mekanisasi dan automasi serta pelaksanaan program galakan pasaran dan eksport bagi meneroka akses pasaran baharu dengan menghasilkan produk agromakanan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi.
3. Kementerian juga telah mewujudkan satu KPI khusus bagi memantau pelaksanaan 18 strategi dan 51 inisiatif yang dinyatakan dalam dokumen **Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019-2020**. Hasil dari pemantauan dan

## NO SOALAN: 42

pelaporan yang dijalankan sehingga September 2019 mendapati pencapaian keseluruhan sebanyak 77% telah berjaya dicapai. Sejumlah 112 daripada 157 indikator KPI yang merangkumi ketiga-tiga sektor Tanaman, Ternakan dan Perikanan telah mencapai sasaran yang ditetapkan.

Sektor	2018		2019		Kadar Pertumbuhan (%) 2019/2018
	Nilai Ditambah (RM Juta)	KDNK Negara (%)	Nilai Ditambah (RM Juta)	KDNK Negara (%)	
<b>Agromakanan</b>	<b>37,209.55</b>	<b>3.70</b>	<b>38,319.73</b>	<b>3.65</b>	<b>2.98</b>
Tanaman Makanan (Padi, Buah-buahan, Sayur-sayuran, Tanaman makanan lain)	16,841.30	1.68	17,484.40	1.66	3.82
Ternakan (Lembu/Kerbau, Babi, Ayam/Itik, Telur Ayam/Itik, Susu, Kambing/Bebiri, Ternakan Lain)	10,897.71	1.08	11,550.67	1.10	5.99
Perikanan (Perikanan Laut, Akuakultur)	9,470.54	0.94	9,284.65	0.88	-1.96

Sumbangan Agromakanan Sukuan Ketiga (Januari-September) bagi Tahun 2018/2019

4. Statistik menunjukkan sektor pertanian merupakan sektor ketiga penting yang menyumbang 7.32 peratus kepada KDNK. Sehingga September 2019, daripada jumlah tersebut sektor agromakanan menyumbang sebanyak 3.65 peratus kepada KDNK negara dengan kadar pertumbuhan sebanyak 2.98 peratus.

## **NO SOALAN: 42**

5. Kerajaan memahami dengan pelbagai cabaran dihadapi sektor pertanian yang menggugat keselamatan makanan seperti perubahan iklim, ketidakstabilan harga input dan hasil pertanian, serta penyakit pada tanaman dan ternakan akan tetapi prestasi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani boleh mencapai sehingga 90% - 95% di penghujung tahun 2019. Kerajaan akan terus komited dalam meningkatkan prestasi pencapaian setiap sektor agromakanan bagi mencapai matlamat yang telah disasarkan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN IR. MD. NASIR BIN HASHIM  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah jurutera perunding yang telah dilantik oleh pihak Kementerian dari Jun 2018 hingga sekarang dan berapakah nilainya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Penetapan pelantikan perunding adalah tertakluk kepada kaedah perolehan terutamanya kaedah perolehan perkhidmatan perunding (PK 3.1 hingga PK 3.10) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan. Bagi memastikan perunding yang dilantik memenuhi piawaian dan justifikasi yang telah ditetapkan, Kementerian sentiasa mematuhi kaedah perolehan serta garis panduan yang telah ditetapkan dalam pemilihan sesuatu perunding.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, dari Jun 2018 sehingga November 2019, Kementerian Kerja Raya telah melantik seramai 17 syarikat perunding terdiri daripada Perunding Kejuruteraan Awam, Struktur, Ukur Tanah dan Kajian Alam sekitar. Nilai lantikan bagi keseluruhan perunding tersebut adalah sebanyak RM45,998,534.06.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MOHD YUSMADI BIN MOHD**  
**YUSOFF**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan susulan pihak Kerajaan terhadap cadangan-cadangan yang dibuat di dalam laporan Reformasi Dewan Negara yang telah disediakan oleh Jawatankuasa Kerja Reformasi Dewan Negara dan telah diserahkan kepada pihak Menteri di Parlimen.

**NO SOALAN: 44**

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan masih meneliti cadangan yang dikemukakan. Berdasarkan laporan yang telah dikemukakan, terdapat beberapa cadangan yang memerlukan pindaan terhadap undang-undang yang berkuat kuasa dan ini memerlukan kajian yang lebih mendalam. Bagi cadangan-cadangan yang boleh dilaksanakan secara pentadbiran, Kerajaan akan berusaha melaksanakannya mengikut keutamaan dan keperluan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK HAJI ISMAIL BIN IBRAHIM  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Haji Ismail Bin Ibrahim** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan sejauh mana Program (Protege) yang dilaksanakan sejak Januari 2019 dapat menambah keupayaan dan kebolehpasaran belia menyertai tenaga kerja negara atau mempelopori kerjaya sebagai usahawan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), melalui program Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ) telah dipertanggungjawabkan untuk menggalakkan dan melatih lebih ramai anak muda untuk menceburi bidang keusahawanan, terutama dalam kalangan graduan. Sehubungan itu, pelbagai program keusahawanan dan kebolehpasaran telah dirangka dengan mengambil kira penambahbaikan dan pendekatan baru yang lebih mantap dalam pemerksaan tenaga muda.
2. Terdapat beberapa program keusahawanan dan kebolehpasaran yang boleh dimanfaatkan oleh para graduan yang dilaksanakan di bawah PROTÉGÉ iaitu ***PROTÉGÉ Reach Out & Awareness, PROTÉGÉ Business Accelerator Program, PROTÉGÉ Unipreneur, PROTÉGÉ Ready-To-Work (RTW), PROTÉGÉ Booster*** dan ***PROTÉGÉ for Industry***.
3. Program-program ini telah direka khas untuk para graduan dalam usaha untuk menerap dan melatih “*entrepreneurial thinking*” dalam setiap hasil kerja yang dilakukan. Ini secara tidak langsung akan menggalakkan graduan untuk menceburi bidang keusahawanan selepas tamat latihan. Kerajaan bukan sahaja mampu melahirkan

## **NO SOALAN: 45**

modal insan yang seimbang dan berkemahiran untuk industri dalam kalangan graduan, malah dapat mewujudkan generasi usahawan atau 'Job Creator' bagi mengembangkan ekonomi negara dengan lebih pesat lagi.

4. Setakat November 2019, seramai 2, 858 graduan telah dilatih dalam meningkatkan keupayaan dan kebolehpasaran mereka melalui penempatan pekerjaan di syarikat - syarikat yang mengambil bahagian di dalam program PROTÉGÉ.
  
5. Selain daripada itu, seramai 27,168 graduan mendapat manfaat dan pengetahuan mengenai keusahawanan melalui program pembudayaan keusahawanan yang dilaksanakan dengan kerjasama Universiti di seluruh Malaysia bagi memupuk minat dan kecenderungan mereka dan menjalankan perniagaan berbanding makan gaji. PROTÉGÉ turut membantu seramai 36 usahawan muda melalui Business Accelerator Program (BAP) yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan dalam jualan produk mereka.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 46**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Puan Sopiah binti Sharif** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengenai kesan 'Projek Penang South Reclamation' (PSR) yang boleh menjejaskan pendapatan nelayan dan juga memusnahkan alam sekitar. Adakah projek ini diteruskan juga. Adakah Kerajaan Persekutuan juga ada menghulurkan bantuan sama ada dari segi dana atau kelulusan impak alam sekitar bagi melaksanakan projek ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

*'Projek Penang South Reclamation'* (PSR) ini merupakan projek oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Untuk makluman juga, kelulusan akhir sesuatu projek adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Dalam konteks ini, hal-hal berkaitan tanah dan kelulusan pembangunan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jadi, keputusan untuk meneruskan atau tidak projek ini sememangnya bergantung kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan, melalui Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN), berfungsi untuk memberikan nasihat.

Untuk makluman, cadangan pembangunan PSR telah dirujuk kepada Mesyuarat MPFN ke-31 (Bil.1/2019) yang telah bersidang pada 18 April 2019 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Umumnya MPFN memandang serius terhadap cadangan pembangunan PSR kerana melibatkan pelbagai isu dan perlu diberi perhatian serius oleh Kerajaan Negeri. Namun begitu, MPFN tidak membuat sebarang kelulusan atau persetujuan ke atas projek tersebut tetapi telah menasihati Kerajaan Negeri melalui 18 nasihat, beserta dengan ulasan dan nasihat tambahan yang telah dikemukakan oleh beberapa Kementerian.

## **NO SOALAN: 46**

Berkaitan bantuan oleh Kerajaan Persekutuan pula, tiada sebarang dana yang diperuntukkan bagi projek ini, memandangkan ianya merupakan suatu projek oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama *Project Delivery Partner* (PDP) iaitu SRS Consortium.

Selain itu, Kerajaan Persekutuan, melalui Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) telah meluluskan laporan Penilaian Impak Alam Sekeliling (EIA) bagi projek ini pada 25 Jun 2019.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan di manakah zalimnya undang-undang ISA sehingga dimansuhkan dan diganti dengan SOSMA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 telah dimansuhkan pada 31 Julai 2012 dan diganti dengan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 17 April 2012 dan diwartakan pada 22 Jun 2012.

ISA dimansuhkan rentetan daripada dakwaan bahawa ISA adalah undang-undang draconian yang membenarkan tahanan tanpa bicara. Kerajaan juga pada masa itu sedang melaksanakan Program Transformasi Politik iaitu salah satu elemen di bawah Program Transformasi Kerajaan secara keseluruhan yang melihat terhadap undang-undang sedia ada yang lapuk dan juga yang paling penting adalah untuk mencari keseimbangan di antara Keselamatan Negara dan Hak Asasi Manusia.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 48**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO'**  
**SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan perkhidmatan awam yang membebaskan dan adakah saiz perkhidmatan awam akan dikecilkan bagi mengurangkan bebanan kewangan negara.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan oleh YB Senator Tuan Kamarudin bin Abdun, YB Senator Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah dan YB Senator Datuk Ir. Yong Wui Chang. Ini kerana kesemua soalan-soalan ini adalah mengenai isu yang sama iaitu berkenaan dengan usaha Kerajaan dalam pengawalan dan pengoptimuman saiz perkhidmatan awam.
2. Saiz perkhidmatan awam yang terlalu besar akan meningkatkan perbelanjaan mengurus kerajaan dan ia memberi kesan kepada peruntukan perbelanjaan pembangunan. Jumlah keseluruhan perjawatan perkhidmatan awam sehingga suku ketiga 2019 adalah sebanyak 1.7 juta dengan peratus pengisian sebanyak 91.26% bersamaan dengan 1.57 juta orang merangkumi perkhidmatan awam persekutuan, badan berkanun persekutuan, perkhidmatan awam negeri, badan berkanun negeri dan pihak berkuasa tempatan.

## NO SOALAN: 48

3. Daripada jumlah keseluruhan perjawatan sebanyak 1.7 juta tersebut, 62% merupakan perjawatan di sektor kesihatan, pendidikan, tentera dan polis dan 38% lagi dari lain-lain sektor seperti pentadbiran, perkhidmatan sosial, kejuruteraan, kewangan dan ekonomi, sains, pengangkutan, bakat dan seni, kemahiran, perundangan/kehakiman dan sebagainya. Kerajaan berpandangan jumlah perjawatan ini boleh dikurangkan tanpa menjejaskan prestasi penyampaian perkhidmatan dan punca pendapatan pegawai yang terlibat. Sehubungan itu, Kerajaan menyasarkan pengurangan sebanyak 5% perjawatan secara berfasa sehingga tahun 2021.
4. Dasar Kawalan Saiz Perkhidmatan Awam (DKSPA) yang sedang dilaksanakan adalah berdasarkan dengan kedudukan ekonomi negara dan perkembangan teknologi terkini melalui pelbagai kaedah antaranya termasuk kajian pertindihan fungsi antara jabatan/agensi, rasionalisasi perjawatan, pengoptimuman sumber manusia, serah urus fungsi (*outsourcing*), penyampaian perkhidmatan alternatif (*Alternative Service Delivery*), penswastaan, gabungan teknologi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan.
5. Kerajaan berpendirian bahawa sektor awam sewajarnya memfokuskan kepada penyediaan dasar utama, menentukan arah dan penyediaan perkhidmatan serta tidak terbabit secara aktif dalam aktiviti ekonomi perdagangan di Malaysia. Melalui Dasar Penswastaan pada tahun 1983, Kerajaan telah berjaya mengurangkan bebanan kewangannya,

## **NO SOALAN: 48**

meninggikan kecekapan dan penghasilan kerja, malah menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sumber secara cekap.

6. Fungsi-fungsi tertentu yang dilaksanakan oleh jabatan/agensi kerajaan yang boleh menjana hasil secara konsisten dan berdaya maju adalah berpotensi untuk diswastakan. Menerusi penswastaan, keupayaan dan kemampuan untuk menjana pendapatan sendiri dapat dipertingkatkan serta mengurangkan pembiayaan kerajaan terhadap perbelanjaan operasi jabatan/agensi berkenaan. Kerajaan juga berhasrat untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di sektor swasta dengan gaji yang lebih lumayan bagi mengurangkan pergantungan rakyat terhadap pekerjaan di sektor awam.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L**  
**A.ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan memandangkan Kementerian Kesihatan sudah membuka sebanyak RM2.2 bilion (66.6%) untuk tender terbuka, sebut harga terbuka dan sebagainya. Mengapakah baki RM1.1 bilion (33.4%) yang dimonopoli oleh Pharmaniaga sebelum ini tidak dibuat secara tender terbuka. Mengapakah Kementerian mengkhususkan kontrak ini kepada Pharmaniaga.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Produk-produk yang dibekalkan di bawah Konsesi Penswastaan Makmal Ubat dan Stor ini adalah produk-produk yang digunakan hampir di semua fasiliti KKM. Produk-produk ini hanya dibekalkan melalui konsesi bagi memastikan produk-produk ini dapat dihantar dalam tempoh 7 hingga 10 hari ke fasiliti KKM supaya penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat tidak terjejas.

Perolehan produk di bawah Konsesi Penswastaan Makmal Ubat dan Stor, Kementerian Kesihatan Malaysia dibahagikan kepada tiga (3) kaedah seperti berikut:

- a) Tender terbuka;
- b) Program Skim Anak Angkat dan Skim Panel Pembuat Bumiputera khusus kepada syarikat pembuat bumiputera tempatan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan; dan
- c) Rundingan Terus khusus kepada syarikat pembuat tempatan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 50**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK MOHAN A/L THANGARASU**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Mohan a/l Thangarasu** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini kajian keperluan mewujudkan Sekolah Menengah Tamil Kebangsaan oleh Jawatankuasa Penasihat Pendidikan Masyarakat India selaras dengan jawapan YB Timbalan Menteri Pendidikan pada 22 Julai 2019 melalui sidang Majlis Mesyuarat Dewan Negara yang lalu

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited untuk menunaikan janji-janji dalam Manifesto Pakatan Harapan termasuk janji-janji yang terkandung dalam iltizam khusus untuk masyarakat India. KPM berpandangan bahawa cadangan pembinaan sekolah menengah Tamil memerlukan penelitian yang rapi daripada segi keperluan, berdasarkan perundangan, kriteria standard penubuhan sebuah sekolah, unjuran murid, dan juga kemampuan kewangan kerajaan. Isu-isu ini masih lagi dalam penelitian pihak Kementerian agar keputusan yang dibuat kelak adalah tuntas.

Walaupun cadangan penubuhan Sekolah Menengah Tamil Kebangsaan belum lagi diputuskan kebolehlaksanaannya, ingin ditegaskan di sini, KPM tidak pernah menafikan hak murid berbangsa India di negara ini untuk mempelajari bahasa Tamil di peringkat menengah. Mata pelajaran bahasa Tamil telah ditawarkan sebagai mata pelajaran tambahan di peringkat sekolah rendah dan menengah bawah manakala sebagai mata pelajaran elektif di peringkat menengah atas kepada murid yang berminat untuk mempelajari bahasa tersebut di Sekolah Menengah Kebangsaan. Dalam hal ini, Kementerian sangat komited untuk memastikan akses pendidikan dari segi mempelajari Bahasa Tamil terus dipertingkatkan. Komitmen ini diperkuatkan melalui usaha memperhalusi beberapa cadangan untuk

## **NO SOALAN: 50**

memperkasa pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di Sekolah Menengah.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 51**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Aknan Ehtook** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh manakah pencapaian pemain-pemain badminton negara yang bakal menjadi pelapis kepada Datuk Lee Chong Wei. Apakah persediaan yang diambil seperti pemakanan, latihan, perkhidmatan sokongan untuk menyediakan mereka agar dapat memikul tanggungjawab dalam mengekalkan kehebatan negara dalam sukan badminton.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Persaraan Datuk Lee Chong Wei pada 13 Jun 2019 yang lalu secara tidak langsung memberi kesan dalam arena sukan badminton di Malaysia. Kerajaan melalui Majlis Sukan Negara (MSN) dan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) telah melaksanakan pelbagai program untuk mencungkil bakat-bakat baru yang mampu menggantikan pemain badminton negara dan seterusnya mengharumkan nama Malaysia di persada antarabangsa.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara pencapaian prestasi yang membanggakan pada tahun ini, pemain perseorangan lelaki, Lee Zii Jia yang baru berusia 21 tahun bermula dengan *ranking* dunia ke-44 telah menunjukkan prestasi yang cemerlang setelah menduduki ranking ke-12 (sehingga November 2019). Selain itu, beregu lelaki negara iaitu pasangan muda Aaron Chia (21 tahun) dan Soh Woi Yik (20 tahun) telah menunjukkan prestasi yang membanggakan dengan muncul naib juara di Kejohanan All England pada bulan Mac 2019. Turut tidak ketinggalan, pemain-pemain muda perseorangan negara, Aidil Soleh dan Lim Chong King yang berusia 19 telah muncul juara dan naib juara pada Kejohanan Terbuka Hellas di Greece pada bulan Ogos yang lalu.

## NO SOALAN: 51

3. Bagi memastikan Malaysia tidak ketandusan pemain pelapis badminton yang disegani di peringkat antarabangsa, pihak Kementerian dengan kerjasama BAM telah menubuhkan Akademi Badminton Malaysia (ABM) di Bukit Kiara. Kompleks ini telah siap dibina pada tahun 2017 dan mula digunakan oleh atlet-atlet daripada program Podium, Pelapis dan juga program BAM sendiri. Ianya dilengkapi dengan kemudahan asrama, gelanggang latihan, dewan makan dan juga perkhidmatan Institut Sukan Negara (ISN).
4. Melalui Program Podium MSN bersama BAM, atlet-atlet ini akan didedahkan kepada beberapa kejohanan peringkat antarabangsa seperti Kejohanan *Super Series*, Kejohanan Badminton Dunia dan Asia serta kejohanan berpasukan seperti Piala Thomas dan Piala Sudirman. Ini bagi memastikan atlet-atlet terus diberi pendedahan kepada kejohanan yang berprestij serta berada pada ranking terbaik dunia.
5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penyertaan ke kejohanan untuk tempoh sepanjang tahun diberikan kepada atlet program Podium sebanyak 15 kali di kejohanan antarabangsa BWF. Manakala, penyertaan atlet program Pelapis Kebangsaan diberikan sebanyak lima (5) kali penyertaan di kejohanan antarabangsa BWF.
6. Institut Sukan Negara (ISN) juga menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan aspek suaian fizikal, pemakanan, analisis prestasi, psikologi, fisiologi senam dan perubatan sukan bagi memastikan prestasi atlet sentiasa berada di tahap yang optimum.

## NO SOALAN: 51

Perubatan sukan antara khidmat sokongan yang dititikberatkan buat atlet iaitu melalui pemeriksaan kesihatan, program prestasi tinggi perubatan sukan dalam persediaan kejohanan, liputan perubatan sukan dalam kejohanan, program vaksinasi dan pemantauan status latihan atlet sepanjang tahun. Pada tahun 2018 dan 2019, seramai 53 atlet badminton kebangsaan telah disaring setiap tahun dalam pemeriksaan kesihatan sebelum kejohanan. Pemeriksaan kesihatan yang dijalankan adalah sejarah kesihatan, ujian biokimia (darah dan air kencing), *electrocardiography* (ECG), pemeriksaan fizikal, saringan kecederaan dan juga saringan gegaran otak dalam sukan (*sports-related concussion*) melalui *Sports Concussion Assessment Tool* (SCAT5) bagi memastikan atlet cergas dan selamat untuk berlatih.

7. Perkhidmatan sokongan perubatan sukan dalam kejohanan juga diberikan di mana meliputi perkhidmatan fisioterapi, urutan sukan dan doktor dalam 21 kejohanan badminton kebangsaan dan antarabangsa pada tahun 2018 dan 19 kejohanan pada tahun 2019. Pihak perubatan juga telah memberikan lapan (8) perkhidmatan liputan perubatan kejohanan untuk melindungi atlet badminton kebangsaan yang bertanding dalam kejohanan sepanjang tahun 2018 hingga 2019.
8. Bagi meningkatkan keupayaan badan melawan jangkitan penyakit, program vaksinasi dijalankan untuk persediaan kontinjen. Sebagai contoh seramai 39 atlet badminton kebangsaan telah diberikan suntikan vaksin Influenza, MMR (*mumps, measles, polio*) dan *Polio (Booster)* sebelum ke kejohanan Sukan SEA Manila 2019.

**NO SOALAN: 51**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 52**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN HAJAH SABANI BINTI MAT  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Puan Hajah Sabani binti Mat** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah alternatif bagi meningkatkan ekonomi masyarakat kampung ketika harga penanaman komoditi sawit dan getah yang kurang memberangsangkan khususnya untuk masyarakat FELDA.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan sedang melaksanakan pelan pemulihan jangka pendek, sederhana dan panjang FELDA berdasarkan Kertas Putih yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 April 2019. Secara keseluruhannya, sebanyak RM6.23 bilion telah diperuntukkan kepada FELDA dalam bentuk geran, pinjaman dan Jaminan Kerajaan yang disalurkan secara berperingkat mengikut keperluan bagi melaksanakan pelbagai inisiatif.
  
2. Sebahagian besar daripada peruntukan ini telah dan akan digunakan bagi meningkatkan taraf hidup warga peneroka. Ini termasuklah inisiatif berikut:
  - i) **Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF)**
    - a) Peruntukan sebanyak RM250 juta untuk PGBF bagi menyiapkan sebanyak 4,794 unit rumah yang tahap kemajuannya telah mencapai 70% dan ke atas;
  
    - b) Sehingga hari ini 1,698 unit telah disiapkan sepenuhnya dan baki selebihnya akan disiapkan secara berperingkat selewat-lewatnya pada akhir tahun 2020;

## NO SOALAN: 52

- c) Penyiapan projek terbengkalai ini akan memberikan manfaat langsung kepada generasi baharu FELDA.

### ii) Program Pembangunan Peneroka (PPP)

- a) Sebanyak RM1 bilion telah diperuntukkan bagi Program Pembangunan Peneroka (PPP) untuk tempoh 4 tahun;
- b) Peruntukan ini telah dan akan digunakan untuk meningkatkan inisiatif bagi menjana pendapatan baharu melalui diversifikasi tanaman dengan mengenalpasti tanaman baharu yang sesuai dan mampu memberikan hasil tuaian dalam tempoh yang singkat serta berpotensi menjana aliran tunai dengan cepat dan konsisten.
- c) Selain itu, FELDA sedang meneliti ternakan yang sesuai diusahakan oleh warga peneroka. Inisiatif ini akan memperkasakan generasi FELDA dan mengurangkan kebergantungan mereka kepada hasil kelapa sawit dan getah semata-mata.

### iii) Penggunaan Teknologi Terkini

- a) FELDA bergerak ke arah penggunaan teknologi terkini berasaskan pertanian pintar atau *smart farming* melalui pengintegrasian teknologi terkini dengan lebih meluas dalam

## **NO SOALAN: 52**

bidang perladangan. Penggunaan mekanisasi dan automasi akan diperluas bagi meningkatkan produktiviti dan mengurangkan ketirisan pengeluaran. Di samping itu, sistem pemantauan tanaman yang efektif juga akan diwujudkan.

### **iv) Pemeriksaan Koperasi FELDA**

Kaedah pengurusan ladang akan diperbaharui melalui penglibatan aktif koperasi peneroka di setiap Rancangan FELDA. Pengurusan ladang peneroka oleh koperasi secara berskala besar mampu meningkatkan kecekapan pengurusan ladang dan mengurangkan kos operasi. Keuntungan koperasi secara langsung dapat dinikmati oleh peneroka melalui pemberian dividen secara konsisten.

### **v) Penghapusan Faedah Hutang Peneroka**

Merasai denyutan nadi peneroka, Kerajaan bersetuju untuk menghapuskan kadar faedah di atas Pinjaman Sara Hidup dan Pendahuluan Hasil melalui peruntukan berjumlah RM2 bilion. Sebanyak RM300 juta telah disalurkan kepada FELDA pada tahun 2019 dan jumlah yang sama juga akan disalurkan pada tahun 2020.

### **vi) Penggabungan Tanah**

Program penggabungan tanah peneroka dapat memberi implikasi positif ke arah peningkatan produktiviti melalui ekonomi bidangan dan pengurusan ladang yang cekap dan efektif.

## **NO SOALAN: 52**

Pengenalan model baharu ini akan membolehkan tanah peneroka diusahakan secara cekap, berskala besar dengan ekonomi bidangan yang boleh mengurangkan kos operasi dan meningkatkan produktiviti. Pada masa yang sama, peneroka tidak akan kehilangan hak milik tanah kerana FELDA hanya mengurus ladang sahaja. Melalui program ini, peneroka tidak perlu memikirkan tanggungan beban hutang tanam semula seperti pinjaman sara hidup, pendahuluan hasil dan kos pembangunan ladang.

3. Program-program ini dijangka dapat memberi manfaat secara langsung kepada peneroka yang seterusnya akan dapat membantu meningkatkan taraf hidup mereka dan mengurangkan kebergantungan terhadap hasil komoditi sawit dan getah.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Ismail bin Yusop** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah kadar pengangguran bagi tahun 2019 khususnya dari kalangan belia berbanding tahun sebelumnya dan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk memastikan lambakan graduan dapat memenuhi permintaan peluang pekerjaan di pasaran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kadar pengangguran belia di Malaysia pada 2018 mencatatkan pada kadar 10.9 peratus. Statistik kadar pengangguran belia pada tahun semasa masih tiada maklumat terperinci. Berdasarkan laporan *World Bank, Malaysia Youth unemployment rate* pada 2007 hingga 2017 berada dalam lingkungan 9.9 peratus hingga 11.5 peratus di kalangan warganegara berumur 15 hingga 24 tahun. Kadar pengangguran belia pada purata 10 peratus merupakan trend kadar pengangguran di rantau Asia. Belia dalam lingkungan umur tersebut merupakan kumpulan warganegara yang berada dalam proses transisi dari alam pembelajaran ke pasaran pekerjaan dan perlu melalui proses pepadanan pekerjaan yang bersesuaian dengan tahap pendidikan yang dimiliki.

2. Berdasarkan kepada Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), kadar pengangguran pada suku tahun ketiga 2019 mencatatkan pada kadar 3.3 peratus daripada 15.67 juta orang guna tenaga negara berbanding tempoh yang sama pada tahun 2018 juga mencatatkan kadar 3.3 peratus. Berdasarkan *Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD)*, kadar pengangguran antara 4% hingga 6 % dianggap sebagai guna tenaga penuh (*full employment*).

## NO SOALAN: 53

3. Jumlah pencari kerja aktif yang berdaftar dengan Portal *JobsMalaysia*, Jabatan Tenaga Kerja sehingga bulan Oktober 2019 adalah seramai 290,989 orang. Daripada jumlah ini seramai 47,485 (16.3%) orang adalah golongan belia berumur di bawah 30 tahun. Daripada jumlah ini juga seramai 210,868 (72.46%) orang adalah siswazah manakala seramai 80,121 (27.54%) orang adalah bukan siswazah.

4. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja, menjalankan pelbagai program-program penempatan sepanjang tahun di seluruh negara. Melalui perkhidmatan portal *JobsMalaysia*, karnival kerjaya dan program temuduga terbuka, pencari kerja yang terdiri daripada belia ataupun graduan boleh memilih jenis pekerjaan, lokasi serta tawaran yang diiklankan untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian.

5. KSM dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah diberikan peranan sebagai Pengerusi Bersama bagi menerajui Jawatankuasa Kerja Pembangunan Kemahiran dan Bakat (*Technical Working Group-Skills*) yang diterajui oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Jawatankuasa Industri dan Kemahiran menjadi platform rasmi bagi menambah peluang kebolehpekerjaan dan memperbaiki padanan pekerja dengan pekerjaan. Langkah-langkah intervensi seperti mengenal pasti kemahiran yang diperlukan industri, serta mengurus perdana pendidikan serta Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) melalui pembangunan *National Occupational Skills Standard* (NOSS) selaras industri 4.0.

## NO SOALAN: 53

6. Kerajaan juga melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025), telah menggariskan strategi untuk mentransformasi sistem pendidikan negara, memperkasa institusi pengajian bertanggungjawab untuk melahirkan siswazah yang cekap teknologi serta menambah baik kualiti pendidikan TVET negara.

7. Kementerian juga membangunkan modul latihan melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) melalui kerjasama dengan pelbagai institut latihan awam dan swasta bagi menyediakan program *upskilling* dan *reskilling* bagi meningkatkan perubahan keperluan kerja masa hadapan (*future work*).

8. KSM juga sedang menggubal *National Human Resource Blueprint* selaras dengan 7 Pelan Strategik Wawasan Kemakmuran Bersama 2021-2030 iaitu strategi transformasi modal insan. Kementerian memfokus kepada penyediaan sumber tenaga yang lebih produktif, efektif, berkemahiran, berteknologi dan bernilai tinggi, termasuk dalam industri ekonomi baharu.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 54**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN NURIDAH BINTI MOHD**  
**SALLEH**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Puan Nuridah binti Mohd Salleh** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tahap atau 'rating' kemampuan hospital di Terengganu bagi memenuhi keperluan kesihatan rakyat di Terengganu khasnya dan Malaysia amnya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa memastikan perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada rakyat adalah berkualiti dan selamat. Program akreditasi merupakan salah satu inisiatif kualiti yang dijalankan oleh pihak KKM bagi menjamin sesebuah fasiliti kesihatan KKM mempunyai sekurang-kurangnya pencapaian minimum selari dengan piawaian kesihatan antarabangsa dalam memberi penyampaian kesihatan yang sistematik, berintegriti, berkualiti, selamat dan bersifat *customer centered care*. Pensijilan dan penilaian akreditasi di hospital-hospital KKM dijalankan oleh badan berkecuali iaitu *Malaysian Society for Quality in Health (MSQH)*.

Enam (6) buah hospital KKM di Negeri Terengganu pernah mendapatkan pensijilan akreditasi. KKM sentiasa komited untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan dengan menaik taraf dan memperbaiki fasiliti-fasiliti hospital secara berfasa. KKM telah membuat *engagement* dengan Jabatan Kesihatan Negeri dan hospital bagi kesedaran kepentingan akreditasi hospital yang bukan sahaja berfokus kepada pensijilan semata tetapi keperluan pembudayaannya. KKM turut aktif menjalankan latihan kepada kakitangan hospital-hospital KKM melahirkan lebih ramai *champion* yang berkemahiran dalam menjalankan aktiviti akreditasi hospital. Galakan kepada hospital-hospital bagi menjalankan penilaian sendiri (*self-assessment*) akreditasi di hospital masing-masing secara berkala sentiasa

## NO SOALAN: 54

dilaksanakan. KKM percaya sesebuah hospital yang membudayakan akreditasi akan menyumbang ke arah hospital yang merangsang penambahbaikan berterusan dari segi fasiliti mahu pun penyampaian perkhidmatan kesihatan secara keseluruhan.

Aspek keselamatan pesakit juga adalah salah satu prioriti bagi memastikan pesakit terhindar dari kemudaratan semasa rawatan diberikan. Melalui sistem *Malaysian Patient Safety Goals*, terdapat 13 sasaran utama (*main goals*) keselamatan pesakit yang dipantau seperti insiden pesakit jatuh di hospital, insiden kesilapan pemberian ubat dan pematuhan anggota terhadap prosedur membasuh tangan (*hand hygiene compliance*) bagi mengelakkan infeksi di hospital.

Bagi tahun 2018, secara puratanya kesemua enam (6) hospital di Terengganu telah berjaya mencapai 8 dari 13 sasaran utama keselamatan pesakit iaitu 62% daripada keseluruhan sasaran berjaya dicapai. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan sasaran tidak tercapai seperti isu persekitaran, kekangan sumber, beban kerja anggota dan *human factor*. KKM sentiasa proaktif dalam meningkatkan aspek keselamatan pesakit dengan melaksanakan pelbagai inisiatif seperti sambutan *World Patient Safety Day* serta aktiviti pendidikan untuk orang awam dan anggota hospital yang dilaksanakan pada peringkat kebangsaan dan negeri bermula tahun ini dan akan diteruskan pada setiap 17 September. Secara amnya, pemantauan *Malaysian Patient Safety Goals* merupakan momentum yang sangat positif dalam mengatasi isu keselamatan pesakit telah berjaya diwujudkan di Terengganu dan seluruh negara.

**NO SOALAN: 54**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 55**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN ASMAK BINTI HUSIN  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Puan Asmak Binti Husin** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan hasil kajian kumpulan projek khas yang ditubuhkan untuk mengkaji penggubalan undang-undang berkaitan kesaksamaan gender di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian ini telah menubuhkan satu pasukan khas yang terdiri daripada wakil agensi kerajaan, ahli akademik dan juga badan bukan kerajaan (NGO) yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dalam membantu penyediaan draf rang undang-undang berkaitan kesaksamaan gender dan anti diskriminasi terhadap wanita. Berdasarkan 16 sesi konsultasi dan libat urus dengan ahli-ahli pasukan khas tersebut, kerangka perundangan yang dicadangkan akan turut mengambil kira aspek agama, sosial, kaum dan budaya masyarakat Malaysia. Skop pelaksanaannya pula akan merentas pelbagai sektor sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta.

Proses pengubalan ini adalah selaras dengan komitmen negara di bawah Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) serta Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW). Di peringkat nasional pula, ia telah mengambil kira hasrat yang termaktub di bawah Perkara 8, Perlembagaan Persekutuan serta Dasar Wanita Negara.

Kementerian juga akan mengadakan sesi jerayawara dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk orang awam yang bertujuan untuk memperjelaskan kandungan draf rang undang-undang ini sebelum ia

## **NO SOALAN: 55**

dipertimbangkan untuk dibentangkan di Parlimen. Pada masa ini, Kementerian masih lagi di peringkat memperincikan kandungan draf rang undang-undang tersebut dan pada masa yang sama sedang memberi tumpuan kepada penggubalan rang undang-undang gangguan seksual.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 56**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN NGA HOCK CHEH**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Nga Hock Cheh** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada pelupusan harta pusaka si mati oleh waris/pentadbir bagi tujuan pengkulungan harta pusaka si mati untuk diedarkan kepada pihak yang dinamakan di bawah Peraturan 12(2) Jadual 2 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (Akta 169) menikmati faedah yang sama dengan pelupusan cara pemberian di bawah Peraturan 12 Jadual 2 Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (Akta 169).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bagi maksud percukaian, apabila seorang individu meninggal dunia, aset milik si mati akan dipindahkan kepada suatu entiti yang berasingan daripada si mati yang mana harta pusaka si mati akan ditadbir oleh pentadbir/wasi melalui *grant of probate* atau *letter administration*.

Di bawah Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (ACKHT), transaksi pindah milik harta si mati kepada pentadbir merupakan satu pelupusan. Walau bagaimanapun, transaksi tersebut tidak dikenakan cukai kepada si mati kerana harga pelupusan dianggap bersamaan dengan harga pemerolehan (tiada untung tiada rugi) sebagaimana peruntukan perenggan 3(1)(a) Jadual 2 ACKHT.

Merujuk perenggan 3(1)(a) Jadual 2, penurunan (*devolution*) aset si mati kepada pentadbir atau penerima legasi yang dinyatakan dalam wasiat atau tidak berwasiat adalah tidak dikenakan cukai kerana harga pelupusan dianggap bersamaan dengan harga pemerolehan.

Dalam keadaan yang mana harta pusaka si mati dipindahkan daripada pentadbir kepada orang yang dinamakan sebagai penerima legasi seperti suami, isteri, ibu bapa, anak, datuk, nenek atau cucu, maka pindah milik tersebut tidak dikenakan CKHT menurut perenggan 3(1)(a) Jadual 2.

## **NO SOALAN: 56**

Seterusnya, jika penerima legasi memindah milik harta berkenaan kepada suami, isteri, ibu bapa, anak, datuk, nenek atau cucunya tanpa melibatkan sebarang balasan, maka peruntukan perenggan 12 Jadual 2 terpakai jika memenuhi syarat.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. ANANTHAN A/L**  
**SOMASUNDARAM**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dato' Dr. Ananthan A/L Somasundaram** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan jumlah pengambilan anggota Angkatan Tentera Malaysia mengikut kaum dan pangkat dari tahun 2017 sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Peratus pencapaian pengambilan kaum selain Bumiputera pada tahun 2017 iaitu kaum India adalah sebanyak 1.12% (88 orang) di mana 2.6% (16 orang) adalah untuk pengambilan Pegawai Kadet ATM dan 1% (72 orang) untuk Perajurit Muda Tiga Perkhidmatan. Manakala bagi kaum Cina pula, sebanyak 0.33% (26 orang) di mana 1.14% (7 orang) pengambilan Pegawai Kadet ATM dan 0.26% (19 orang) untuk Perajurit Muda Tiga Perkhidmatan.

Pada tahun 2018, berlaku peningkatan kepada peratus pencapaian pengambilan kaum selain Bumiputera iaitu kaum India adalah sebanyak 3.15% (248 orang) di mana 4.55% (23 orang) adalah untuk pengambilan Pegawai Kadet ATM dan 3.05% (225 orang) untuk Perajurit Muda Tiga Perkhidmatan. Manakala bagi kaum Cina pula, sebanyak 0.52% (41 orang) di mana 1.38% (7 orang) pengambilan Pegawai Kadet ATM dan 0.46% (34 orang) untuk Perajurit Muda Tiga Perkhidmatan.

Manakala bagi tahun 2019, peratus pencapaian pengambilan kaum selain Bumiputera iaitu kaum India adalah sebanyak 1.86% (111 orang) di mana 5.36% (15 orang) adalah untuk pengambilan Pegawai Kadet ATM dan 1.69% (96 orang) untuk Perajurit Muda Tiga Perkhidmatan. Manakala bagi kaum Cina pula, sebanyak 0.32% (19 orang) di mana 1.07% (3 orang)

## **NO SOALAN: 57**

pengambilan Pegawai Kadet ATM dan 0.28% (16 orang) untuk Perajurit Muda Tiga Perkhidmatan.

ATM menawarkan pengambilan Pegawai dan Askar Lasykar kepada semua warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun dan ke atas serta memenuhi terma dan syarat Perkhidmatan yang berkuatkuasa tanpa mengira kaum.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 58**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah kaedah yang diguna pakai di dalam pengiraan Kadar Perahan Asas (KPA) dan Kadar Perahan Gred (KPG) di kilang-kilang sawit FELDA dan adakah Kerajaan akan mengkaji semula KPA/KPG ini untuk meningkatkan harga sawit di kilang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan kepada Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015), Kadar Perahan Asas (KPA) boleh ditentukan melalui dua (2) kaedah, iaitu berdasarkan purata berat tandan atau umur pokok manakala Kadar Perahan Minyak digred (KPG) adalah Kadar Perahan Asas (KPA) ditolak dengan penalti yang dikenakan selepas Buah Tandan Segar (BTS) digred.

Namun pengiraan KPA/KPG di kilang-kilang sawit FELDA adalah ditentukan oleh pihak pengurusan kilang tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

Manual Penggredan Buah Kelapa Sawit MPOB Edisi Ketiga (2015) ini masih lagi relevan dan digunakan. Tiada keperluan untuk mengkaji semula manual tersebut buat masa ini.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dato' Sri Ti Lian Ker** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan terperinci untuk memantapkan pelaksanaan larangan merokok di tempat makan, memandangkan pelaksanaan ini semakin longgar dan kurang dipatuhi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Semenjak penguatkuasaan pewartaan tempat makan sebagai tempat larangan merokok pada 1 Januari 2019, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membuat perancangan strategik bagi memastikan larangan merokok dipatuhi. Beberapa perkara yang telah dilaksanakan oleh pihak KKM adalah dengan membuat pengumuman awam melalui kenyataan media, mengadakan pemakluman melalui media masa dan media sosial, mencetak dan mengedarkan bahan-bahan promosi berkaitan larangan merokok dan kesan merokok. Pihak KKM juga telah mengaturkan penguatkuasaan pendidikan bermula 1 Januari sehingga 31 Disember 2019. Bagi memperkukuhkan lagi pematuhan larangan ini, pihak KKM sentiasa bekerjasama dengan badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dalam memberikan pendidikan kepada orang awam berkaitan larangan merokok di tempat makan. Bermula 1 Januari 2020, tindakan penguatkuasaan penuh larangan merokok di tempat makan akan dijalankan.

Penguatkuasaan pewartaan tempat makan sebagai tempat larangan merokok ini akan dijalankan oleh Penguatkuasa Kesihatan serta agensi tertentu yang telah diberikan kuasa. Pada masa sekarang, KKM mempunyai seramai 4,743 orang penguatkuasa di seluruh Malaysia. Selain itu, pihak KKM juga telah menjalankan promosi serta kesedaran kepada masyarakat

## **NO SOALAN: 59**

tentang penguatkuasaan sendiri atau "*self empowerment*" oleh Tuan Punya Permis serta masyarakat sekeliling.

Sepanjang penguatkuasaan pendidikan dijalankan, sebanyak 146,607 premis telah diperiksa dan 31,422 notis amaran telah dikeluarkan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 27,759 buah premis yang telah diberikan amaran kerana gagal meletakkan tanda larangan merokok serta 3,889 notis dikeluarkan bagi orang yang didapati merokok di kawasan kedai makan. Sejumlah 23,805 aduan telah diterima semenjak Januari 2019 sehingga 3 November 2019.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 60**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Puan Raj Munni binti Sabu** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah rakyat yang telah mendapat manfaat daripada pelbagai insentif Kerajaan di bawah Kementerian untuk pembelian rumah pertama termasuk golongan belia mengikut pecahan skim perumahan yang wujud.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa berusaha untuk menyediakan pelbagai insentif kepada rakyat bagi pembelian rumah pertama termasuk golongan belia. Antara program yang disediakan adalah:
  - (a) Program Perumahan Rakyat (PPR);
  - (b) Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome);
  - (c) Skim Pinjaman Perumahan;
  - (d) Program Rumah Transit;
  - (e) Perumahan PR1MA; dan
  - (f) Rumah Mesra Rakyat.
  
2. Sehingga 31 Oktober 2019, seramai 82,133 keluarga telah menerima manfaat daripada Program Perumahan Rakyat (PPR) samada Disewa atau Dimiliki di bawah seliaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).
  
2. Selain itu, Skim Perumahan Mampu Milik Swasta (MyHome) merupakan salah satu langkah kerajaan untuk menggalakkan sektor swasta membina lebih banyak rumah mampu milik. Skim MyHome ini menawarkan insentif sehingga RM30,000 seunit yang memberi faedah

## **NO SOALAN: 60**

kepada pembeli-pembeli rumah dan pemaju-pemaju swasta. Bermula April 2014 hingga Oktober 2019, skim ini telah memanfaatkan seramai 5,185 pembeli rumah pertama. Terdapat 80 projek perumahan yang berdaftar di bawah Skim MyHome di seluruh negara dengan jumlah 8,822 unit.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Pinjaman Perumahan (SPP) pula disediakan oleh KPKT untuk menyediakan kemudahan pinjaman maksimum sehingga RM60,000 kepada golongan berpendapatan rendah bagi tujuan pembinaan rumah. KPKT telah meluluskan 3,667 permohonan yang berjumlah RM160 juta di antara tahun 2008 hingga 2018 dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,946 kelulusan yang berjumlah RM78.8 juta telah diberikan kepada golongan belia.
4. Seterusnya, Program Rumah Transit pula bertujuan untuk memberi kemudahan perumahan secara sementara kepada pasangan muda yang telah berkahwin dan berumur antara 18 hingga 30 tahun. Sehingga 31 Oktober 2019, Program ini telah membantu seramai 944 pasangan muda untuk mendiami rumah-rumah di Kuala Lumpur dan Johor secara sementara sebelum mereka dapat mengukuhkan pendapatan dan seterusnya layak untuk membeli rumah sendiri.
5. Di bawah Perbadanan PR1MA pula, sehingga 6 Disember 2019, Skim PR1MA telah memanfaatkan seramai 17,194 pembeli rumah meliputi 53 projek di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 8,238

## NO SOALAN: 60

pembeli telah menerima manfaat melalui Kempen Pemilikan Rumah (HOC) yang telah dijalankan bermula dari bulan Mac 2019.

Bil. Unit	Ditempah	Dijual	Jumlah
Keseluruhan	11,582	17,194	28,776
HOC	9,659	8,238	17,897

- Selain itu, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) melaksanakan Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) yang berkonsepkan rumah sesebuah yang dibina di atas tanah sendiri bagi rakyat yang berpendapatan rendah berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan. Program ini dibiayai sebahagiannya melalui subsidi yang disalurkan Kerajaan sebanyak RM20,000 seunit manakala baki kos pembinaan di antara RM45,000 hingga RM60,000 dibiaya melalui pinjaman yang ditawarkan SPNB. Sehingga 30 November 2019 SPNB telah membantu golongan B40 dengan menyiapkan sebanyak 46,456 unit RMR, manakala 2,469 unit lagi dalam proses pembinaan. Di bawah peruntukan Bajet Tahun 2020 sebanyak 2,983 unit RMR dirancang untuk dilaksanakan di seluruh negara.
- Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menerusi Kementerian Kewangan turut menyediakan beberapa insentif untuk membantu pembelian rumah pertama seperti Skim Pembiayaan Kewangan Fleksi, Skim Pembiayaan Dana RM1 Bilion oleh Bank Negara Malaysia (BNM), Jaminan Cagamas SRP Berhad, Diskaun Plus, FundMyHome (*crowd funding*) dan pengecualian duti setem serta pelepasan cukai di bawah HOC.

**NO SOALAN: 60**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 61**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI MUHAMAD BIN**  
**MUSTAFA**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Haji Muhamad Bin Mustafa** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan statistik bilangan dan hasil pengeluaran telaga minyak dan gas mengikut pecahan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang berada di dalam jarak lingkungan 3 batu nautika dari pesisir pantai negeri tersebut

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Setakat ini berdasarkan penemuan, tiada medan lapangan minyak dan gas di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak yang berada di dalam jarak lingkungan 3 batu nautika dari garisan air surut pantai negeri-negeri. Lapangan-lapangan petroleum yang ada sekarang, berada dalam jarak yang melebihi daripada 3 batu nautika dalam perairan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 62**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN KAMARUDIN BIN ABDUN**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Kamarudin bin Abdun** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah pihak PDRM bercadang untuk membuat giliran pertukaran pegawai atau anggota polis yang menjaga di sempadan dalam tempoh yang singkat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah melaksanakan penggiliran tugas operasi di sempadan dalam tempoh yang singkat iaitu secara bulanan. Penggiliran bulanan ini melibatkan pegawai dan anggota Pasukan Gerakan AM (PGA) dari Kompeni dan Batalion yang berbeza. Penggiliran tugas secara bulanan ini juga telah dilaksanakan sejak dulu lagi dan dilakukan secara berjadual dan berterusan.

Perlaksanaan penggiliran tugas yang di lakukan, berupaya meningkatkan mutu kawalan supaya lebih teratur dan berupaya memberikan respon segera dalam masa singkat, baik dari segi pemantauan mahupun dari segi gerak atur anggota yang bertugas. Penggiliran tugas ini turut memberi ruang dan peluang kepada pegawai dan anggota Batalion untuk mengikuti latihan dalam perkhidmatan bagi meningkatkan tahap kemahiran tugas.

Diantara tujuan lain penggiliran ini dilaksanakan adalah bagi mengelakkan pegawai dan anggota PDRM yang bertugas di sempadan dari terlibat dengan kesalahan sepanjang bertugas seperti bersekongkol dengan penyeludup, rasuah dan sebagainya. Disamping itu, penugasan yang terlalu lama di sempadan boleh memberi kesan dari segi kualiti dan komitmen tugas.

**NO SOALAN: 62**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 63**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. YAAKOB BIN SAPARI**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dr. Yaakob bin Sapari** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan perniagaan kumpulan FELDA dan perniagaan kumpulan 'Felda Global Ventures' (FGV). Apakah sasaran Kerajaan dalam masa jangka pendek dan jangka masa panjang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan sedang melaksanakan pelan pemulihan jangka pendek, sederhana dan panjang FELDA berdasarkan Kertas Putih yang telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 April 2019. Secara keseluruhannya, sebanyak RM6.23 bilion telah diperuntukkan kepada FELDA dalam bentuk geran, pinjaman dan Jaminan Kerajaan yang disalurkan secara berperingkat mengikut keperluan bagi melaksanakan pelbagai inisiatif.

**FELDA**

2. Sebagai langkah segera, FELDA sedang memberi tumpuan kepada penstrukturan semula hutang dan menyusun semula pelaburan serta aktiviti perniagaan termasuk melupuskan aset yang tidak strategik untuk menangani masalah aliran tunai. FELDA juga sedang memperkukuh tadbir urus korporat dan merasionalisasi organisasi.
3. Langkah-langkah yang diambil dalam rasionalisasi pelaburan dan kepentingan FELDA adalah seperti berikut:

## **NO SOALAN: 63**

### **i) Penstrukturan semula syarikat dan pelaburan FELDA**

Lembaga FELDA telah bersetuju untuk merealisasikan pemuliharaan FELDA melalui beberapa inisiatif meliputi pelupusan hartanah bernilai tinggi, pembubaran atau penjualan syarikat yang berstatus dorman serta syarikat yang terlibat dengan kes mahkamah dan penstrukturan semula Kumpulan FELDA.

FELDA akan menyusun semula syarikat-syarikat di bawahnya mengikut jenis perniagaan agar proses rasionalisasi aset dapat dibuat dengan lebih teratur dan lancar. Dengan ini, aktiviti pelaburan dan perniagaan teras dapat diperkukuh bagi mencipta sinergi yang mampan dan mampu melonjakkan Kumpulan FELDA kepada aktiviti yang lebih strategik dan mempunyai nilai tambah tinggi. Ini dapat dilaksanakan melalui penggembleran sumber sedia ada serta usaha sama strategik dengan rakan kongsi berpotensi.

### **ii) Pelupusan aset tidak strategik dan penamatan operasi syarikat tidak aktif**

Pelupusan pelaburan dan perniagaan bukan teras dan tidak strategik dilaksana secara berperingkat serta teratur bagi meminimumkan kerugian dan kesan negatif kepada kedudukan kewangan FELDA. Sebagai contoh, syarikat yang tidak mempunyai operasi perniagaan aktif seperti FIC PD Resort Sdn

## **NO SOALAN: 63**

Bhd telah ditutup bagi menghentikan kebocoran kewangan berterusan.

4. Inisiatif pemulihan perniagaan FELDA bertujuan untuk mendapatkan aliran tunai yang positif, menyelesaikan bayaran kembali pinjaman kepada institusi kewangan dan memfokuskan model FELDA baharu kepada pengurusan perladangan dan pembangunan peneroka. Pemulihan FELDA ini dijangka dapat diselesaikan pada akhir tahun 2021.

### **FGV HOLDINGS BERHAD**

5. FGV Holdings Berhad (FGV) ketika ini telah mengambil langkah-langkah pemulihan yang kini sedang dilaksanakan di semua peringkat pengurusan dan operasi FGV. Bagi memastikan pemulihan ini dapat dilakukan, FGV telah memperkenalkan 'Pelan Transformasi FGV 2021' untuk memantau prestasi operasi Kumpulan. Pelan Transformasi ini yang mempunyai pelbagai pendekatan jangka pendek dan panjang merangkumi usaha-usaha untuk memantapkan kecekapan dan peningkatan kualiti serta kawalan kos dan perbelanjaan yang lebih berkesan.
6. Prestasi terkini FGV telah memperlihatkan kejayaan pemulihan berjaya dilakukan setakat ini. Untuk suku ketiga berakhir September 2019, sektor Perladangan mencatatkan peningkatan pengeluaran buah tandan segar (BTS) sebanyak 15% kepada 1.24 juta metrik tan daripada 1.08 juta metrik tan pada tempoh yang sama pada 2018,

## NO SOALAN: 63

manakala hasil BTS meningkat 19% kepada 5.12 metrik tan sehektar, berbanding 4.32 metrik tan sehektar.

7. Jumlah pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) telah meningkat sebanyak 21% atau 832 ribu tan metrik berbanding dengan suku tahun ketiga 2018. Kos produksi MSM juga telah menurun sebanyak 23% kepada RM1,485 berbanding dengan RM1,884 bagi setiap tan metrik.
8. Sementara itu, faktor penggunaan kilang (*Utilisation Factor*) meningkat sebanyak 23% kepada 79% berbanding tempoh yang sama 2018 iaitu pada kadar 64%. Sektor logistik FGV juga telah mencatatkan prestasi operasi positif bagi suku ketiga 2019.
9. Antara usaha pemulihan ini juga menyaksikan FGV menasarkankan penghapusan aset dan perniagaan yang tidak memberi pulangan yang diharapkan sebanyak RM350 juta. Antaranya termasuk penjualan kilang penapisan di China sebanyak RM100 juta dan sebuah syarikat Paragon Yield sebanyak RM29 juta. Selain itu, penjimatan sebanyak RM150 juta dicapai melalui Bahagian Perolehan dengan membuat rundingan semula kontrak-kontrak dan memastikan tiada ketirisan di dalam perbelanjaan operasi.
10. FGV akan terus mengekalkan momentum positif ini dengan usaha menambahbaik prestasi operasi, meningkatkan penawaran produk ke pasaran, mengukuhkan kedudukan kewangan dan keupayaan modal insan dan pengenalpastian bidang pertumbuhan baharu untuk memacu prestasi jangka panjang kami.

**NO SOALAN: 63**

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 64**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR TUAN SURESH SINGH A/L**  
**RASHPAL SINGH**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membina rumah kos murah/rumah mampu milik bawah RM 100,000 di Selangor.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa mengambil berat dan perhatian serius berkenaan keperluan rakyat berpendapatan rendah (B40) dalam penyediaan rumah mampu milik dan rumah murah. Antara langkah yang telah diambil oleh KPKT untuk menyediakan rumah kos murah/Rumah Mampu Milik berharga di bawah RM100,000.00 di seluruh negara termasuklah di Negeri Selangor adalah melalui pelaksanaan Program Perumahan Rakyat (PPR). Melalui program ini, unit-unit PPR akan dijual dengan harga RM35,000.00 seunit di Semenanjung Malaysia atau disewa dengan harga RM124.00 sebulan khusus untuk golongan berpendapatan rendah (B40) iaitu pendapatan isi rumah RM3,000.00 sebulan dan ke bawah.
2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi Negeri Selangor, sehingga 27 November 2019 sebanyak 4 projek PPR (5,184 unit) telah siap dibina dan 3 lagi projek PPR (1,048 unit) sedang dalam pembinaan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 65**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- a) bagaimanakah Kerajaan memantau kerja atau aktiviti-aktiviti NGO yang mengendalikan pusat perlindungan wanita dan gelandangan; dan
- b) apakah garis panduan yang ditetapkan oleh Kerajaan kepada NGO yang berperanan dalam mengoperasi rumah perlindungan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

a) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengoperasikan tiga kategori pusat perlindungan iaitu:

- **Pusat perlindungan wanita** di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga di bawah JKM;
- **Rumah Perlindungan Khas Wanita (RPWK)** di bawah ATIP- SOM khusus bagi wanita bukan warganegara yang menjadi mangsa pemerdagangan di bawah JPW;
- **Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL), Pusat Khidmat Gelandangan dan Anjung Singgah** di bawah YKN;

Kesemua kategori pusat perlindungan di atas diuruskan sama ada oleh agensi di bawah KPWKM atau pihak NGO yang telah dikenal pasti dan diberikan kelulusan untuk menguruskannya. Pelaksanaan di pusat-pusat tersebut sama ada di bawah kelolaan agensi atau NGO dipantau rapi oleh KPWKM berdasarkan prosedur dan peraturan pemantauan yang berkuat kuasa bagi menjamin kepentingan penghuni terutama dari aspek keselamatan dan kebajikan.

## **NO SOALAN: 65**

Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan besar pusat perlindungan wanita yang dikendalikan sepenuhnya oleh pihak NGO tanpa melalui KPWKM sama ada dari aspek bantuan dan peruntukan kerajaan. Oleh itu, kebanyakan pusat ini tidak dapat dipantau aktiviti dan pengoperasiannya oleh KPWKM.

Bagi urusan pusat perlindungan gelandangan, pihak YKN akan menyelaraskan semua program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh NGO khususnya di Anjung Singgah dan PTGKL untuk memastikan semua bentuk dan jenis bantuan yang hendak disalurkan kepada gelandangan dapat dibuat secara teratur dan sistematik bagi mengelakkan pembaziran makanan.

Sebagai langkah utama, kerajaan telah menetapkan agar NGO yang bercadang untuk memberi bantuan makanan hendaklah membuat pengagihan di pusat-pusat agihan makanan yang telah ditetapkan seperti Anjung Singgah YKN, PTGKL dan Pusat Khidmat Gelandangan di Lorong Medan Tuanku.

(b) Bagi menjaga kepentingan penghuni, KPWKM telah menetapkan garis panduan dan SOP yang ketat berdasarkan kepada prosedur dan peraturan sedia ada kepada NGO yang telah diberikan kebenaran untuk mengoperasikan rumah perlindungan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 66**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK LEE TIAN SING  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Lee Tian Sing** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat manakah usaha mengekang klinik dan farmasi haram dalam negeri seperti yang dilaporkan dalam media mengenai kes-kes klinik dan farmasi haram di Jalan Silang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius isu klinik dan farmasi haram dalam negeri seperti yang dilaporkan dalam media di Jalan Silang (Jalan Tun Tan Siew Sin) di ibu kota Kuala Lumpur. Hasil siasatan melalui Bahagian Penguatkuasaan Farmasi KKM, didapati bahawa klinik – klinik dan farmasi haram ini dikendalikan secara haram oleh warga asing Bangladesh. Kawasan ini merupakan kawasan tumpuan membeli belah warga asing terutamanya warga Bangladesh dan kebanyakan warga asing ini telah mengimport ubat moden dan tradisional secara haram dari Negara luar seperti Bangladesh dan India untuk dijual semula kepada warga asing yang berada di Malaysia.

Dalam usaha mengekang klinik dan farmasi haram di Jalan Silang dan juga pengimportan ubat secara haram dari Negara luar, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi KKM telah mengambil inisiatif melalui tindakan penguatkuasaan secara operasi bersepadu di kawasan *Hotspot* dan juga melalui kawalan pengimportan ubat di pintu-pintu masuk utama negara. BPF KKM juga telah mengenalpasti kawasan di Jalan Silang adalah di antara 88 kawasan *Hotspot* iaitu kawasan tegar penjualan produk dan ubat-ubatan tidak berdaftar di seluruh negara.

## **NO SOALAN: 66**

Sepanjang 2017 – 2019, jumlah nilai rampasan ubat –ubatan dan produk kesihatan tidak berdaftar di Jalan Silang, Kuala Lumpur adalah melebihi RM 350 ribu. Sehingga Oktober 2019, pencapaian penurunan premis yang tegar yang menjual produk tidak berdaftar di kawasan Hotspot seluruh negara adalah sebanyak 79.57%.

Selain kawalan ke atas ubat-ubatan, Kementerian Kesihatan melalui Cawangan Kawalan Amalan Perubatan Swasta (CKAPS) juga mengawal dan mengawalselia premis jagaan kesihatan swasta selaras dengan peruntukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [*Akta 586*]. Penyediaan dan/atau pengoperasian apa-apa klinik swasta tanpa pendaftaran dengan Kementerian boleh diambil tindakan bawah Seksyen 4, Akta 586 dengan hukuman bagi setiap sabitan boleh dikenakan selaras dengan Seksyen 5, Akta yang sama.

Dari tahun 2017 sehingga 26 November 2019, tindakan penguatkuasaan telah dijalankan ke atas 60 premis klinik yang beroperasi tanpa pendaftaran. Sekiranya terdapat sebarang maklumat berkenaan kewujudan premis-premis haram seperti ini, ianya boleh disalurkan oleh mana-mana pihak dan/atau orang awam kepada CKAPS melalui emel [ckaps.aduan@moh.gov.my](mailto:ckaps.aduan@moh.gov.my) bagi siasatan lanjut. Tindakan penguatkuasaan akan diambil bagi mengekang aktiviti ini daripada terus berleluasa.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 67**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK DONALD PETER MOJUNTIN  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Donald Peter Mojuntin** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah program Pas Sementara Sabah (PSS) akan dilaksanakan dan apakah kriteria kelayakan untuk memohon PSS ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan telah bersetuju dengan pelaksanaan pemberian Pas Sementara Sabah (PSS) kepada pemegang IMM13, Kad Burung-Burung dan Sijil Banci berkuat kuasa mulai 1 Jun 2020. Pengeluaran PSS ini adalah bertujuan untuk menyeragamkan kepelbagaian dokumen yang dimiliki oleh warga asing Sabah bagi memudahkan pengecaman dan operasi oleh pihak penguatkuasa.

PSS hanya akan dikeluarkan kepada pemegang dokumen sedia ada yang telah disahkan oleh agensi pengeluar yang berkaitan iaitu IMM13 oleh Jabatan Imigresen Malaysia, Kad Burung-Burung oleh Jabatan Ketua Menteri Sabah dan Sijil Banci oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah, Majlis Keselamatan Negara Sabah. Selain itu, semakan silang data antara agensi juga dilaksanakan bagi memastikan pemegangnya adalah tulen sebelum PSS dikeluarkan.

PSS akan dikeluarkan dalam bentuk kad yang mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti biometrik dan mempunyai nombor ID yang unik bagi membezakan PSS dengan pas-pas imigresen sedia ada sebagai mekanisme kawalan keberadaan dan pergerakan warga asing di Sabah.

## **NO SOALAN: 67**

Pada masa ini, satu Pasukan Petugas Khas telah ditubuhkan di peringkat Negeri Sabah yang dipengerusikan secara bersama oleh Jabatan Ketua Menteri Sabah dan Majlis Keselamatan Negeri Sabah. Pasukan Petugas Khas ini terdiri daripada pelbagai agensi yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan PSS bagi memperincikan mekanisme pelaksanaan PSS ini termasuk penentuan kriteria pemberian PSS seterusnya memastikan kelancaran operasi.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 68**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PROF EMERITUS TAN SRI DATO'**  
**SERI DR. IBRAHIM SHAH BIN ABU SHAH**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah Bin Abu Shah** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan program-program 'Business Online' atau perniagaan atas talian di bawah seliaan Kerajaan dan bentuk bantuan dan kursus yang disediakan kepada rakyat dalam usaha mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pendapatan rakyat khususnya kepada golongan Bumiputera dan B40.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah melaksanakan pelbagai program untuk membantu usahawan dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) daripada peringkat permulaan perniagaan sehinggalah ke pasaran eksport termasuklah dalam meningkatkan aktiviti e-dagang.

Ini termasuk kerjasama strategik antara SME Corp. Malaysia dengan agensi, persatuan dan rakan strategik e-Dagang melalui aspek pembangunan dan latihan dalam bidang e-Dagang. Bagi tahun 2019, sehingga November 2019 sejumlah 41,820 PKS telah dilatih dalam bidang e-Dagang.

Selain itu, SME Corp. Malaysia telah melaksanakan Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE). Program ini yang berkonsepkan *bootcamp* telah direka khas bagi mempersiapkan usahawan muda baharu yang ingin memulakan perniagaan dan golongan belia yang mempunyai minat berniaga untuk merealisasikan perniagaan mereka. Keutamaan diberikan kepada belia yang memiliki Sijil Kemahiran dan terbuka untuk belia lepasan SPM, graduan institusi pendidikan awam dan swasta.

Melalui latihan di bawah program ini, peserta diberi pendedahan berkenaan kepentingan adaptasi teknologi dalam perniagaan seperti perniagaan atas talian, kaedah pemasaran melalui media sosial serta transaksi perniagaan

## NO SOALAN: 68

secara e-dagang. Sejak dilaksanakan pada tahun 2014, Program TUBE telah disertai oleh seramai 4,422 belia. Perniagaan yang dijalankan mencatat nilai jualan terkumpul sebanyak RM99.3 juta dan 7,852 peluang pekerjaan telah diwujudkan termasuk untuk peserta itu sendiri.

SME Corp. Malaysia turut menganjurkan Program *Women Netpreneur* yang bertujuan untuk membantu usahawan wanita memanfaatkan teknologi bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka secara atas talian. Program ini dianjurkan dengan kerjasama *Gorgeous Geeks* (badan NGO) dan rakan strategik seperti *An Association for all IT Architects* (IASA Malaysia), Syarikat Suruhanjaya Malaysia (SSM), Telekom Malaysia (TM), POS Malaysia, MAMPU, *Google Malaysia*, *Shopee*, *Lelong.my*, *IPay88*, *Buy Malaysia*, *Mpay* dan *Easy Parcel*. Peserta tidak dikenakan sebarang bayaran untuk menghadiri program ini. Pada tahun 2019, sebanyak 10 sesi telah berjaya dilaksanakan di negeri Pulau Pinang, Terengganu, Sabah, Sarawak, Johor dan Kuala Lumpur dan memberi manfaat kepada 983 usahawan wanita.

Di samping itu, SME Corp juga melaksanakan Program *Youth Go Digital* yang bertujuan untuk mendidik serta mewujudkan kesedaran dalam kalangan pelajar universiti dan vokasional tentang kepentingan dunia digital dan trend utama dalam perniagaan e-dagang. Pada tahun 2018, program ini menerima sambutan menggalakkan daripada 418 peserta yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah yang melibatkan kerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dan Kolej Vokasional Gombak.

## NO SOALAN: 68

MED juga melalui Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN) turut menawarkan program-program latihan teknikal keusahawanan jangka pendek berbentuk *outcome-based*. Antara program latihan teknikal keusahawanan berkaitan perniagaan atas talian adalah seperti berikut:

- a. Pemasaran menggunakan Platform *e-Marketplace* seperti *Shopee*, *Lazada* dan *MyBazaar*
- b. *FB Ads* (Pemasaran Media Sosial)
- c. *Google Ads* (Pemasaran Media Sosial)
- d. *Instagram* (Pemasaran Media Sosial)
- e. Buat Duit Dari *Youtube*
- f. Menghasilkan Video Pemasaran Menggunakan *Smartphone*

Buat masa ini, Program Keusahawanan untuk golongan B40 yang ditawarkan oleh INSKEN adalah melalui program berbentuk bimbingan dan latihan *coaching/mentoring* selama 4 bulan menerusi program :

- a. *INSKEN Business Coaching: Postnatal Care*
- b. *INSKEN Business Coaching: SPA*
- c. *INSKEN Business Coaching: Homestay*
- d. *INSKEN Business Coaching: Tailoring*

Bagi mengalakkan lebih ramai belia dan PKS menerokai perniagaan dan mengembangkan perniagaan melalui suntikan inovasi dan kreativiti, MED melalui *Malaysian Global Innovation Centre* (MaGIC) telah memperkenalkan inisiatif berasaskan penyediaan minda (*mindset*) baharu seperti *Design Thinking* dan *Service Design*. Inisiatif ini diselaraskan dengan pengetahuan peringkat pengenalan kepada teknologi-teknologi terkini seperti media digital, platform e-dagang, data raya (*big data*), *Internet of Things* (IoT).

## **NO SOALAN: 68**

Melalui pendedahan ini, PKS Bumiputera dan luar bandar akan dapat memahami peluang mengembangkan perniagaan sedia ada ke peringkat yang lebih tinggi dengan menerapkan elemen teknologi baharu untuk memperluaskan pasaran dan menjamin pembinaan model perniagaan berimpak tinggi dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 69**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN**  
**ABDULLAH**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap slogan yang telah dikemukakan oleh orang Melayu iaitu 'Buy Muslim First'. Adakah Kerajaan menentang atau bersetuju dengan kempen tersebut kerana secara tidak langsung dapat membangunkan ekonomi dan produk bumiputera.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Fungsi Kementerian adalah untuk mewujudkan satu ekosistem perniagaan yang kondusif kepada komuniti ekonomi dan juga pengguna. Fungsi-fungsi tersebut termasuklah menggalakkan amalan persaingan dalam perniagaan, mengawal kenaikan harga barang dan memastikan kualiti (termasuk isu kebersihan dan halal) sesuatu produk dan perkhidmatan kepada pengguna.
2. Hak pengguna untuk membuat pilihan telah dinyatakan di bawah Dasar Pengguna Negara di mana pengguna berhak untuk mendapatkan barangan atau perkhidmatan yang terbaik daripada mana-mana pengusaha. Persaingan sihat dalam sesuatu industri adalah kunci kepada pengguna untuk menikmati perkhidmatan atau produk yang berkualiti pada harga yang kompetitif.
3. Kementerian ini telah dipertanggungjawabkan untuk menggerakkan inisiatif Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM). Dalam menggerakkan kempen ini, Kementerian melibatkan semua pihak yang menawarkan kepakaran dan kekuatan masing-masing baik dari segi platform perniagaan, pengeluaran, pemasaran dan aspek-aspek lain yang boleh membantu menjayakan kempen ini. Kementerian percaya penglibatan semua pihak merentasi setiap lapisan rakyat

## **NO SOALAN: 69**

yang memainkan peranan masing-masing akan membawa manfaat dan faedah kepada semua.

4. Di bawah inisiatif KBBM, penglibatan semua pihak dizahirkan dengan kerjasama seperti produk PKS Malaysia yang akan disenarai tetap di pasar raya besar, pasar raya, kedai serbaneka dan di kedai i-Keep (Inisiatif Kedai Ekonomi Rakyat) melalui sewaan ruang dan rak jualan. Melalui KBBM juga, Kementerian setakat ini telah menjalin kerjasama bersama syarikat penerbangan AirAsia, platform e-Dagang seperti Lazada Malaysia dan Shopee. KBBM akan terus dilaksanakan dengan melibatkan semua pihak yang relevan yang dapat menyumbang kepada menjayakan dan mempromosikan produk buatan Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 70**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN SOPIAH BINTI SHARIF  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Puan Sopiah binti Sharif** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan masalah kumpulan pengganas yang menjadikan Malaysia sebagai pusat kegiatan mereka, apakah langkah tegas dan terkini Kementerian dalam menangkap dan membawa mereka yang terlibat ke muka pengadilan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Malaysia bukanlah merupakan pusat kegiatan bagi kumpulan pengganas sebaliknya hanyalah sebagai transit sebelum mereka bergerak ke negara ketiga.

Sehubungan itu, menyedari akan ancaman yang boleh ditimbulkan oleh kumpulan-kumpulan penganas seperti militan Daesh ini, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah mengambil pendekatan secara menyeluruh untuk mengekang kegiatan kumpulan termasuklah untuk membawa mereka ke muka pengadilan melalui inisiatif seperti berikut:

- i) melakukan tindakan penguatkuasaan berdasarkan undang-undang seperti Kanun Keseksaan, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2001;
- ii) mengadakan kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) di dalam mengenalpasti dan mengambil tindakan terhadap laman sesawang dan akaun media sosial yang terlibat dengan penyebaran fahaman kumpulan

## NO SOALAN: 70

militan. Tindakan menyekat akses laman sesawang berkenaan perlu dilakukan agar ia tidak terus tersebar kepada masyarakat umum;

- iii) berkolaborasi dengan agensi-agensi seperti Jabatan Agama Islam serta Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional bagi memastikan keharmonian agama, keluhuran perlembagaan dan kedaulatan negara dapat dipertahankan;
- iv) mengadakan kerjasama strategik dengan negara-negara asing dalam menangani ancaman kumpulan pengganas. Kerjasama strategik ini merangkumi antara lain aspek pengumpulan dan perkongsian maklumat risikan, perkongsian dan pertukaran kepakaran dan latihan serta bina upaya;
- v) meningkatkan kesedaran di kalangan orang awam dan ahli keluarga untuk memberikan maklumat mengenai penglibatan mana-mana individu yang menunjukkan kecenderungan dan sokongan kepada kumpulan pengganas. Sebarang perubahan tingkah laku yang drastik dalam diri seseorang juga boleh dijadikan petunjuk bahawa individu tersebut mula terpengaruh dengan dakwah perjuangan yang dilontarkan oleh anasir-anasir militan; dan
- vi) Kerajaan juga dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah menjalankan pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah jumaat,

## **NO SOALAN: 70**

perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium termasuklah media sosial untuk disasarkan kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrim yang menjurus ke arah kegiatan militan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 71**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK IR. YONG WUI CHUNG  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Ir. Yong Wui Chung** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini naik taraf Pelabuhan Sepanggar dan usaha Kementerian bagi menarik lebih banyak syarikat perkapalan antarabangsa datang ke sini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Pelabuhan Sepanggar merupakan antara pelabuhan di bawah tanggungjawab dan pengawalseliaan Kerajaan Negeri Sabah. Berdasarkan maklumat yang dilaporkan kepada Kementerian Pengangkutan, projek naik taraf Pelabuhan Kontena Teluk Sapanggar merupakan projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dengan anggaran kos sebanyak RM1.027 bilion. Pelaksanaan projek ini sejajar dengan hasil Kajian Pelan Induk Pelabuhan Kontena Teluk Sapanggar dan Pelan Peniagaan (*Sapanggar Bay Port Master Plan and Business Study*) pada tahun 2017. Projek ini adalah sebahagian dari projek-projek seliaan *Sabah Development Corridor* (SDC) di bawah pengurusan *Sabah Economic Development and Investment Authority* (SEDIA).

2. Pada masa ini, pihak SEDIA dalam peringkat untuk mendapatkan pertimbangan dan kelulusan daripada Kementerian Kewangan bagi pembinaan Fasa Kedua yang dijangka akan dilaksanakan bermula tahun 2020 setelah kajian-kajian tertentu siap sepenuhnya yang antaranya melibatkan kajian *marine traffic risk assessment* (MTRA) dan kajian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment* - EIA).

## **NO SOALAN: 71**

3. Untuk makluman Yang Berhormat, pertumbuhan sesuatu pelabuhan amat bergantung kepada pertumbuhan ekonomi dan sektor industri yang dapat menjana kargo-kargo untuk tujuan import dan eksport. Kementerian Pengangkutan dimaklumkan bahawa, agensi-agensi Kerajaan Persekutuan bersama agensi-agensi Kerajaan Negeri sedang merangka pelbagai program ekonomi untuk Kerajaan Negeri Sabah dalam usaha membangunkan kawasan-kawasan industri. Pada masa sama, Pelabuhan Sepanggar perlu menggunakan pertumbuhan ekonomi serantau khususnya di bawah blok kerjasama di bawah BIMP-EAGA dalam usaha mempromosikan Pelabuhan Sepanggar sebagai hab pelabuhan di rantau BIMP-EAGA. Selain itu, Kerajaan Persekutuan juga telah meliberalisasikan dasar kaboatj di Malaysia Timur bagi membolehkan kapal-kapal perdagangan antarabangsa berpendaftaran asing dapat membuat persinggahan terus di pelabuhan-pelabuhan di Malaysia Timur. Usaha ini dijangka memberi impak positif dalam meningkatkan aktiviti-aktiviti perdagangan di pelabuhan-pelabuhan Sabah.

4. Bagi merancakkan lagi aktiviti perniagaan menggunakan pelabuhan yang ada di Sabah, Kerajaan amat menyokong dan menggalakkan usaha-usaha supaya komuniti perniagaan di kawasan yang berhampiran mengoptimumkan lebih kapasiti dengan mempergiatkan lagi perniagaan atau aktiviti ekonomi melibatkan penggunaan kargo setelah Pelabuhan Sepanggar dinaik taraf. Dengan hal demikian, Pelabuhan Sepanggar akan menerima kesan positif dan limpahan ekonomi dapat dinikmati bersama oleh komuniti perniagaan setempat secara amnya.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 72**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dato' Haji Husain Bin Awang** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tindakan bersepadu yang diambil bagi menyelesaikan masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah kebangsaan sebagai persediaan menghadapi sesi persekolahan baharu tahun hadapan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk mengatasi masalah kekurangan guru di sekolah-sekolah seluruh negara. Urusan pengambilan guru baharu daripada kalangan graduan pendidikan lepasan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Universiti Awam sentiasa dilakukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) bagi mengisi kekosongan guru di sekolah-sekolah KPM.

KPM telahpun melaksanakan penempatan guru baharu Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan DG41 berkuat kuasa pada 1 November 2019 seramai 2,135 orang termasuk 1,600 orang guru di sekolah kebangsaan. KPM juga membuka pengambilan guru interim bagi mengisi perjawatan di semua sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina di seluruh negara mulai Januari 2020 dengan kuota berjumlah 3,962 calon. KPM akan melaksanakan penempatan semua guru interim ke seluruh negara berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen semasa setelah menerima bekalan calon yang telah lulus temu duga.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 73**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah tindakan yang diambil dalam usaha memastikan kerja-kerja projek Kerajaan baru dilaksanakan dengan kos yang lebih berpatutan demi kepentingan semua rakyat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam usaha memastikan projek-projek Kerajaan dilaksanakan dengan kos yang lebih berpatutan demi kepentingan semua rakyat, maka semua perolehan projek Kerajaan telah ditawarkan secara tender terbuka, seperti mana yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia.

Di samping itu juga, bagi projek-projek dengan kos yang melebihi RM50 juta, pihak Kementerian akan melaksanakan Makmal Pengurusan Nilai atau *Value Management Lab* bagi mendapatkan kos dan skop projek yang optimum (*value for money*) selaras dengan arahan Pekeliling Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri Bil.1/2015.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 74**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK HAJI HUSAM BIN MUSA  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Haji Husam Bin Musa** minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan nama dan jumlah pengeluaran telaga petroleum serta berapakah jumlah wang ihsan/royalti/bayaran tunai yang telah dibuat kepada Kerajaan Negeri Kelantan sekarang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Sepertimana yang dimaklumkan semasa sesi penggulungan Rang Undang-undang Perbekalan di Dewan Rakyat sebelum ini, hasil semakan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dengan PETRONAS mendapati bahawa terdapat dua (2) lapangan gas yang terletak dalam perairan Malaysia yang berhampiran dengan negeri Kelantan iaitu, lapangan Bumi South (PM2) dan Suriya Selatan (PM301). Bayaran tunai yang dibayar oleh PETRONAS kepada Kementerian Kewangan mulai 2009 hingga Ogos 2019 berjumlah RM387.72 juta adalah hasil daripada pengeluaran dua lapangan ini.
2. Pengeluaran daripada lapangan untuk Bumi South (atau PM2) bagi tahun 2019 sehingga Ogos adalah sebanyak 0.6 ribu tong sehari untuk *condensate*, dan sebanyak 64.8 juta kaki padu sehari (*Million cubic feet per day - MMscfd*) bagi gas. Bagi lapangan Suriya Selatan (atau PM301) pula, jumlah pengeluaran *condensate* adalah sebanyak 0.3 ribu tong sehari manakala untuk gas adalah sebanyak 54.8 juta kaki padu sehari (MMscfd).
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pembayaran bagi Ogos 2019 berjumlah RM16.79 juta telahpun dilunaskan oleh PETRONAS kepada Kementerian Kewangan untuk maksud ini. Pihak Kementerian

## **NO SOALAN: 74**

Kewangan menyalurkan sebanyak 50 peratus daripada bayaran tunai ini kepada Kerajaan Negeri Kelantan manakala 50 peratus lagi disalurkan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) berdasarkan perjanjian MAIK dengan MOF, yang telah ditandatangani sejak 2016.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 75**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK THEODORE DOUGLAS LIND  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Theodore Douglas Lind** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai perancangan atau strategi bagi mengatasi kenaikan harga barang-barang makanan dan keperluan harian yang menjadi isu besar yang harus di atasi segera oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

KPDNHEP mempunyai pelbagai perancangan dan strategi bagi mengatasi isu ini. Antara strateginya adalah seperti berikut:

**a. Strategi Sedia Ada Menangani Peningkatan Harga**

- (i) Menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** bagi mengawal pengambilan keuntungan secara tidak munasabah oleh peniaga. Sebagai contoh, Kementerian baru sahaja melancarkan **Ops Catut 6.0** pada 1 Disember 2019 sebagai usaha membentaras isu pencatutan;
- (ii) Melaksanakan **Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP)** pada musim perayaan utama;
- (iii) Menguatkuasakan **Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1993** bagi mewajibkan peniaga meletakkan tanda harga atau senarai harga ke atas barangan yang dijual;
- (iv) Mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan dan Resolusi (STAR)** dan **Special Action Squad (SAS)** untuk menyelesaikan aduan rakyat dengan **cepat dan pantas**;

## NO SOALAN: 75

- (v) Menjalankan **pemantauan harga barangan keperluan asas di seluruh negara** di bawah **Program Pemantauan Harga** oleh **Pegawai Pemantau Harga Kementerian**;
- (vi) Meningkatkan kerjasama antara Kementerian dan pengguna sebagai ejen penyaluran dan sebaran maklumat kepenggunaan, terutama mengenai isu harga barang contohnya inisiatif ***Friends of KPDNHEP***; dan
- (vii) Mempromosikan **medium interaktif** bagi memudahkan rakyat membuat perbandingan harga melalui aplikasi pintar ***PriceCatcher*** dan mengemukakan aduan melalui aplikasi **Ez Adu**.
- (viii) Pada masa ini, strategi kerajaan bagi menangani kos sara hidup ialah melalui **kawalan barangan** di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961, **penguatkuasaan** di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dan **pelaksanaan subsidi bersasar** untuk petroleum di bawah Akta Pembangunan Petroleum 1974.

### b. Strategi Efektif yang Lain

- (i) **Strategi efektif** yang lain bagi menangani kos sara hidup dalam tempoh jangka panjang ialah meningkatkan kuasa beli (*purchasing power*) pengguna termasuk meningkatkan daya upaya pengguna supaya pengguna bijak berbelanja dan mengetahui hak sebagai pengguna.

## NO SOALAN: 75

- (ii) Antara strategi lain ialah **meningkatkan produktiviti** yang juga akan dapat membantu meningkatkan pendapatan pekerja. Pada masa ini, produktiviti pekerja dalam sektor pemborongan dan peruncitan adalah agak rendah berbanding dengan Korea dan Australia kerana kebanyakan industri tersebut bergantung kepada pengambilan pekerja asing.
  
- (iii) **Menghapuskan monopoli/kartel** bagi industri-industri yang boleh diliberalisasikan supaya wujudnya persaingan sihat yang membolehkan pengguna dapat membeli barangan dengan harga yang lebih kompetitif. Di bawah KPDNHEP, perkara ini sedang diteliti oleh Suruhanjaya Persaingan (MyCC) untuk memastikan tiada pemain industri yang dominan dalam pasaran.
  
- (iv) KPDNHEP akan sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi yang terlibat seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan SME Corp. untuk membangunkan lebih ramai usahawan kecil dan sederhana yang sekaligus akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan dan dapat meningkatkan pendapatan isi rumah bagi individu-individu yang terlibat dalam bidang keusahawanan.
  
- (v) KPDNHEP juga akan bekerjasama dengan agensi tertentu seperti MATRADE dan SME Corp. untuk memasarkan barangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) ke peringkat antarabangsa

## **NO SOALAN: 75**

supaya PKS dapat terus berdaya saing bukan sahaja di dalam negara tetapi dapat menembusi pasaran antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 76**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ISMAIL BIN YUSOP  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Ismail bin Yusop** minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan selain daripada usaha Kerajaan dalam membasmi peniaga Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI), apakah usaha-usaha pihak Kerajaan dalam membantu merancakkan ekonomi secara langsung dapat meningkatkan pendapatan peniaga warga tempatan khususnya golongan M40.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa proaktif dalam memperkasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) agar PBT dapat memberikan perkhidmatan bagi membantu merancakkan ekonomi serta dapat meningkatkan pendapatan peniaga warga tempatan. Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mewujudkan PBT yang mesra peniaga merangkumi aspek dasar dan perundangan, memperkemas sistem dan proses kerja pelesenan PBT dan melalui pelbagai program yang dilaksanakan oleh PBT masing-masing.
2. Dari aspek dasar dan perundangan, KPKT sentiasa mengeluarkan Garis Panduan yang seragam untuk diguna pakai oleh PBT. Contohnya Garis Panduan Perancangan Kawasan Perdagangan, Garis Panduan Pengurusan Bazar Ramadan dan Garis Panduan Trak Bergerak (Makanan, Barangan dan Perkhidmatan). KPKT juga telah menyediakan Garis Panduan Pengurusan Pasar Malam/Pasar Harian/Pasar Tani di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
3. Selain itu, proses dan sistem kerja berkaitan permohonan pelesenan di PBT sentiasa diperkemas. Tempoh kelulusan lesen tidak berisiko dipendekkan dan terdapat lesen premis yang dikeluarkan

## **NO SOALAN: 76**

serta-merta oleh PBT seperti lesen premis kedai gunting rambut. Bagi memudahkan rakyat menjalankan perniagaan dan berurusan dengan PBT, KPKT juga bekerjasama dengan agensi seperti Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), *Malaysian Productivity Corporation* (MPC) dan lain-lain agensi bagi menyediakan sistem yang mesra peniaga seperti *Business Licensing Electronic Support System* (BLESS) untuk memudahkan orang ramai mendapat maklumat mengenai pelesenan di PBT. Tambahan pula, melalui portal e-PBT, KPKT membantu peniaga membuat permohonan dan pembayaran lesen secara dalam talian.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 77**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN ALAN LING SIE KIONG**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Alan Ling Sie Kiong** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah badan atau agensi yang bertanggungjawab untuk menahan perokok-perokok yang tidak mematuhi peraturan-peraturan merokok di premis makanan setelah diwartakan sebagai kawasan larangan merokok pada tahun ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Semenjak penguatkuasaan pewartaan tempat makan sebagai tempat larangan merokok pada 1 Januari 2019, pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah membuat perancangan strategik bagi memastikan larangan merokok dipatuhi. Beberapa perkara yang telah dilaksanakan adalah seperti dengan membuat pengumuman awam melalui kenyataan media, mengadakan pemakluman melalui media masa dan media sosial, mencetak dan mengedarkan bahan-bahan promosi berkaitan larangan merokok dan kesan merokok. Pihak KKM juga telah mengaturkan penguatkuasaan pendidikan bermula 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019. Bagi memperkukuhkan lagi pematuhan larangan ini, pihak KKM sentiasa bekerjasama dengan badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dalam memberikan pendidikan kepada orang awam berkaitan larangan merokok di tempat makan. Bermula 1 Januari 2020, tindakan penguatkuasaan penuh larangan merokok di tempat makan akan dijalankan.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Penguatkuasaan pewartaan tempat makan sebagai tempat larangan merokok ini akan dijalankan oleh Penguatkuasa Kesihatan serta agensi tertentu yang telah diberikan kuasa. Pada masa sekarang, KKM mempunyai seramai 4,743 orang penguatkuasa di seluruh Malaysia. Selain itu, pihak

## **NO SOALAN: 77**

KKM telah pun menjalankan promosi serta kesedaran kepada masyarakat tentang penguatkuasaan sendiri atau "*self empowerment*" oleh Tuan Punya Permis serta masyarakat sekeliling.

Sepanjang penguatkuasaan pendidikan dijalankan, sebanyak 146,607 premis telah diperiksa dan 31,422 notis amaran telah dikeluarkan. Dari jumlah tersebut, sebanyak 27,759 buah premis yang telah diberikan amaran kerana gagal meletakkan tanda larangan merokok serta 3,889 notis dikeluarkan bagi orang yang didapati merokok di kawasan kedai makan. Sejumlah 23,805 aduan telah diterima semenjak Januari 2019 sehingga 3 November 2019.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 78**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L  
A.ACHYUTHAN NAIR  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan menjelang 2030, 15% rakyat Malaysia dijangka terdiri dari warga emas. Apakah Kerajaan bersedia menangani golongan ini dengan memberi penjagaan kesihatan percuma, bantuan kewangan dan perumahan dan sebagainya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan kepada data unjuran penduduk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, negara kita akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 dengan jumlah warga emas atau mereka yang berumur 60 tahun dan ke atas seramai 5.80 juta orang atau 15.3% daripada jumlah penduduk. Sebagai persediaan awal, Kerajaan telah menggubal Dasar Warga Tua sejak tahun 1995 di mana dasar tersebut telah disemak semula dan dipinda pada tahun 2011 selaras dengan perubahan demografi, keperluan semasa dan cabaran masa hadapan. Di samping itu, Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) juga telah digubal dan dilaksanakan bagi tempoh sepuluh tahun iaitu dari tahun 2011 hingga tahun 2020.

Bagi memastikan kesejahteraan warga emas menjelang tahun 2030 dan tahun seterusnya, Kementerian dalam perancangan untuk menyediakan hala tuju bagi persediaan Malaysia ke arah negara tua pada 2030 dari segi penilaian semula Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara sedia ada. Pembangunan hala tuju ini amat penting dalam merangka strategi, program dan tindakan yang perlu bagi memastikan keperluan sebenar warga emas dapat dipenuhi menjelang 2030.

## NO SOALAN: 78

Kementerian sedang melaksanakan Kajian Diagnostik Bagi Membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Masa Panjang Yang Bersepadu dan Mampan di Malaysia yang dijangka selesai pada penghujung tahun 2020. Hasil yang dijangkakan adalah pembentukan model pembiayaan serta model penjagaan yang bersepadu serta pelan tindakan pelaksanaan penjagaan jangka masa panjang. Kajian ini akan mengambil kira keperluan jagaan kesihatan dan sosial di institusi serta di komuniti.

Selain itu, kajian ini juga akan melihat secara menyeluruh dan mencadangkan hasil kajian termasuk pindaan perundangan dan dasar atau dengan izin *regulatory framework* yang diperlukan, sistem atau model pembiayaan yang mampan, peranan dan tanggungjawab pemegang taruh yang telah dikenal pasti di setiap peringkat, perubahan institusi yang diperlukan atau dengan izin *institutional reform*, kualiti dan kuantiti tenaga kerja yang diperlukan dalam perkhidmatan penjagaan warga emas dan infrastruktur yang diperlukan untuk menyokong perkhidmatan penjagaan jangka masa panjang yang bersepadu dan mampan.

Pada masa kini Kerajaan telah menyediakan Bantuan Orang Tua (BOT) sebanyak RM350 sebulan seorang kepada golongan warga emas yang layak serta pelepasan cukai kepada anak-anak untuk penjagaan dan rawatan perubatan ibu dan bapa. Selain itu, inisiatif Program Khidmat Bantu Rumah (Home Help), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan Program Intergenerasi untuk menggalakkan penjagaan berasaskan komuniti juga sedang dilaksanakan oleh Kerajaan sebagai alternatif kepada golongan warga emas untuk menjalani kehidupan harian yang aktif dan gembira.

## **NO SOALAN: 78**

Semua inisiatif ini juga mengarah kepada alternatif terhadap jaringan keselamatan sosial khusus untuk warga emas pada masa hadapan.

Tuan Yang di-Pertua,

Jangka masa 10 tahun ini akan menjadi satu jangka masa yang penting bagi Kerajaan untuk merancang dan melaksanakan inisiatif bagi memastikan kesejahteraan warga emas menjelang tahun 2030. Kerajaan juga mengambil langkah yang teliti dalam merangka dan melaksanakan semua inisiatif ini dalam usaha memastikan kejayaan setiap inisiatif baharu yang akan dicadangkan yang seterusnya dapat menepati keperluan masyarakat pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 79**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' ISA BIN AB. HAMID**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dato' Isa Bin Ab. Hamid** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peluang kenaikan pangkat dan gaji bagi pegawai pendidikan siswazah yang memiliki Master dan PhD bagi memperkasakan kerjaya yang lebih dinamik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa menghargai usaha pegawai pendidikan siswazah yang melanjutkan pengajian mereka ke peringkat yang lebih tinggi iaitu ijazah Sarjana (Master) dan Doktor Falsafah (PhD). Pada masa ini, KPM telah menawarkan pelbagai insentif bagi menggalakkan guru menyambung pengajian sama ada di peringkat diploma/ijazah/PhD, antaranya dengan menawarkan Cuti Belajar Bergaji Penuh dengan/ tanpa Hadiah Latihan Persekutuan. Selain itu, Kementerian turut menyediakan kemudahan Cuti Kursus Sambilan kepada guru-guru yang melanjutkan pengajian tanpa biasiswa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru yang memiliki ijazah Master dan PhD juga mempunyai kelebihan dalam pertimbangan bagi kenaikan gred di laluan cemerlang.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 80**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN AKNAN EHTOOK  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Aknan Ehtook** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambah portfolio bagi agama-agama lain dalam senarai tugas Menteri di Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan rakyat Malaysia pelbagai agama turut diberi perhatian dan tindakan sewajarnya diambil untuk melahirkan rakyat yang mempunyai ilmu pengetahuan yang mendalam mengenai agama masing-masing.

**NO SOALAN: 80**

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Buat pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menambah portfolio bagi senarai tugas Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Malah, dalam Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan bahawa rakyat negara ini bebas menganut dan mengamalkan agama masing-masing dalam keadaan harmoni dan damai.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 81**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN ALAN LING SIE KIONG  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Alan Ling Sie Kiong** minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan sejauh manakah peralatan pengesan jerebu di seluruh negara beroperasi dengan efektif dan efisien bagi memudahkan orang awam mendapat maklumat berlakunya jerebu dalam masa yang singkat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar telah menempatkan sebanyak 65 stesen pengawasan kualiti udara secara automatik di seluruh negara bagi memantau kualiti udara di Malaysia secara berterusan. Stesen-stesen ini memantau kualiti udara dengan memberikan bacaan dalam bentuk Indeks Pencemar Udara (IPU) di mana kaedah pengiraan ini adalah berdasarkan kepada piawaian antarabangsa Pollutant Standard Index (PSI) yang dibangunkan oleh United States Environmental Protection Agency (US-EPA). Bacaan IPU ini membantu kerajaan dalam mengambil tindakan dan membuat keputusan berdasarkan dalam Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan (pelan ini dikemaskini pada November 2018) terutamanya melibatkan penutupan sekolah, menghentikan aktiviti di luar kelas serta menjalankan operasi pembenihan awan.

Bacaan IPU ini dipaparkan dalam website APIMS (Air Pollutant Index of Malaysia, [http://apims.doe.gov.my/public\\_v2/home.html](http://apims.doe.gov.my/public_v2/home.html)) yang dikemaskini setiap jam dan boleh dirujuk oleh orang awam. Selain itu, orang awam juga boleh merujuk bacaan IPU terkini melalui aplikasi telefon MyIPU.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 82**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SURESH SINGH A/L RASHPAL**  
**SINGH**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kenapa pihak hospital UMMC menggunakan khidmat pihak ketiga untuk membekal alat-alat pembedahan di mana pesakit diminta membayar secara terus kepada pembekal tersebut dan barangan tersebut dihantar terus ke hospital oleh pembekal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Adalah menjadi amalan yang dibenarkan oleh semua hospital awam supaya alat-alat pembedahan yang tidak dibekalkan atau tidak terdapat di dalam senarai Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) perlu disediakan sendiri oleh pesakit. Walaupun demikian, pihak PPUM menyediakan perkhidmatan di mana kami menyediakan kemudahan untuk mendapatkan bekalan alatan yang diperlukan dengan menguruskan perolehan alatan melalui senarai pembekal yang berdaftar. Pihak PPUM akan memberi penerangan kepada pesakit atau waris berkenaan alat-alat pembedahan yang diperlukan.

Amalan ini adalah untuk mengelakkan salah laku dan masalah yang boleh timbul akibat urusan luar yang tidak melibatkan pihak hospital. Pihak PPUM tidak menggalakkan urusan oleh doktor dan pesakit dengan pembekal secara berasingan dan isu yang ditimbulkan ini sepatutnya tidak berlaku. Dalam keadaan luar biasa, pihak PPUM boleh membenarkan pengurusan terus dengan pihak ketiga di lakukan, tetapi perkara ini adalah bukan amalan biasa. Dengan demikian, pihak PPUM mohon agar perkara ini dipanjangkan kepada PPUM untuk semakan dan penyiasatan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 83**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN LIM HUI YING  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Puan Lim Hui Ying** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan untuk membantu pelajar-pelajar sekolah pondok supaya mereka boleh juga mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Institusi pondok di negara ini menawarkan pendidikan agama kepada pelbagai lapisan masyarakat tanpa menghadkan umur tertentu. Sama seperti pelajar di sekolah aliran perdana, pelajar-pelajar pondok juga layak menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sekiranya mereka memenuhi syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Malah Kerajaan sentiasa mengalakkan semua pelajar yang layak untuk menduduki peperiksaan SPM demi memastikan masa depan mereka terjamin seterusnya memberi peluang yang lebih luas untuk pelajar-pelajar ini menyambung pengajian ke institusi pengajian tinggi.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 84**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD SUHAIMI BIN**  
**ABDULLAH**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Abdullah** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah rancangan dan penyelesaian terhadap kapal selam jenis Scorpion KD Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak bagi kos penyelenggaraan yang dianggarkan RM50 juta setahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Rancangan penyelenggaraan Kapal Selam jenis *Scorpene*, KD TUNKU ABDUL RAHMAN dan KD TUN RAZAK mulai tahun 2021 akan dilaksanakan secara Tender Terbuka Pra-Kelayakan. Pendekatan ini adalah selaras dengan dasar terkini tatacara perolehan Kerajaan. Justeru, pendekatan ini adalah penyelesaian bagi kos penyelenggaraan Kapal Selam agar lebih kompetitif.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 85**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L  
A.ACHYUTHAN NAIR  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sejak kebelakangan ini, negara kita sering mengalami masalah gangguan bekalan air sama ada akibat pencemaran, kemarau atau kerja-kerja penyelenggaraan. Di sesetengah negara, penuaian air (water harvesting) secara tadahan hujan menerusi takungan air dari sumber bawah tanah atau permukaan tanah telah diperkenalkan. Adakah Kerajaan sedia memperkenalkan langkah penuaian air ini di bandar dan luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Di bawah Perlembagaan Persekutuan, sumber air diletakkan di bawah senarai kuasa Kerajaan Negeri masing-masing. Pada masa ini sumber air dikawal selia oleh Kerajaan Negeri melalui Badan Kawal Selia Sumber Air atau Unit Perancang Negeri masing-masing.
2. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri dalam usaha dalam merancang, membangunkan dan mengurus sumber air bagi memastikan kuantiti dan kualiti air bagi semua sektor pengguna dan alam sekitar.
3. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan Kajian Sumber Air Negara dijalankan pada tahun 2000 dan kajian semula pada tahun 2011. Kajian tersebut telah mengenal pasti cadangan pembangunan sumber air dan infrastruktur bekalan air bagi memenuhi permintaan air pelbagai sektor seperti domestik, industri, pertanian, ternakan dan lain-lain kegunaan sehingga tahun 2050.
4. Sehubungan itu, keperluan sumber dan pembangunan loji baru perlulah dipantau, dilaksanakan dan disemak semula mengikut jadual perancangan kajian tersebut selaras dengan pertumbuhan permintaan dari semasa ke semasa.

## NO SOALAN: 85

5. Dalam usaha untuk meningkatkan sumber air alternatif dan menghadapi ancaman pencemaran sumber air mentah yang semakin berleluasa, Kementerian ini melalui Bahagian Bekalan Air telah melaksanakan projek-projek penuaian larian hujan melalui pembinaan kolam takungan air mentah seperti *Off-river Storage* atau dikenali sebagai ORS di beberapa negeri.

6. Kolam-kolam takungan ORS tersebut berkonsep menakung atau menyimpan air hujan semasa aliran sungai menjadi tinggi semasa hujan. Sumber air mentah ini akan disimpan untuk digunakan semasa kemarau atau aliran sungai adalah rendah untuk diambil oleh loji rawatan air yang berdekatan.

7. Kolam seumpama ini biasanya dibina di kawasan yang berisiko rendah daripada pencemaran sungai akibat penggunaan tanah dan pembangunan bandar yang pesat. Pembinaan kolam simpanan bawah tanah akan dipertimbangkan sekiranya sesuai tanpa menyebabkan risiko keselamatan dan kesihatan orang awam.

8. Projek yang sedang dilaksanakan adalah seperti ORS Sg Johor, ORS Sg Linggi (Negeri Sembilan), ORS Gadek dan ORS Tasik Biru di daerah Jasin, Melaka, kajian kemungkinan pembinaan sistem ORS di kawasan Wilayah Tengah Lembaga Air Perak dan ORS Langkawi.

9. Selain itu, Kementerian ini juga melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa menggalakkan penggunaan Sistem Penuaian Air Hujan (SPAH) dalam pembangunan baharu dan sedia ada.

## **NO SOALAN: 85**

10. Walau bagaimanapun, pemakaian dan penggunaan SPAH ini adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia (KPKT) untuk dilaksanakan di setiap pembangunan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 86**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Tuan Manolan bin Mohamad** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat mana dan apakah bentuk penstrukturan semula JAKOA seperti yang dijanjikan di dalam Buku Harapan pada PRU 14.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Cadangan penstrukturan semula Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah siap dirangka mengikut keperluan berdasarkan beberapa siri perbincangan bersama Menteri Perpaduan dan Kesejahteraan Sosial, Jabatan Perdana Menteri serta pegawai JAKOA di peringkat negeri dan daerah. Pada masa ini, JAKOA sedang melengkapkan kertas cadangan penstrukturan mengikut format Jabatan Perkhidmatan Awam untuk diangkat kepada pertimbangan dan kelulusan Jabatan Perdana Menteri.

Bagi bentuk penstrukturan semula JAKOA, penstrukturan tersebut akan melibatkan pertambahan jawatan baharu mengikut keperluan di semua peringkat selain cadangan kenaikan ke gred jawatan yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 87**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK ABDUL GHANI BIN**  
**MOHAMED YASSIN**  
**TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Datuk Abdul Ghani Bin Mohamed Yassin** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan khususnya di peringkat sekolah dan universiti bagi menggalakkan penglibatan golongan belia dan anak muda dalam dunia keusahawanan Industri 4.0.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi ruang dan peluang kepada murid untuk memperkukuhkan kefahaman dalam bidang keusahawanan bagi memenuhi aspirasi pendidikan negara dalam menyediakan murid bagi mendepani Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0). KPM telah melaksanakan mata pelajaran berteraskan industri 4.0 di peringkat sekolah menengah seperti Asas Sains Komputer (ASK), Reka Bentuk & Teknologi (RBT), Sains Komputer serta Reka Cipta untuk memastikan murid mendapat pengetahuan dan kemahiran menceburi bidang keusahawanan.

KPM juga melaksanakan mata pelajaran Pengajian Keusahawanan sebagai mata pelajaran elektif bagi murid Tingkatan 4 dan 5 di sekolah menengah teknik. Antara tajuk yang dimasukkan dalam mata pelajaran ini ialah Keusahawanan Digital yang menjurus kepada keusahawaan industri 4.0. Tajuk ini memberi pendedahan kepada murid berkaitan perisian aplikasi, keusahawanan digital dan perundangan serta mengaplikasikan platform teknologi digital dalam pemasaran.

KPM turut bekerjasama dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam usaha membantu meningkatkan keupayaan murid untuk berinovasi dan berkreativiti bagi mendepani RI 4.0. Antara agensi yang terlibat adalah

## NO SOALAN: 87

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa), Prudence Foundation, JA Malaysia, Allianz Life Insurance Malaysia, Bank Simpanan Nasional, Permodalan Nasional Berhad dan Moneytree Asia Pasific Sdn. Bhd.

Selain itu, KPM turut memperhebatkan Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) untuk melahirkan pelajar yang bekemahiran bagi keperluan industri di Negara kita. *Outcomes* TPV adalah 70 peratus untuk bekerja di industri, 20 peratus pelajar menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan 10 peratus untuk menjadi teknousahawan. Antara inisiatif yang dilaksanakan oleh KPM bagi menggalakkan penglibatan murid dalam dunia industri keusahawanan adalah:

1. Program *1stSTEP* SSM (*Student Entrepreneurship Programme*) yang dilaksanakan sejak tahun 2018 di Kolej Vokasional dengan kerjasama Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menggalak dan melatih murid-murid menceburi bidang keusahawanan khususnya dalam bidang Industri 4.0.
2. Program P-Tech IBM (Pathways in Technology Early College High Schools) yang akan dilaksanakan secara rintis pada tahun 2020 dengan kerjasama IBM dan MDEC di Kolej Vokasional Sungai Buloh dan Kolej Vokasional Sepang bagi memberi kemahiran, latihan dan pengetahuan kepada murid tentang keusawanan dan idustri 4.0.

Di peringkat pendidikan tinggi pula, kursus keusahawanan telah diwajibkan di semua universiti awam (UA) bermula tahun 2007 bagi memastikan semua pelajar tidak mengira bidang pengajian didedahkan kepada ilmu asas

## NO SOALAN: 87

keusahawanan. UA boleh menawarkan Kursus Keusahawanan sebagai Kursus Teras Universiti / Program atau melalui Kelompok U2 dalam kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU). KPM juga telah menerbitkan Modul Baharu Kursus Asas Keusahawanan Institut Pendidikan Tinggi untuk dijadikan rujukan utama pengajaran bagi Kursus Keusahawanan di semua UA bermula sidang akademik 2017/2018. UA juga boleh menyesuaikan modul ini mengikut program akademik tertentu.

Selain daripada itu, KPM juga telah melaksanakan inisiatif *Job Creator Framework* di bawah Ionjakan 1, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM(PT) yang menerapkan nilai dan atribut keusahawanan dalam kalangan pelajar melalui pendidikan untuk menganjakkan minda mereka daripada pencari kerja (*job seeker*) kepada pencipta kerja (*job creator*).

Bagi tenaga pengajar pula, KPM turut menyediakan laluan khas bagi program tajaan biasiswa Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) kepada tenaga pengajar akademik di UA melalui Program Skim Latihan Akademik Bumiputera (SLAB) dan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI). Selain daripada itu, untuk profesion Keguruan, KPM turut menyediakan Biasiswa khas di bawah Program Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) dalam bidang IR 4.0 diperingkat Sarjana dan Ph.D.

Objektif program khas IR 4.0 ini ditawarkan adalah sebagai pendedahan awal kepada tenaga pengajar akademik UA dan juga guru-guru di sekolah dalam mempertingkatkan aspek Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) selain menyediakan rakyat Malaysia bagi mengharungi arus kemodenan

## **NO SOALAN: 87**

perubahan teknologi IR 4.0 serta untuk memperlengkap dan menyediakan tenaga kerja mahir dari kalangan rakyat Malaysia dalam bidang tersebut selaras dengan keperluan tenaga kerja negara.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN: 88**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2019, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB PUAN RAJ MUNNI BINTI SABU  
TARIKH : 9 DISEMBER 2019**

**Puan Raj Munni binti Sabu** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah peranan yang dimainkan oleh Kementerian dalam memastikan upah yang diterima oleh pekerja setimpal dengan produktiviti mereka, seterusnya mencapai kualiti hidup yang baik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Produktiviti merupakan salah satu faktor penting yang mempengaruhi pertumbuhan ekonomi dan taraf hidup rakyat sesebuah negara. Peningkatan produktiviti merupakan cara yang strategik untuk meningkatkan daya saing ekonomi. Menyedari kepentingan meningkatkan produktiviti dan daya saing organisasi, Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti (PLWS) telah diperkenalkan oleh Kerajaan.

2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) memainkan peranan penting dalam mempromosi dan menggalakkan pihak majikan, pekerja dan kesatuan-kesatuan sekerja melaksana dan mengamalkan PLWS dalam sistem upah mereka. Pelbagai program promosi dan publisiti PLWS telah dilaksanakan oleh JPPM sejak tahun 2006 sehingga kini bagi memberi pendedahan, pengetahuan dan kemahiran kepada pihak-pihak berkenaan mengenai PLWS dan kepentingannya yang boleh menyumbang kepada peningkatan gaji dan upah seiring dengan peningkatan produktiviti.

3. PLWS merupakan satu sistem yang mewujudkan hubungan yang rapat di antara upah dengan produktiviti untuk meningkatkan daya saing dan memupuk kestabilan pekerjaan. Antara faedah-faedah pelaksanaan PLWS yang menyumbang kepada kualiti hidup yang baik adalah:

## NO SOALAN: 88

- Menjamin peningkatan produktiviti dan daya saing di peringkat syarikat;
- Pembayaran upah diselaraskan mengikut prestasi ekonomi dan ini dapat mengurangkan impak negatif terhadap majikan dan pekerja;
- Menjamin kestabilan pekerjaan dan mengurangkan risiko berlakunya pembuangan kerja sewaktu kelembapan ekonomi;
- Mewujudkan situasi menang-menang (*win-win situation*) bagi kedua belah pihak;
- Membolehkan syarikat menyelaras polisi mengikut suasana ekonomi semasa;
- Memperbaiki pengkhususan kerja mengikut kemahiran dan meningkatkan kerjaya para pekerja;
- Menambahbaikkan komunikasi dan kerjasama antara majikan dan pekerja kerana kedua-dua pihak berusaha menjurus kepada peningkatan prestasi; dan
- Meningkatkan motivasi dan moral pekerja serta kepuasan bekerja.

4. Sehingga Oktober 2019, sebanyak 87,144 syarikat telah melaksanakan PLWS dengan jumlah pekerja menikmati faedah pelaksanaan PLWS seramai 4.5 juta orang.

Sekian, terima kasih.